

# BAHASA KEBANGSAAN A

Buku Bahasa Kebangsaan A direka bentuk berdasarkan sukatan pelajaran terkini khusus untuk kegunaan pelajar universiti atau kolej swasta yang mengambil kursus Bahasa Kebangsaan A. Buku ini dianggap penting kerana semua topik yang dibincangkan berpandukan sukatan, standard dan piawai Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Buku ini boleh dijadikan sebagai buku teks pelajar dan pensyarah di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Antara kandungan buku iniialah sejarah bahasa Melayu, fonetik, sistem ejaan, morfologi, sintaksis, penulisan dan pemahaman. Selain itu, disediakan juga soalan-soalan dan contoh peperiksaan sebagai latihan bagi pelajar dalam usaha mereka untuk menguasai setiap topik yang dibincangkan.

Kandungan buku ini ditulis dan disusun untuk memastikan pelajar IPTS memahami fakta dan topik kursus bahasa Kebangsaan A dengan mudah, baik, jelas serta dipercayai dapat membantu pensyarah di PTS dalam mengukuhkan kemahiran dan pengetahuan mereka dalam bahasa Melayu.

#### Mohamed Nadzri Mohd Sharif

Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Kepujian dari Universiti Kebangsaan Malaysia dalam bidang Bahasa Arab dan Tamadun Islam di Fakulti Pengajian Islam dan Ijazah Sarjana Bahasa Melayu dari Universiti Putra Malaysia. Sekarang beliau bertugas sebagai pensyarah di Sunway University. Beliau berpengalaman selama 13 tahun mengajar Bahasa Kebangsaan A di beberapa buah kolej dan universiti swasta di Malaysia.

#### Suhaila Ngadiron

Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Bahasa dan Linguistik Melayu dan Ijazah Sarjana Sains dalam bidang Komunikasi Kemanusiaan dari Universiti Putra Malaysia. Kini beliau berkhidmat di INTI International University, Nilai. Beliau mempunyai pengalaman mengajar di beberapa buah kolej dan universiti swasta di Malaysia.



DigitalCode:EP/2445/Rahayu Mohd Yusof

BAHASA KEBANGSAAN A

Mohamed Nadzri Mohamed Sharif | Suhaila Ngadiron



# BAHASA KEBANGSAAN A

Mohamed Nadzri Mohamed Sharif  
Suhaila Ngadiron



# BAHASA KEBANGSAAN



# BAHASA KEBANGSAAN A

Mohamed Nadzri Mohamed Sharif  
Suhaila Ngadiron

---

EMERITUS PUBLICATIONS • 2016

---

©EMERITUS PUBLICATIONS  
Cetakan Pertama 2016

**Hak Cipta Terpelihara.**

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Emeritus Publications.

**Diterbitkan di Malaysia oleh:**

EMERITUS PUBLICATIONS  
No. 21, Jalan Wangsa Jaya 1,  
Taman Wangsa Jaya,  
35900 Tanjung Malim, Perak.  
Tel: 05-4595997  
Fax: 05-4581892  
Emel:emeritus\_publications@yahoo.com  
Web:<http://www.emerituspublications.blogspot.com>

**Pencetak:**

PERCETAKAN ZAFAR SDN BHD  
No. 18, Jln 4/10b,  
Spring Crest Industrial Park,  
68100 Batu Caves,  
Selangor

# KANDUNGAN

*Prakata*

vii

## BAB 1 Sejarah Bahasa dan Bangsa Melayu

Pengenalan	1
Asal Usul Bahasa Melayu	3
Perkembangan Bahasa Melayu	7
Bahasa Melayu di Malaysia	12
Fungsi Bahasa Melayu	15
Kedudukan dan Taraf Bahasa Melayu	17
Bahasa dan Budaya	21
Latihan	25

## BAB 2 Sebutan dan Intonasi

Pengenalan	31
Pengenalan Bahasa Baku	32
Lambang dan Bunyi (Fonem) Huruf	33
Sistem Keselarasan Vokal	35
Intonasi	45
Latihan	49

## BAB 3 Isu Ejaan dan Tatabahasa

Pengenalan	57
Isu Tatabahasa	59
Latihan	69

**BAB 4 Komunikasi Lisan**

Objektif	79
Pengenalan	79
Ucapan	82
Pidato/Syarahan	86
Pengacaraan Majlis	88
Taklimat	88
Ulasan dan Komentar	90
Bahas	91

**BAB 5 Penulisan**

Pengenalan	95
Karangan	95
Surat	98
Latihan	100

**BAB 6 Kefahaman**

Pengenalan	117
Latihan	117

# PRAKATA

Buku Bahasa Kebangsaan A ini dianggap sebagai pelengkap dan sumber rujukan asas kepada pelajar yang mengambil matapelajaran pengajian umum Bahasa Kebangsaan di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dan juga kepada pensyarah yang sedang berkhidmat. Perbincangan dalam buku ini adalah mencakupi bidang sejarah perkembangan bahasa Melayu, bidang bunyi bahasa, hukum tatabahasa dan penulisan bahasa Melayu.

Setiap bab yang dibincangkan diikuti dengan latihan bagi menguji kefahaman dan kesediaan menambah ilmu dengan soalan-soalan yang bersifat mengembangkan pengetahuan. Dengan menggunakan korpus bahasa Melayu sebagai asas, hasrat utama adalah supaya buku ini menjadi teks dan panduan kepada khalayak sasaran di samping membantu proses pengajaran dan pembelajaran.

Akhir sekali, terima kasih kepada mereka yang memberi bantuan dan kerjasama sepanjang penulisan buku ini dibuat. Sesungguhnya segala yang baik datang dari Allah. Wassalam.

**Mohamed Nadzri Mohd Sharif  
Suhaila Ngadiron**





# SEJARAH BAHASA DAN BANGSA MELAYU

## PENGENALAN

Penggunaan bahasa Melayu di Nusantara sebenarnya berterusan tanpa putus hampir dua ribu tahun, dari bermulanya empayar Sriwijaya pada permulaan kurun pertama Masihi sehingga kini. Sekiranya dahulu bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa *lingua franca* antara pedagang dan antara rakyat yang berbilang suku bangsa, kini bahasa Melayu digunakan dalam semua aktiviti di Malaysia.

### Asal usul suku bangsa Melayu

#### *Mitos*

Bahasa Melayu bukanlah bahasa yang wujud pada zaman kerajaan Melayu Melaka. Sebaliknya bahasa Melayu telah wujud dengan megahnya semenjak hampir dua ribu tahun. Menurut sejarah Melayu, bangsa Melayu ada mitosnya sendiri. Permulaan kewujudan orang Melayu diketahui melalui riwayat dalam buku ‘Sejarah Melayu’ oleh Tun Sri Lanang, bendahara Johor.

Lagenda ini bermula dengan termeterinya perjanjian antara Demang Lebar Daun dengan Sang Sapurba di Palembang, Sumatera Selatan. Dalam mitos ini diceritakan bahawa rakyat jelata Melayu

bersumpah untuk taat setia kepada tuannya, iaitu rajanya selagi raja itu bersifat adil. Apabila raja mengingkari janji mereka, rakyat berhak untuk memalingkan kesetiaan mereka yang dikenal sebagai menderhaka. Mitos ini menjadi asas kepada etika kepimpinan Melayu dan ketaatan rakyat kepada pemimpinnya. Mitos ini wujud pada zaman empayar Sriwijaya berada di puncak pemerintahannya.

Kewujudan kerajaan Sriwijaya dibuktikan dengan terjumpanya batu bersurat di Gandasuli, Jawa Tengah, yang tertarikh 827-832 Masihi. Kerajaan Sriwijaya merupakan sebuah kerajaan Budha dan telah menerima pengaruh kebudayaan Hindu. Dari sudut bahasa, kemasukan pernbendaharaan kata Sanskrit bermula seawal kerajaan Sriwijaya. Oleh sebab pengaruh ini telah bertapak begitu lama, maka perkataan-perkataan itu telah sebat dengan bahasa Melayu.

### Asal usul nama ‘Melayu’

Asal usul nama Melayu masih belum dapat disahkan oleh ahli sejarah. Bagaimanapun terdapat beberapa bukti sejarah yang cuba mengaitkan asal usul nama Melayu.

Mengikut Zuber Usman, perkataan Melayu berasal daripada perkataan ‘Himalaya’ yang telah disingkatkan kepada ‘Malaya’, dan kemudian menjadi Melayu. Perkataan ‘Himalaya’ berasal daripada ‘hima’ dan ‘alaya’. ‘Hima’ bererti salji atau salju, sedangkan ‘alaya’ bererti tempat.

- a. Ada pengkaji yang mengatakan ‘Melayu’ berasal daripada ‘Malaiyur-pura’ yang terpahat pada prasasti Bukit Gombak di Sumatera Barat. Malaiyurpura bererti kota malaiyur, atau kota gunung.
- b. Catatan orang China yang ditulis dalam bahasa Cina mengatakan ada berita seorang utusan dari kerajaan Mo-Lo-Yeu telah datang membawa persembahan untuk kerajaan China. Menurut sejarah kerajaan tersebut terletak sekitar daerah Jambi (Sumatera).
- c. Menurut catatan rabbi Buddha I-Tsing yang pernah mengembara ke Sriwijaya hingga ke Bengal (India). Dalam catatan beliau terdapat perkataan ‘Malayu’. Menurutnya,

beliau telah melawat dua buah kerajaan yang besar iaitu ‘Malayu’ yang berpusat di Sungai Batang (Batanghari) dan kerajaan Seriwijaya yang berhampiran dengan Palembang.

- d. Terdapat buku-buku dari China seperti *Ta Dang Si Yi Chiu Fia Kao Zhuan* – menyatakan Mo-Lou-Yu. Menurut buku *Zheng He Hang Hai Tu* ada menyebut Wu –Lai Yu.
- e. Buku *Sejarah Melayu* ada menyatakan perkataan Melayu dihubungkan dengan nama sebuah sungai iaitu Sungai Melayu di Sumatera Selatan.
- f. Ada pendapat yang mengatakan bahawa perkataan Melayu itu berasal daripada perkataan Jawa Kuno dan juga Jawa Baru, iaitu mlya dan mlayu yang bererti lari.
- g. Harun Aminurrasyid mengatakan ...” *Bangsa yang bernama Melayu itu diam di sebuah kawasan anak sungai yang bernama Sungai Melayu di hulu Sungai Batanghari (Sungai Jambi)... dan di hulu sungai Jambi ada sebuah kerajaan Melayu sebelum semasa terkenal kerajaan Seriwijaya...* (abad ke7M).

## ASAL USUL BANGSA MELAYU

Pada masa ini ada dua teori yang cuba menerangkan asal-usul suku bangsa Melayu iaitu:


- a. Teori mengatakan orang Melayu berasal dari utara Asia Tengah.
- b. Teori mengatakan orang Melayu memang sedia ada di kepulauan Melayu atau Nusantara, iaitu dikatakan orang Melayu adalah orang tempatan.

### Teori Pertama

Kajian mengenai asal usul bahasa Melayu banyak merujuk kepada golongan manusia asal yang diberi nama Austronesia. Mereka


dikatakan berasal dari Selatan China atau Asia Tengah iaitu di daerah Yunan. Golongan manusia awal ini telah tersebar ke Asia Tenggara sejak 2500SM. Mereka juga dikenali sebagai Melayu Proto. Seterusnya golongan ini telah mengalami proses evolusi (ketamadunan) dan muncul pula manusia yang dianggap lebih moden iaitu Melayu Deutro. Mereka hidup dengan bercucuk tanam dan tinggal berdekatan dengan sungai atau laut.

Masyarakat Austronesia ini telah berkembang semakin luas sehingga ke Kepulauan Melayu dan rantau Pasifik. Ahli sejarah berpendapat orang Austronesia berasal dari rumpun keluarga Austris. Lihat rajah di bawah:



(Rajah 1)

Mengikut pembahagian para sejarawan, golongan Austronesia boleh dibahagikan kepada 4 cabang iaitu:



(Rajah 2)

Terdapat beberapa pendapat para sarjana yang menyokong teori suku bangsa orang Melayu berasal dari Asia Tengah atau Selatan China di antaranya:

- a. *J.H.C Kern* seorang ahli bahasa Belanda mengatakan bahasa dan beberapa perkataan sehari-hari terutamanya ungkapan tumbuhan dan haiwan yang digunakan di Nusantara ada

mempunyai persamaan dengan bahasa yang digunakan Taiwan dan beberapa Pulau di Lautan Pasifik.

- b. *A.H. Keane* berpendapat bahasa Melayu mempunyai struktur perkataan dengan bahasa di Kampuchea.
- c. *J.R. Logan* berpendapat adat resam kaum Melayu ada persamaan dengan adat resam suku Naga di Asaam (Burma).
- d. *Slamaet Muljana* dari Indonesia telah membuat kajian perbandingan bahasa menyatakan bahasa Melayu berasal dari Asia.
- e. *Asmah Haji Omar* dari Malaysia mengatakan bahasa Melayu berasal dari bahasa Austronesia. Beliau mengatakan perpindahan orang Melayu dari dataran Asia ke Nusantara tidaklah sekaligus dan juga tidak melalui satu laluan.

Hujah para sarjana yang mengatakan orang Melayu berasal dari Asia tengah boleh disimpulkan seperti berikut:

- a. Wujudnya persamaan unsur-unsur bahasa di tanah besar Asia Tenggara dengan yang di kepulauan Asia Tenggara, iaitu terdapat banyak persamaan seperti kosa kata, fonologi, morfologi, sintaksis, sistem bilangan, gender dan sebagainya.
- b. Persamaan dari segi adat resam atau *trait* kebudayaan seperti kepercayaan kepada semangat, adat makan sirih, adat kelahiran bayi dan lain-lain.
- c. Persamaan dari segi sistem sosial, susunan keluarga, sistem perkahwinan.
- d. Persamaan dari segi alat perkakas dan peralatan yang lain seperti kapak batu, kapak persegi bujur, tulang mawas, pasu, tembikar, tempayan dan banyak lagi.
- e. Persamaan dari segi kebudayaan Hoa-Binh dan Dongson yang ditemukan di daerah Vietnam dan juga di daerah-daerah lain di Asia Tenggara.

## Teori Kedua

Golongan ini berpendapat bangsa Melayu dan bangsa Jawa telah memiliki taraf kebudayaan yang tinggi, seterusnya tersebar sebagai bahasa dan bangsa induk.

- a. Menurut *J.Crawfurd* bahasa Melayu tersebar di Nusantara berasal daripada bahasa di Pulau Jawa (bahasa Jawa) dan bahasa yang berasal dari Pulau Sumatera (bahasa Melayu). Katanya lagi, kedua-dua bahasa ini merupakan induk bahasa-bahasa serumpun yang ada di Nusantara. Justeru itu, Crawfurd berpendapat orang Melayu tidak berasal dari mana-mana. Mereka adalah induk yang menyebar ke tempat-tempat lain.
- b. *Sutan Takdir Alisjahbana* mengatakan orang Melayu adalah bangsa yang berkulit coklat yang hidup di Asia Tenggara (Selatan Thailand, Malaysia, Singapura, Indonesia, Brunei dan Selatan Filipina) ialah bangsa Melayu yang berasal dari rumpun bangsa yang satu. Mereka berbeza daripada bangsa Cina di sebelah Timur.
- c. *C.A Mees* mengatakan bahawa segala bahasa Austronesia itu walaupun berbeza kerana pelbagai pengaruh dan sebab-sebab, tetapi ada titik persamaan yang banyak sekali baik dalam aspek perkataaan, tatabahasanya dan sistem imbuhan. Ini menunjukkan bahasa bahasa-bahasa yang terdapat di Asia Tenggara dan Asia Selatan berbeza dengan bahasa yang terdapat di Asia Tengah

## Bahasa Melayu dan Bahasa Austronesia

Bahasa Melayu tergolong dalam rumpun Austronesia. Rumpun Austronesia ini boleh dibahagikan kepada Autronesia Barat dan Autronesia Timur (Melanesia, Polinesia dan Mikronesia). Kawasan pusat bahasa Austronesia terletak di Malaysia, Indonesia, Filipina, Brunei dan Singapura.

Sejarawan ada menyatakan bahasa Melayu-Austronesia juga wujud di Pulau Madagaskar, dengan tertubuhnya kerajaan Melayu Merina. Ahli sejarah bahasa mengatakan orang Melayu bersaudara dengan orang Polynesia yang berselerakan di Lautan Pasifik dari Utara hingga ke Selatan seperti di Pulau Hawai, Pulau Tahiti, Pulau Easter dan New Zealand.

## PERKEMBANGAN AWAL BAHASA MELAYU

Bahasa Melayu merupakan salah satu daripada 200 cabang dalam bahasa Nusantara. Sejarah lampau telah membuktikan bahasa Melayu telah menjadi *lingua franca* daerah kepulauan Melayu sejak zaman-berzaman. Ia digunakan sebagai bahasa perantara penduduk asal bila berkomunikasi dengan penduduk pendarat.

Banyak bahan sejarah menceritakan perkembangan sejarah bahasa Melayu menukilkan bahawa bahasa Melayu ada hubungan rapat dengan kerajaan-kerajaan Hindu sejak kurun 1 Masihi. Oleh sebab pengaruh Hindu yang kuat maka bahasa Sanskrit telah digunakan dengan meluas. Mengikut sejarawan, ini merupakan proses evolusi pertama bahasa Melayu dalam menyampaikan idea-idea baru.

Pengaruh utama bahasa Sanskrit dapat dilihat dalam perbendaharaan kata seperti dalam ungkapan nama tubuh seperti; bahu, kepala, muka rupa. Barang perdagangan; neraca, laba, kedai kodi, alat perkakas; bajan, pili, jala. Ilmu pengetahuan; guru, pujangga, bahasa dan sastera. Nama binatang, senjata dan sebagainya. Pengaruh yang kuat dalam bahasa Melayu ini disebabkan sifat bahasa Melayu yang mudah dibentuk dan dilentur. Jika ditinjau dari sudut sejarah di antara faktor utama bahasa Melayu mudah tersebar kerana ia sebuah bahasa yang mudah dipelajari dan diterima sebagai bahasa perhubungan ramai.

### Bahasa Melayu Kuno dan Kerajaan Sriwijaya

Semasa kerajaan Sriwijaya berkuasa, empayarnya berpusat di keduadua belah Selat Melaka. Di Sumatera, pemerintahnya berpusat di Palembang manakala di Semenanjung Tanah Melayu pusat pemerintahnya di Kedah. Kedua-dua selat ini dilalui oleh peniaga-peniaga dari China dan India. Pedagang ini singgah dipelabuhan-pelabuhan yang terdapat di keduadua wilayah Sriwijaya ini. Dalam menjalankan urusan, mereka menggunakan bahasa Melayu (**Melayu Kuno**) sebagai *lingua franca*.

Selain itu terdapat pendapat mengatakan bahasa Melayu mudah digunakan oleh peniaga-peniaga yang datang singgah ke wilayah Sriwijaya kerana kebanyakan pelabuhan terletak dipesisir pantai yang kebanyakannya merupakan petempatan suku bangsa Melayu,

jadi secara tidak langsung bahasa Melayu mudah berkembang. Ahli sejarah mengatakan ketika itu terdapat juga bahasa Jawa digunakan oleh penduduk Sriwijaya. Namun bahasa ini dikatakan sukar disebut dan mempunyai bentuk dan dialek yang berbeza.

Sejarah mengatakan bahasa Melayu Kuno bermula pada abad ke-4 **Masihi** iaitu berdasarkan penemuan sebuah prasasti Melayu di Dong Yen Chau di Teluk Taourane, Vietnam yang diperkirakan pada abad ke-4 Masihi. Selain itu terdapat prasasti lain telah dijumpai di Asia Tenggara terutama di Sumatera dan Jawa menjadi bukti kewujudan bahasa Melayu Kuno. Kebanyakan prasasti ini menggunakan tulisan-tulisan berpengaruh **India seperti Deavanagari, Pallava, Vangki, Jawa Kuno dan Kawi**. Zaman bahasa Melayu kuno berakhir pada akhir abad ke-13 Masihi.

Di antara ciri-ciri bahasa Melayu Kuno ialah:

- i. Tulisan berasal dari India seperti Pallava, Deavanagari, Kawi, Vangki dan Jawa Kuno.
- ii. Terdapat banyak kata pinjaman daripada bahasa Sanskrit terutama sekali kata-kata yang berkait rapat dengan kebudayaan India dan agama Hindu dan Buddha.
- iii. Meminjam fonem-fonem bahasa Sanskrit terutama kata pinjaman daripada bahasa Sanskrit.
- iv. Bentuk ayat bahasanya panjang dan berbelit-belit.
- v. Struktur ayat biasanya dimulai dengan kata pangkal ayat seperti maka, syahadan, kalakian, sebermula dan sebagainya.

### Contoh perkataan bahasa Melayu Kuno

Bahasa Melayu Kuno yang terdapat pada batu bersurat Talang Tuwo adalah seperti di bawah.

vulan	=	bulan	rumvia	=	rumbia
tatkalana	=	tatkalanya	dngan	=	dengan
niparvuat	=	diperbuat	nimakan	=	dimakan
nitanam	=	ditanam	vuahna	=	buahnya
niyur	=	nyiur	tathapi	=	tetapi
hanau	=	enau	haur	=	aur

## Bahasa Melayu Klasik dan Kerajaan Melayu Melaka

Zaman bahasa Melayu Klasik bermula dari awal abad ke 14-18M. Zaman permulaannya dibuktikan dengan terjumpanya prasasti Terengganu yang bertarikh pada 1303M. Prasasti ini menggunakan **tulisan Jawi** sepenuhnya dan mempunyai kata-kata pinjaman daripada bahasa Arab.

Bahasa Melayu Klasik ini muncul dan terpisah daripada bahasa Melayu Kuno apabila wujud penggunaan tulisan Jawi iaitu tulisan Arab berbahasa Melayu pada awal abad ke-14M ketika pemerintahan Kerajaan Melayu Melaka. Kerajaan Melayu Melaka menjadi kuat dan menguasai beberapa willyah di Semenanjung Tanah Melayu dan Pantai Timur Sumatera yang dahulunya di bawah kuasa Sriwijaya. Ketika ini bahasa Melayu (Klasik) masih menjadi bahasa *lingua franca* bagi menyambung tradisi kerajaan Sriwijaya.

Bahasa Melayu Klasik mudah tersebar ke wilayah jajahan Melaka kerana secara rasionalnya negeri-negeri di bawah jajahan Melaka perlu menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa perhubungan diplomatik dan perniagaan untuk mendapatkan keutamaan pemerintah. Selain itu bahasa Melayu mudah disebut dan kata-katanya merdu dan indah. (William Marsden 1811).

Bahasa Melayu Klasik telah tersebar luas di beberapa bahagian dunia Timur. Ia bukan sahaja digunakan oleh orang Melayu tetapi juga oleh orang bukan Melayu terutama di Asia Tenggara sehingga menjadi taraf sebagai bahasa *lingua franca*. Selain sebagai bahasa komunikasi dan pemerintahan, bahasa Melayu Klasik juga digunakan sebagai bahasa untuk menyebarkan agama Islam di Asia Tenggara.

Bahasa Melayu Klasik juga dipelajari oleh orang bukan Melayu seperti orang Cina, India, Arab, Parsi, dan juga orang Barat seperti Portugis, Itali, Belanda, Inggeris, Perancis dan Sepanyol, iaitu untuk tujuan perniagaan, perhubungan antara negara dan raja dan pengembangan agama Kristian di Asia Tenggara.

Dalam zaman bahasa Melayu Klasik banyak berdiri kerajaan Melayu yang menggunakan bahasa Melayu Klasik sebagai bahasa pemerintahan seperti kerajaan Pasai-Samudera, Melaka, Johor-Lama, Johor-Pahang-Riau –Lingga, Empayar Brunei dan kerajaan-kerajaan di Sumatera seperti Aceh dan sebagainya.

## Contoh perkataan bahasa Melayu Klasik

Batu nisan di *Minye Tujoh*, Aceh. Batu ini bertarikh 1350 Masihi, juga ditulis dengan huruf India dengan beberapa perkataan Arab. Isinya merupakan warta dan doa yang dibuat dalam bentuk sajak Sanskrit. Contoh teks asal yang telah diper mudahkan adalah seperti berikut:

*hijrat nabi mungstapa yang prasida  
tujuh ratus asta puluh sawarsa  
haji catur dan dasa wara sukra  
raja iman warda (?) rahmat - Allah  
gutra barubasa mpu hak kadah pase ma  
taruk tasih tanah samuha  
Ilahi ya rabbi tuhan samuha  
taruh dalam swarga tuhan tatuha.*

Terjemahannya berbunyi:

Setelah hijrah Nabi, kekasih yang telah wafat  
tujuh ratus lapan puluh satu tahun  
bulan Zulhijah empat belas hari Jumaat  
Ratu iman warda (rahmat Allah bagi baginda)  
dari suku Barubasa, mempunyai hak ke atas Kedah dan Pasai  
menaruk di laut dan darat semesta  
Ya Allah, Ya Tuhan Semesta  
taruhlah baginda dalam swarga Tuhan.

## Bahasa Melayu Moden dan kedatangan kuasa Barat

Bahasa Melayu abad ke-19 sering disebut sebagai permulaan zaman bahasa Melayu Moden. Zaman bahasa Melayu Moden bermula apabila pengaruh Barat mula meresap dalam kebudayaan masyarakat Nusantara. Ini kerana orang Barat yang datang bukan saja berdagang tetapi mereka turut membawa bersama unsur-unsur kebudayaan seperti kesusastraan Barat iaitu Belanda, Inggeris, Portugis. Di samping itu juga mereka juga telah memperkenalkan tulisan rumi terutamanya dalam bidang pentadbiran dan pendidikan.

Ahli sejarah telah mengambarkan ciri-ciri perkembangan bahasa Melayu Moden abad ke-19 seperti di bawah:

- a. Gaya bahasanya masih mengikut cara lama, namun sedikit pengaruh Inggeris.
- b. Fonem-fonem Melayu ditambah dengan fonem bahasa Arab. Di sini unsur Inggeris masih diperingkat awal.
- c. Memperkenal istilah-istilah baru yang diambil daripada bahasa Inggeris.
- d. Kata-kata bahasa Inggeris dan Belanda mula meresap.
- e. Majalah dan akhbar dari Barat mula dimanfaatkan oleh orang Melayu.
- f. Buku-buku Melayu mula dicetak.
- g. Orang Melayu mula bersekolah secara formal.
- h. Buku-buku bacaan sekolah mula ditulis dalam bahasa Melayu.

## Bahasa Melayu sebagai Bahasa Perdagangan

Salah satu faktor bahasa Melayu menjadi lingua franca kerana bahasa ini dipilih oleh pedagang di Nusantara sebagai alat komunikasi apabila mereka mengadakan hubungan perniagaan. Pemilihan ini bermula sejak zaman kerajaan Sriwijaya. Bagi para pedagang Nusantara, bahasa ini didapati memenuhi objektif dan keperluan mereka.

Oleh itu pedagang baru yang hendak ke Nusantara untuk berdagang mereka akan mempelajari bahasa Melayu terlebih dahulu. Walaupun begitu peranan bahasa Melayu untuk perdagangan semakin menurun setelah kedatangan Inggeris dan Belanda di Nusantara. Mereka memperkenalkan perdagangan bentuk moden menggantikan perdagangan secara tradisional.

Pedagang Inggeris dan Belanda membawa bersama-sama bahasa mereka secara perlahan-lahan. Bahasa Inggeris mengambil alih peranan bahasa Melayu di Malaysia dan Indonesia. Kemerosotan penggunaan bahasa Melayu dalam perdagangan diburukkan lagi dengan wujudnya orang tengah atau pembekal daripada kereturunan orang Cina. Mereka ini mengambil alih tempat pembekal yang dahulunya terdiri daripada orang Melayu yang tinggal di persisir pantai.

Akhirnya selepas merdeka, bahasa Melayu menjadi terpinggir dalam bidang komunikasi perdagangan. Urusan perniagaan yang melibatkan peniaga Cina Malaysia dengan ahli perniagaan Cina di negara-negara Asia Tenggara dijalankan dalam bahasa Mandarin (Abdullah Hassan, 1999). Sementara perdagangan peringkat antarabangsa yang melibatkan Eropah, Amerika, Jepun dan Arab pula akan menggunakan bahasa Inggeris.

## Bahasa Melayu dan Penyebaran Agama Islam

Bahasa Melayu memainkan peranan penting dalam penyebaran agama, khususnya agama Islam di Nusantara. Ketika kerajaan Sriwijaya bahasa Melayu memainkan peranan dalam penyebaran agama Hindu dan Buddha. Atas sebab inilah budaya dan bahasa Melayu banyak dipengaruhi oleh kedua-dua agama ini Bahasa Melayu Kuno digunakan ketika ini, untuk menyampaikan ajaran agama dan falsafah tentang kehidupan.

Islam tersebar di Nusantara juga tersebar menggunakan bahasa Melayu. Daerah-daerah awal penyebaran Islam di pelabuhan-pelabuhan yang terletak di pesisir pantai Sumatera dan Semenanjung Tanah Melayu. Apabila kerajaan Kesultanan Melayu Melaka menerima Islam sebagai agama rasmi, ramai pedagang mengikutinya dan disebarluaskan ke daerah masing-masing. Dengan ini Islam mula tersebar berperingkat-peringkat, dan bahasa Melayulah yang digunakan dalam penyebaran ini.

Islam telah mengubah bentuk bahasa Melayu itu sendiri. Ketika penyebaran agama Hindu dan Buddha, bahasa Melayu telah menggunakan tulisan dari India seperti Pallawa dan Deavanagari. Namun, apabila Islam diterima secara meluas, bahasa Melayu telah menggantikannya ke tulisan Jawi yang berasal dari tulisan Arab.

Bahasa Melayu juga memainkan peranan penting dalam penyebaran agama Kristian di Nusantara, khususnya di Kepulauan Maluku, Filipina. Pendakwah Kristian menggunakan bahasa Melayu dalam terjemahan kitab Injil bagi memudahkan kegunaan penduduk tempatan yang lebih suka bercakap dalam bahasa Melayu. Akhirnya bahasa Melayu mula tersebar disekitar Pulau Maluku hingga ke Pulau Mindanao.

## BAHASA MELAYU DI MALAYSIA

### Pembinaan dan perancangan bahasa di Malaysia

Kemerdekaan yang dicapai oleh Malaysia pada 31 Ogos 1957 membawa banyak perubahan. Bahasa Melayu dipilih sebagai bahasa rasmi dalam perlombagaan Malaysia. Namun begitu, pelbagai halangan terpaksa

dilalui untuk meletakkan bahasa Melayu pada tahap yang ada kini. Pada awalnya kerajaan masih tidak tegas untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa Melayu sebagai bahasa utama dalam sistem pendidikan seperti yang termaktub dalam Laporan Razak.

Kehadiran ini menyebabkan golongan tertentu, terutamanya golongan yang bergabung dengan Persatuan Guru-guru Melayu yang juga ahli UMNO mengugut untuk keluar beramai-ramai sekiranya perlaksanaan Laporan Razak masih ditangguhkan. Akhirnya, kerajaan akur dengan desakan tersebut pada tahun 1957.

Dewan Bahasa dan Pustaka pula telah ditubuhkan sebagai badan yang akan memperjuangkan nasib bahasa melayu di Malaysia. Pelbagai rancangan telah diatur untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan yang digunakan oleh semua lapisan masyarakat. Antara usaha yang dijalankan ialah kempen **Bulan Bahasa**.

## Dasar Bahasa

Pemilihan satu bahasa kebangsaan bagi negara Malaysia timbul sebab perlunya diadakan satu lambang penyatuan, iaitu dengan harapan bahawa bahasa itu dapat menjadi dasar bagi satu identifikasi kebangsaan. Peranan bahasa sebagai faktor penyatuan disalurkan melalui sistem pelajaran kebangsaan, sebagaimana tercatat dalam mukaddimah Akta Pendidikan:

*“... dan untuk merancangkan perkembangan satu sistem pelajaran, iaitu bahasa kebangsaan adalah bahasa pengantar yang utama.”*

Di samping memenuhi keperluan sebagai lambang penyatuan, penubuhan satu bahasa kebangsaan juga timbul dari desakan semangat kebangsaan yang mahukan bahasa penjajah diambil alih oleh bahasa bumiputera. Menurut Tunku Abdul Rahman:

*“Adalah wajar bahawa sebagai satu negara membangun, kita memerlukan satu bahasa kepunyaan sendiri. Jika bahasa kebangsaan tidak diadakan, negara kita akan ketiadaan nyawa.”*

Dasar bahasa kebangsaan merupakan asas terpenting bagi perkembangan bahasa Melayu di Malaysia. Dasar ini memenuhi konsep perancangan taraf bahasa. Dengan adanya dasar bahasa yang menentukan pemilihan bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi, barulah dilakukan tahap-tahap seterusnya, iaitu propaganda, pembinaan dan peluasan penggunaannya.

Dasar bahasa di Malaysia meletakkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi, seperti terkandung dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan. Dasar bahasa negara ini juga dianggap bermula dengan idealisme, iaitu untuk menyaksikan satu rupa bangsa yang bersatu, memupuk ciri-ciri pengenalan rakyat yang relatif seragam, dan menobatkan bahasa Melayu sebagai sarana komunikasi yang berkesan dalam sektor-sektor penting negara.

## Proses Penentuan Dasar

Menurut J. A Fishman (1974), proses penentuan dasar adalah idea utama perancangan bahasa yang berpandukan pada peringkat-peringkat tertentu.

Untuk dikaitkan dengan proses penentuan dasar bahasa kebangsaan di Malaysia, dapat dikesan bahawa sewaktu tercapainya kemerdekaan pada tahun 1957, bahasa Melayu telah dipilih sebagai bahasa kebangsaan. Proses pemilihan ini terbit daripada keperluan untuk berpegang pada satu lambang perpaduan, memelihara kepentingan kebangsaan (membebaskan negara daripada belenggu penjajahan), dan di samping itu bagi menunjukkan identiti bangsa serta memaparkan sifat keunggulan kesatuan tersebut. Beberapa ujian telah dilalui dalam proses penentuan dasar berkenaan. Yang jelas, semangat perjuangan ke arah pembentukan dasar tersebut bermula sejak sebelum kemerdekaan lagi. Golongan politik Melayu dalam UMNO telah berjaya mengasaskan perjuangannya untuk mendaulatkan bahasa Melayu setelah menggagalkan muslihat Malayan Union.

Turut diadakan ialah gerakan atau kempen bahasa kebangsaan dan Bulan Bahasa Kebangsaan yang diterajui oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Ini bertujuan untuk memperteguhkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, dan selanjutnya menjadi dasar bahasa rasmi di negara ini.

## FUNGSI BAHASA MELAYU

### a. Fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan

Secara khusus, fungsi utama bahasa kebangsaan adalah untuk menerbitkan lambang inspirasi dan semangat kebangsaan dan kemerdekaan. Tidak ketinggalan juga, pengisian bahasa kebangsaan dapat bertindak sebagai alat perhubungan, dan dengan demikian akan menghasilkan satu masyarakat yang mempunyai pandangan hidup yang tidak begitu berbeza. Usaha untuk memupuk rakyat Malaysia melalui penggunaan satu bahasa yang sama ini dicadangkan berdasarkan sistem pendidikan kebangsaan yang terkandung dalam Laporan Jawatankuasa Pelajaran 1955, yang kemudiannya dikenali dengan nama Penyata Razak (1956).

Nyata bahawa fungsi bahasa Melayu adalah berterusan. Menurut Chew Hock Thye (1975), bahasa Melayu mula-mula berfungsi sebagai asas bagi perjuangan kemerdekaan, dan kemudian sebagai asas untuk menyatukan rakyat yang berbilang bangsa dan keturunan yang telah mencapai kemerdekaan itu.

### b. Fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi

Sebagai bahasa rasmi, bahasa Melayu ditetapkan menjadi sarana komunikasi dalam bidang pentadbiran. Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa bahasa rasmi digunakan untuk semua urusan rasmi di peringkat kerajaan persekutuan, kerajaan negeri dan juga badan berkanun. Dengan menghayati dan menghormati semangat perlumbagaan itu, setiap pelaksana dasar kerajaan wajib menggunakan bahasa Melayu dalam semua urusan rasmi. Untuk itu, surat, notis, minit mesyuarat, memorandum, dan dokumen-dokumen lain mesti ditulis dalam bahasa Melayu. Inilah idealisme yang tersirat di sebalik pendaulatan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi.

### c. Fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan

Fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan tidak boleh diperkecilkkan. Keadaan pembangunan ekonomi mengakibatkan jurang sosial yang bertambah besar, dan ini menjadikan fungsi bahasa Melayu menjadi lebih penting. Kita tidak harus menolak pentingnya mempelajari bahasa Inggeris. Yang tidak harus berlaku

ialah bahasa Inggeris itu mengatasi taraf serta nilai bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar pentadbiran dan pendidikan. Ini dapat menambahkan keyakinan bahawa potensi bahasa Melayu dapat berfungsi sebagai bahasa yang dapat menyatupadukan rakyat.

Pemimpin-pemimpin politik yang berkuasa mempunyai pengaruh yang besar untuk mencorakkan masa depan bahasa. Mereka perlu mempunyai *political will* untuk menentukan supaya bahasa Melayu berfungsi untuk mampu mencapai keseimbangan yang rasional serta menguntungkan, antara unsur-unsur antarabangsa dengan kebangsaan.

#### d. Fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu

Bahasa Melayu direncanakan menjadi bahasa yang ekspresif dalam pelbagai bidang ilmu, termasuk sains dan teknologi. Dengan demikian, bahasa Melayu dapat mencapai taraf kecendekiawan dan bahasa saintifik. Bahasa Melayu tidak lagi berada pada tahap yang rendah, sebaliknya, dicerna sebagai bahasa elit dan bahasa cerdik pandai yang bertanggungjawab membentuk pemikiran masyarakat dan pembangunan negara.

Perancangan bahasa Melayu secara bertahap-tahap melalui sistem pendidikan kebangsaan, dan dengan penegasan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar, telah berjaya menghasilkan ahli ilmu yang terdidik dalam bahasa Melayu, sekurang-kurangnya pada peringkat ijazah pertama.

Sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara, bahasa Melayu mempunyai dua peranan penting, iaitu sebagai bahasa yang mampu mendukung perkembangan ilmu dan pemikiran bangsa dalam segala lapangan dan sebagai alat yang dapat membentuk dan mengembangkan identiti kebangsaan, alat komunikasi masyarakat serta sebagai alat perpaduan dalam negara berbilang bangsa dan agama (Dato' Hj. Hassan Ahmad, 1986:72).

Dalam hubungan ini, bahasa Melayu telah pun digunakan sebagai bahasa ilmu sejajar dengan peranannya sebagai pendukung perkembangan ilmu dan sekaligus telah menjadi bahasa penting dan utama dalam bidang keilmuan moden pada hari ini. Sebagai bahasa ilmu, bahasa Melayu harus dapat berperanan sebagai bahasa pengantar ilmu pengetahuan moden dalam bidang sains dan teknologi. Sebagai bahasa ilmu, sesuatu bahasa itu perlu mempunyai dua ciri penting, iaitu **keintelektualan bahasa dan kesempurnaan bahasa**.

### i. Keintelektualan Bahasa

Keintelektualan bahasa ini dapat dicapai terutamanya melalui perbendaharaan kata dan sistem tatabahasa. Bahasa Melayu pada hari ini dapat memperkatakan tentang bidang yang berbeza daripada apa yang mampu dilakukan oleh bahasa Melayu suatu masa dahulu. Oleh itu, sifat perbendaharaan kata bahasa Melayu juga turut mengalami perubahan. Jika dahulu perbendaharaan kata bahasa Melayu banyak dipengaruhi oleh perkataan daripada bahasa Arab dan Sanskrit, kini perkataan daripada bangsa Inggeris sering digunakan, terutamanya dalam bidang ilmu pengetahuan moden.

Sistem tatabahasa pula dimaksudkan dengan segala aspek tatabahasa sama ada dari segi ayat, frasa, klausa, ejaan, sebutan dan seumpamanya. Dari segi penggunaan ayat misalnya, ia harus betul strukturnya agar maksud yang hendak disampaikan dapat difahami. Penekanan juga harus diberikan kepada aspek imbuhan dan ejaan kerana kesilapan dalam penggunaannya boleh mengubah maksud sebenar sesuatu ayat yang dihasilkan itu. Bagi menangani perkara ini terutamanya dari aspek sebutan, perancangan dan perlaksanaan bahasa baku dijalankan. Ini adalah untuk meletakkan bahasa Melayu sebagai bahasa yang bertaraf tinggi dan ada keselarasan dalam penggunaannya.

### ii. Kesempurnaan Bahasa

Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu juga harus mempunyai ciri-ciri kesempurnaan iaitu sesuai, tegas dan berkesan dalam situasi atau kontes penggunaanya. Bahasa yang sempurna itu adalah bahasa yang memperlihatkan sifat-sifat kestabilan, kelenturan, kepelbagaiannya, keberkesanannya dan keindahan.

## KEDUDUKAN DAN TARAF BAHASA MELAYU

Status bahasa Melayu amat bergantung pada sejauh mana pengguna-pengguna bahasa tersebut berjuang untuk menjadikannya suatu bahasa yang mulia, dihormati dan digunakan dengan meluas. Jika dibandingkan dengan bahasa Inggeris atau bahasa Jepun, bahasa Melayu belum lagi mencapai tahap yang dicapai oleh kedua-dua bahasa itu. Bagi bahasa

Inggeris, orang Inggeris tidak perlu memperjuangkan bahasanya kerana telah dipilih sebagai bahasa antarabangsa yang utama.

Pada peringkat awal perkembangan bahasa Melayu itu, ada antara orang Melayu **tidak yakin** bahawa taraf bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi akan menjadi kenyataan. Perasaan curiga ini telah dikurangkan apabila beberapa akta yang berkaitan dengan pelaksanaan dasar bahasa dan pendidikan digubal, terutamanya Akta Bahasa Kebangsaan dan Akta Pendidikan. Jaminan perlumbaan tidak akan bermakna sekiranya penutur-penutur bahasa ibunda itu sendiri tidak berusaha untuk menjamin bahasa mereka akan mencapai kemajuan dan status yang dicita-citakan. Kerajaan dan rakyat semenjak merdeka dahulu telah berusaha sedaya upaya mereka untuk mendaulatkan bahasa Melayu.

### i. Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan

Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan mencatatkan bahasa Melayu yang kemudiannya disebut bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi ialah seperti berikut:

(1) “Bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu dan hendaklah ditulis dalam apa-apa tulisan sebagaimana yang diperuntukkan dengan undang-undang oleh parlimen.”

Dengan syarat bahawa:

- a. Tiada sesiapa pun boleh dilarang atau ditahan daripada menggunakan bagi apa-apa maksud lain daripada maksud rasmi atau daripada mengajar atau belajar, apa-apa bahasa lain.
- b. Tiada apa-apa jua dalam Fasal ini boleh menyentuh hak kerajaan persekutuan atau hak mana-mana Kerajaan Negeri bagi memelihara dan meneruskan penggunaan dan pengajian bahasa mana-mana kaum lain dalam persekutuan.”

Secara tidak langsung undang-undang ini telah memberi kesan kepada penukaran tulisan Melayu Jawi kepada penggunaan tulisan Melayu Rumi. Selain itu juga ia memberi penekanan kepada kebebasan menggunakan dan mempelajari bahasa selain daripada bahasa Melayu.

### ii. Akta Bahasa Kebangsaan

Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 (disemak 1971) mula berkuatkuasa pada April 1963. Akta ini mengandungi tiga seksyen, iaitu meliputi aspek-aspek tulisan, bentuk angka dan bahasa dalam borang rasmi kerajaan.

Sepuluh tahun selepas merdeka, Akta Bahasa Kebangsaan 1967 diluluskan di Semenanjung Malaysia. Akta tersebut kemudiannya disemak dan disatukan dengan Akta Bahasa Kebangsaan 1963 menjadi Akta Bahasa Kebangsaan 1967.

Akta ini dengan jelas memperuntukkan bahawa selepas 1 September 1967, bahasa kebangsaan hendaklah digunakan bagi maksud-maksud rasmi, kecuali dalam beberapa kes tertentu seperti undang-undang yang sedia ditulis dalam bahasa Inggeris, perhubungan dengan dunia luar dan sebagainya.

### Pelaksaaan bahasa kebangsaan dalam pendidikan

Di peringkat sekolah, pada mulanya bahasa Melayu dijadikan bahasa pengantar hanya pada peringkat sekolah rendah. Sejak tahun 1958, bahasa Melayu diperkenalkan sebagai bahasa pengantar di kelas-kelas menengah aliran Melayu yang kemudiannya menjadi sekolah menengah kebangsaan. Pada tahun 1983, universiti-universiti tempatan pertama kali menerima pelajar tahun 1 yang telah mendapat keseluruhan pendidikan dalam bahasa pengantar bahasa Melayu.

### iii. Akta Pendidikan

Akta Pendidikan (asalnya Akta Pelajaran 1961) menegaskan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama di sekolah-sekolah jelas iaitu:

“Dan bahawasanya peruntukan selanjutnya adalah mengkehendaki untuk menentukan agar dasar tersebut dilaksanakan secara berkesan, termasuk khususnya peruntukan bagi perkembangan yang progresif dalam sistem pelajaran dalam mana Bahasa Kebangsaan adalah menjadi bahasa pengantar utama.”

### **Penyata Razak 1956:**

“...menyatukan budak-budak daripada semua bangsa di dalam negeri ini dengan memakai satu peraturan pelajaran yang meliputi semua bangsa dengan menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar yang utama, walaupun perkara ini tidak dapat dilaksanakan dengan serta merta melainkan diperbuat dengan beransur...”

### **Penyata Rahman Talib 1960:**

“...bahasa Bahasa Kebangsaan ini hendaklah diajar mulai Darjah 1 dalam semua sekolah rendah Cina, Tamil dan Inggeris...”

### **Akta Pendidikan 1996:**

“...Bahasa Kebangsaan hendaklah menjadi bahasa pengantar utama di semua institusi pendidikan dalam sistem pendidikan kebangsaan kecuali sekolah jenis kebangsaan yang ditubuhkan di bawah seksyen 28 atau mana-mana institusi pendidikan yang dikecualikan oleh Menteri daripada subsyeksen ini.

“..Jika bahasa pengantar utama di sesuatu institusi pendidikan adalah selain daripada bahasa kebangsaan, maka bahasa kebangsaan hendaklah diajarkan, sebagai mata pelajaran wajib di institusi pendidikan itu...”

## **Masalah Perlaksanaan Bahasa Melayu di Malaysia**

Jika didasarkan pada senario tersebut, penggunaan bahasa Melayu sudah mencapai tingkat yang memuaskan. Namun demikian, di sebalik kedudukan yang meyakinkan itu, masih wujud masalah semangat dan kesungguhan yang belum cukup mantap dalam hal penggunaannya. Fenomena ini tercermin melalui peristiwa bahasa Melayu kehilangan tempat dan peranan dalam upacara dan majlis rasmi pada peringkat kebangsaan, apatah lagi pada peringkat serantau dan antarabangsa. Apa yang amat berkaitan dengan fenomena ini ialah yang disebut oleh Asraf (1996) sebagai fenomena wujudnya golongan elit yang alpa dan angkuh, yang melupakan tanggungjawab terhadap maruah bahasa.

Masalah yang tidak kurang besarnya dalam hal perlaksanaan bahasa kebangsaan ialah mutu bahasa yang digunakan. Masalah ini ketara

wujud di sektor swasta, iaitu yang rata-rata berkisar pada kesalahan ejaan dan tatabahasa. Masalah ini meninggalkan kesan yang amat buruk terhadap perkembangan bahasa Melayu. Walaupun ada Jawatankuasa Khas Mengkaji Masalah Penggunaan Bahasa Melayu Dalam Pelbagai Sektor, namun masalah berkenaan masih ada penghalang.

Selain itu, berlaku masalah kekurangan bahan bacaan pada peringkat pengajian tinggi dalam bahasa Melayu. Ini mewujudkan dua implikasi, iaitu peranan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar ilmu akan bersifat sebagai satu slogan, manakala yang kedua, generasi pelajar yang mendapat pendidikan sepenuhnya dalam bahasa Melayu mengalami kekecewaan yang besar apabila pada peringkat pengajian tinggi mereka tidak dapat melakukan pemerolehan ilmu dalam bahasa Melayu.

## BAHASA DAN BUDAYA

### Pengenalan

Bahasa tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan dan budaya masyarakat manusia. Hubungan bahasa dengan masyarakat begitu erat kerana bahasa ialah suatu sistem simbol-simbol yang terdiri daripada bunyi-bunyi yang diucapkan melalui mulut manusia yang dipersetujui bersama oleh sekelompok manusia, yang dipelajari melalui simbol-simbol oleh sekelompok manusia itu untuk berkomunikasi.

Sesuatu bahasa itu dicipta oleh manusia dan menjadi hak masyarakat bahasa tersebut. Oleh itu, corak dan bentuk sesuatu bahasa itu berbeza dengan bahasa yang dituturkan oleh kelompok manusia yang lain seperti bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Tiap-tiap bahasa ini juga dituturkan oleh masyarakat yang berbeza-beza cara hidupnya. Oleh sebab sifat sesuatu bahasa itu mempunyai hubungan rapat dengan cara hidup masyarakat penuturnya. Oleh itu, cara hidup dan budaya masyarakat seperti cara pakaian, makanan, pemikiran, sistem panggilan, pergaulan, keadaan alam sekitar dapat mempengaruhi bahasa dalam masyarakat tertentu.

Contoh masyarakat Melayu yang mengamalkan cara hidup bertani, jadi kosa kata dan ungkapan bahasa Melayu banyak berkaitan dengan hal-hal pertanian. Ini berbeza dengan orang Eropah yang mengamalkan kehidupan serba maju.

Nik Safiah Karim mengatakan, “...sesuatu bahasa itu berbeza-beza bergantung kepada tujuan penggunaanya dan sifat sesuatu bahasa itu mempunyai perhubungan rapat dengan ciri hidup masyarakat yang menuturkannya.”

Perbezaan kelas sosial juga boleh membezakan bahasa yang dituturkan oleh masyarakat tertentu. Contohnya bahasa Melayu yang dituturkan oleh golongan kaya dengan masyarakat kampung sudah tentu ada perbezaan dalam aspek istilah yang digunakan.

Aspek pekerjaan turut mempengaruhi variasi sesebuah bahasa sesebuah kelompok masyarakat. Contohnya bahasa yang digunakan oleh seorang akauntan berbeza dengan bahasa yang digunakan oleh para peguam.

Kesimpulannya, bahasa sesebuah masyarakat merupakan cermin budaya masyarakat tersebut. Nilai, identiti dan jati diri masyarakat tergambar melalui bahasa yang digunakan. Sehinggakan para pengkaji sejarah tamadun pernah mengatakan...ketinggian sebuah bangsa atau budaya masyarakat itu diukur berdasarkan bahasa, tulisan dan sasteranya.

Bagi masyarakat Melayu keakraban bahasa dan budaya digambarkan dalam beberapa kata hikmat seperti ‘Bahasa Jiwa Bangsa’ dan ‘Yang elok itu budi yang indah itu bahasa’ dan ‘Terlajak perahu boleh diundur terlajak kata buruk padahnya’.

## Budaya Melahirkan Variasi dan Laras Bahasa

Sesebuah bahasa mempunyai beberapa dialek atau loghat berdasarkan perbezaan dari segi penggunaan melahirkan dialek geografi manakala perbezaan dari segi penggunaan melahirkan laras bahasa. Malaysia misalnya, mempunyai beberapa jenis dialek berdasarkan perbezaan daerah, contohnya dialek Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan dan Terengganu. Perbezaan yang wujud antara dialek-dialek ini ialah dari segi sebutan, kosa kata, nahu, ungkapan umum dan peribahasa. Ini dapat kita lihat apabila seorang yang berdialek Kelantan bertutur dengan seorang yang berdialek Kedah. Sudah pasti terdapat perbezaan antara bahasa yang dituturkan oleh kedua-dua orang tadi. Namun demikian, kedua-duanya masih menuturkan bahasa yang sama iaitu bahasa Melayu.

Perbezaan ini bukanlah suatu kelainan penting tetapi merupakan suatu variasi atau disebut neka bahasa. Satu contoh lain yang dapat kita lihat ialah dalam ucapan yang disampaikan oleh pembesar-pembesar negara. Perdana Menteri kita misalnya, menggunakan bahasa Melayu baku dalam ucapan rasminya. Begitu juga dengan Timbalan Perdana Menteri. Walau bagaimanapun, kedua-duanya akan menunjukkan perbezaan dari segi pemilihan kata, pola ayat, penggunaan imbuhan dan sebagainya, tetapi pada hakikatnya mereka masih menggunakan bahasa yang sama, iaitu bahasa Melayu.

Neka bahasa merujuk kepada pelbagai penggunaan bahasa menurut konteks, seperti bahasa formal, bahasa tak formal, bahasa halus, bahasa istana dan lain-lain lagi. Setiap neka atau ragam bahasa digunakan bagi sesuatu konteks tertentu dan kemampuan seseorang penutur memilih sesuatu ragam yang sesuai dengan keperluannya akan menimbulkan kesan dikehendaki.

### Nota ringkas:

1. Selepas kemerdekaan bahasa Melayu dipilih sebagai bahasa Kebangsaan untuk melambangkan identiti negara Malaysia seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia.
2. Bahasa Melayu dipilih sebagai bahasa Kebangsaan memandangkan kebanyakan penduduk negara ini terdiri daripada orang Melayu, bahasa Melayu telah lama menjadi *lingua franca* dan sifat bahasa Melayu yang seragam.
3. Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi tunggal digunakan dalam situasi rasmi, iaitu dalam urusan pemerintahan dan pentadbiran, sistem pendidikan negara, urusan perdagangan dan perusahaan, upacara rasmi, kehakiman dan sebagainya.
4. Bahasa Melayu mendukung tanggungjawab dalam perpaduan negara dapat bertindak sebagai alat yang menghubungkan rakyat yang berbilang kaum di negara ini. Ini kerana bahasa Melayu menjadi asas kebudayaan bahasa memenuhi keperluan untuk melambangkan kedaulatan dan perpaduan negara. Di samping itu bahasa Melayu juga menjadi alat pengisi fikiran dan alat melahirkan pendapat.

5. Peranan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar mula bertambah penting sejak pelaksanaan Penyata Razak (1956). Di sekolah rendah bahasa Melayu mulai mengantikan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar pada 1968. Mulai tahun 1980 pula semua sekolah menengah menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam semua mata pelajaran.
6. Di peringkat pengajian tinggi, pertukaran bahasa pengantar daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu mulai rancak pada tahun 1970 dengan tertubuhnya UKM. Bahasa Melayu berkesanggupan untuk menjadi bahasa pengantar dalam sistem pendidikan negara dengan terhasilnya siswazah-siswazah yang menuntut pelbagai ilmu moden melalui bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar tunggal.
7. Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu ialah bahasa yang mampu menjadi perantara bagi penyampaian ilmu pengetahuan sehingga ke peringkat tinggi.
8. Sebagai bahasa ilmu, bahasa Melayu perlu mempunyai perbendaharaan kata, istilah dan bahasa yang sesuai untuk mengungkapkan konsep dan pemikiran yang kompleks dan abstrak.
9. Untuk mencapai taraf sebagai bahasa ilmu, sesuatu bahasa perlu mempunyai dua ciri iaitu keintelektualan dan ksempurnaan bahasa.
10. Keintelektualan bahasa melibatkan keupayaan sesuatu bahasa itu menyampaikan buah fikiran dan hujah dengan tepat dan berkesan. Keintelektualan bahasa boleh dicapai melalui perkembangan perbendaharaan kata dan struktur tatabahasa.
11. Kesempurnaan bahasa dicapai melalui kestabilan, kelenturan, kepelbaigan, keberkesan dan keindahan.

## RUJUKAN:

- Ismail Hussein. 1981. *Sejarah Pertumbuhan Bahasa Kebangsaan Kita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan (pent). 1999. *Perancangan Bahasa di Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 1993. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rashid Melebek. 2005. *Sejarah Bahasa Melayu*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

## LATIHAN BAB 1

### Latihan 1

**Arahān: Jawab dengan ringkas dan tepat.**

1. Perjanjian antara siapakah yang mengaitkan orang Melayu dengan sistem beraja (monarki)?  
\_\_\_\_\_

2. Rahib Buddha bernama I Tsing telah menjumpai kerajaan ketika beliau pergi ke Seriwijaya. Apakah kerajaan itu?  
\_\_\_\_\_

3. Dalam buku ‘Sejarah Melayu’ nama Melayu berasal daripada  
\_\_\_\_\_

4. Bilakah orang Melayu Proto berimigrasi ke Nusantara?  
\_\_\_\_\_

5. Pada tahun 1500 sebelum masihi orang \_\_\_\_\_ telah sampai ke Nusantara.  
\_\_\_\_\_

6. Apakah aktiviti yang dilakukan oleh orang Melayu Deutro apabila sampai di Nusantara.

a. \_\_\_\_\_

b. \_\_\_\_\_

c. \_\_\_\_\_

7. Tuliskan rumpun bahasa golongan Austronesia:
- \_\_\_\_\_
  - \_\_\_\_\_
  - \_\_\_\_\_
  - \_\_\_\_\_
8. Bahasa Melayu berkembang sejak zaman pemerintahan kerajaan \_\_\_\_\_ pada abad \_\_\_\_\_ masih. Bahasa Melayu ini mudah berkembang kerana \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
9. Perkembangan awal bahasa Melayu di Seriwijaya dipengaruhi agama \_\_\_\_\_ dan bahasa \_\_\_\_\_
10. Ahli sejarah telah membahagikan perkembangan Bahasa Melayu kepada 3 peringkat iaitu:
- \_\_\_\_\_
  - \_\_\_\_\_
  - \_\_\_\_\_
11. Isikan gambar rajah di bawah dengan jawapan yang sesuai.

Bahasa Melayu Kuno	Bahasa Melayu Klasik	Bahasa Melayu Moden
Pada : _____	Pada : _____	Pada : _____
Ciri : - - -	Ciri: - - -	Ciri: - - -
Nama Tulisan :	Nama Tulisan :	Nama Tulisan :

12. Ketika zaman Melaka, bahasa Melayu telah mencapai zaman kegemilangan hingga dikenali \_\_\_\_\_ di Nusantara.
  
13. Bahasa Melayu di Melaka digunakan sebagai bahasa komunikasi pemerintahan, \_\_\_\_\_ dan \_\_\_\_\_.
  
14. Kerajaan lain yang menggunakan bahasa Melayu klasik di Nusantara ialah \_\_\_\_\_, \_\_\_\_\_ dan \_\_\_\_\_.
  
15. Ketika British memerintah di Tanah Melayu, mereka telah menukar penggunaan bahasa Melayu tulisan \_\_\_\_\_ menjadi bahasa Melayu tulisan \_\_\_\_\_.
  
16. Akhirnya bahasa Melayu telah banyak dipengaruhi oleh 3 bahasa utama iaitu \_\_\_\_\_, \_\_\_\_\_ dan \_\_\_\_\_.
  
17. Kesannya bahasa Melayu telah meminjam aspek \_\_\_\_\_, \_\_\_\_\_ dan \_\_\_\_\_ daripada bahasa-bahasa tersebut.

**Latihan 2**

1. Apakah persepsi masyarakat Malaysia pada 1957 terhadap bahasa Melayu?
  - a. \_\_\_\_\_
  - b. \_\_\_\_\_
2. Kerajaan Malaysia pada tahun 1957 telah menubuhkan \_\_\_\_\_ sebagai agensi yang mengembangkan bahasa Melayu.
3. Selepas merdeka tahun 1957, mengapa Malaysia memerlukan sebuah bahasa Kebangsaan?
  - a. \_\_\_\_\_
  - b. \_\_\_\_\_
4. Apakah maksud **Dasar Bahasa** dan apakah tujuan **Dasar Bahasa** diadakan di Malaysia pada tahun 1957?  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

5. Senaraikan 4 fungsi bahasa Melayu di Malaysia.  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

6. Apakah maksud ‘**Bahasa Kebangsaan**’ dan ‘**Bahasa Rasmi**’?

Bahasa Kebangsaan:

Bahasa Rasmi:

7. Antara fungsi Bahasa Melayu di Malaysia ialah sebagai bahasa rasmi. Oleh itu kerajaan wajib menggunakan bahasa Melayu dalam urusan rasmi seperti:

a. \_\_\_\_\_

b. \_\_\_\_\_

c. \_\_\_\_\_

8. Apakah maksud bahasa Melayu sebagai bahasa Ilmu di Malaysia?

---

---

9. Tuliskan 2 ciri bahasa Melayu boleh menjadi bahasa ilmu.

a. \_\_\_\_\_

b. \_\_\_\_\_

10. Kedudukan bahasa Melayu di Malaysia bergantung kepada \_\_\_\_\_ untuk menjadikan bahasa itu mulia dan dihormati.

11. Apakah **undang-undang** yang diwujudkan oleh Malaysia untuk melindungi bahasa Melayu dan bahasa lain di Malaysia?

a. \_\_\_\_\_

b. \_\_\_\_\_

c. \_\_\_\_\_

12. Apakah kesan undang-undang **Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan**.
- a. \_\_\_\_\_  
b. \_\_\_\_\_
13. Mengikut \_\_\_\_\_ semua tulisan rasmi, angka (nombor) dan borang rasmi kerajaan hendaklah ditulis dalam bahasa Melayu.
14. Apakah kesan **Akta Pendidikan 1996**.
- a. \_\_\_\_\_  
b. \_\_\_\_\_
15. Walaupun bahasa Melayu telah diperkenalkan sejak 1957. Namun bahasa Melayu masih gagal menjadi bahasa utama di Malaysia kerana beberapa masalah antaranya ialah:
- a. \_\_\_\_\_  
b. \_\_\_\_\_  
c. \_\_\_\_\_
16. Senaraikan kegunaan bahasa dalam sesebuah masyarakat selain untuk komunikasi dan perhubungan.
- a. \_\_\_\_\_  
b. \_\_\_\_\_  
c. \_\_\_\_\_

# 2

## SEBUTAN DAN INTONASI

### PENGENALAN

Setiap bahasa mempunyai cara menyebut yang berbeza. Perbezaan sebutan ini boleh dilihat dalam aspek bunyi huruf, perkataan atau intonasi ayat dan ujaran yang digunakan dalam konteks seharian. Terdapat banyak faktor yang mempengaruhi sebutan sesebuah bahasa, samada faktor dalaman iaitu masyarakat itu sendiri atau faktor daripada pengaruh bahasa lain melalui proses peminjaman.

Dalam bahasa Melayu perbezaan bunyi/fonem sebutan ini disebabkan terdapatnya pelbagai loghat atau dialek dari setempat ke setempat. Namun begitu sebenarnya perbezaan ini tidaklah seberapa kerana kedua kumpulan ini masih boleh saling memahami.

Di samping itu masih terdapat kelainan-kelainan khusus yang dikenali sebagai *idiolek* antara individu-individu dalam cara mengucapkan. Sebagai contoh orang bukan Melayu yang menuturkan bahasa Melayu dan dipengaruhi oleh sebutan bahasa ibunda mereka juga boleh mewujudkan idiolek berbeza.

Jadi, untuk menyeragamkan sebutan dalam pengucapan bahasa Melayu maka, kita memerlukan suatu bentuk sebutan yang diakui sebagai **BAHASA BAKU/SEBUTAN BAKU**.

## PENGENALAN BAHASA BAKU

Bahasa baku membawa maksud bahasa yang bersistem, teratur dan mempunyai sistem rujukan betul dan salahnya. Sebutan baku pula amat berkait rapat dengan ejaan yang digunakan bagi perkataan tersebut. Oleh itu, betul atau salahnya sebutan sesuatu perkataan dapat disemak berdasarkan ejaan yang digunakan. Sebutan yang berdasarkan ejaan itulah yang disebut sebagai sebutan baku. Bahasa kebangsaan Malaysia adalah berasaskan bahasa Melayu Johor-Riau. Di Malaysia dialek Johor-Riau ini mempunyai penutur yang lebih banyak kerana dialek ini pada asasnya dituturkan di negeri Johor, Melaka dan Selangor sebagai daerah utamanya, manakala selatan negeri Pahang dan persisir pantai negeri Sembilan juga menggunakan dialek serupa.

Pengaruh dialek selatan ini amat kuat sehingga usaha-usaha yang dijalankan oleh kerajaan melalui RTM dan DBP menemui kegagalan. Bagaimanapun usaha penggunaan sebutan baku telah dilakukan semula pada awal 80-an. Pelaksanaan penggunaan sebutan baku dalam bidang pendidikan telah dimulakan pada tahun 1988. Di samping itu dalam sektor swasta dan orang ramai telah digalakkan untuk menggunakan sebutan baku. Ini boleh dilihat sebagaimana yang dibuat oleh TV3 dalam siaran berita, hebahan rancangan dan rencana.

### Prinsip dan Dasar Sebutan Baku

Matlamat utama pembakuan ialah:

- i. Menyeragamkan sebutan dalam bahasa Melayu.
- ii. Mewujudkan satu variasi sebutan baku dalam bahasa Melayu yang dapat digunakan dalam situasi formal.
- iii. Meningkatkan kecekapan berbahasa Melayu.
- iv. Memantapkan sistem dan struktur dalam bahasa Melayu.

**Sebutan Baku** ialah sebutan yang digunakan dalam situasi formal atau rasmi. Oleh itu urusan dan kegiatan yang ditakrifkan formal seperti pengajaran dan pembelajaran, ucapan khalayak ramai, komunikasi dan perbincangan di sektor awam dan siaran melalui media elektronik.

Dasar sebutan baku hendaklah berdasarkan sebutan **fonemik** atau sebutan berdasarkan ejaan. Rujukan ini berdasarkan *K.L Pike* "...kata-kata dieja sebagaimana diucapkan dan diucapkan sebagaimana yang dieja"

Garis panduan umum sebutan baku adalah seperti berikut:

- i. Sebutan huruf: setiap huruf dalam ejaan hendaklah dilafazkan dengan jelas.
- ii. Sebutan kata: hendaklah berdasarkan ejaan keseluruhan dan bentuk kata (pola suku kata)
- iii. Intonasi: nada suara turun naik atau tinggi rendah sewaktu bercakap. Ini berdasarkan jenis, bentuk atau keperihalan ayat.

## LAMBANG DAN BUNYI (FONEM) HURUF

### 1. Huruf Dan Fonem Vokal

Huruf dan fonem vokal ada 6 sahaja iaitu:

Huruf vokal	Fonem	Ejaan dan sebutan
a	[ a ]	[ a.da ]
e	[ ē ] taling	[ sē.pak ]
e	[ e ] pepet	[ be.lah ]
i	[ i ]	[ i.kan ]
o	[ o ] [ O ]	[ bo.tol ] [ e.kO. no. mi ]
u	[ u ]	[ u.lar ]

### Ulasan

Huruf vokal ada 5 sahaja tetapi fonem/bunyi vokal ada kalanya disebut dengan 6 cara atau 7 cara (iaitu penambahan O separuh bulat atau O besar). Perbincangan untuk topik ini lebih menjurus kepada mengetahui dan memahami dengan baik perbezaan bunyi e taling dan e pepet, dan bunyi o kecil dan o besar (O separuh bulat).

Vokal e = e taling dan e pepet

Vokal o = o kecil dan o separuh bulat (untuk perkataan pinjaman)

## 2. Huruf Dan Fonem Diftong

Diftong ialah gabungan dua huruf vokal yang akan melahirkan bunyi-bunyi tertentu. Diftong bahasa Melayu ada tiga iaitu: **ai** - **oi** - **au**.

Huruf	Fonem	Ejaan dan sebutan
ai	[ ai ]	[ pan.tai ]
oi	[ oi ]	[ do.doi ]
au	[ au ]	[ pu.lau ]

### Ulasan

Kebanyakan huruf diftong bahasa Melayu berada di akhir suku kata, contoh seperti perkataan ‘balai - pandai - bau’ dan sebagainya. Untuk perkataan pinjaman kadang-kadang wujud huruf diftong di awal kata seperti ‘audit, auditorium’. Begitu juga di tengah kata seperti ‘taufu, tabat’ dan sebagainya. Tujuan mempelajari fonem dan sebutan mengandungi huruf diftong adalah untuk mengelakkan kesalahan ketika penyebutan.

Contoh:

Kata	Sebutan A	Sebutan B
Bадай	[ ba.dai ]	[ ba. da. i ]
Pанталоу	[ pan.tau ]	[ pan.ta.u ]
Бау	[ bau ]	[ ba.u ]

\* Berdasarkan contoh di atas, sebutan manakah yang **tepat**?

## 3. Huruf Dan Fonem Konsonan

Dalam sistem ejaan rumi, terdapat 26 huruf konsonan yang digunakan untuk melambangkan 27 fonem (sebutan). Oleh keranan huruf dan fonem konsonan terlalu banyak, di sini hanya dibincangkan beberapa huruf sahaja.

Fonem k:

K – biasa	kekal	[ ke.kal ]
K [? ] glotis	tasik	[ ta.si? ]
K - nasal	rujuk	[ ru.ju ]
K [ ق ] kasar / q	kadi	[ qa.di ]

Fonem sengau atau nasal:

m	mampu	[ mam.pu ]
n	nanti	[ nan.ti ]
ny	nyonya	[ nyo.nya ]
ng	nganga	[ nga.nga ]

Fonem berdasarkan bahasa Inggeris.

x	xilem	[ zi. lem ]
v	virus	[ vi. rus ]

Daripada 26 huruf terdapat lima huruf gabungan iaitu *gh*, *kh*, *ng*, *ny*, dan *sy*.

## SISTEM KESELARASAN VOKAL

Iaitu satu sistem yang mengandungi bentuk-bentuk pola vokal yang boleh menjadi panduan ketika menyebut kata dasar mengandungi **dua suku kata atau lebih**. Sistem ini akan membantu pelajar menyebut sebutan dengan tepat berdasarkan ejaan dan sebutan baku bahasa Melayu.

## Mengapa perlu pola keselarasan vokal?

Kesalahan-kesalahan yang kerap berlaku kerana tiada keselarasan vokal biasanya disebabkan oleh ejaan baku yang digunakan tidak sama dengan bunyi sebutan perkataan-perkataan tersebut oleh penutur-penutur jati bahasa Melayu, terutama yang menggunakan dialek Johor-Riau. Sebagai contoh, kita ambil perkataan '**fasih**'. Perkataan ini apabila dituturkan oleh orang Melayu di Malaysia, tidak banyak berbeza dengan sebutan yang dieja dengan '**faseh**'. Di Indonesia sebutan sesuatu perkataan itu dilakukan sebagaimana dieja. Dalam contoh tadi, perkataan '**fasih**' akan disebut sebagai [fa.sih] dan bukan [fa.seh].

Jadi oleh kerana sistem ejaan bahasa Melayu sentiasa mengalami perubahan maka sistem ini diperlukan. Terdapat 18 pola keselarasan vokal dalam bahasa Melayu.

### a. Pola Keselarasan Yang Telah Berubah

Pola lama	Pola baru	Ejaan lama	Ejaan baru	Sebutan lama	Sebutan baru
a – e taling	a – i	balek	balik	[ ba.le? ]	[ ba.li? ]
a – o	a – u	basoh	basuh	[ ba. soh ]	[ ba.suh ]
e – e taling	e – i	lebeh	lebih	[ le.beh ]	[ le.bih ]
e – o	e – u	telor	telur	[ te.lor ]	[ te.lur ]
i – e taling	i – i	pileh	pilih	[ pi.leh ]	[ pi.lih ]
i – o	i – u	pikol	pikul	[ pi.kol ]	[ pi.kul ]
u – e taling	u – i	putek	putik	[ pu.te? ]	[ pu.ti? ]
u – o	u – u	tujoh	tujuh	[ tu.joh ]	[ tu.juh ]

### b. Pola Yang Tidak Berubah Ejaan

Pola Keselarasan	Ejaan	[ Se.bu.tan ]
[ a – a ]	Bahaya	[ Ba.ha.ya ]
[ e – a ]	Semak	[ Se.ma? ]
[ e taling - a ]	Selak	[ Se.la? ]
[ e taling - e taling ]	Leher	[ Le.her ]

[ e taling - o ]	Telor	[ Te.lor ]
[ i - a ]	Bilang	[ Bi.lang ]
[ o - a ]	Congak	[ Co.nga? ]
[ o – e taling ]	Kolek	[ Ko.le? ]
[ o – o ]	Pohon	[ Po.hon ]
[ u – a ]	Sula	[ Su.la ]

### c. Pola Kekecualiaan Keselarasan Vokal

Kekecualian keselarasan vokal berlaku pada kata-kata bahasa asing, khususnya bahasa-bahasa di Nusantara dan bahasa Inggeris. Tuliskan pola vokal perkataan di bawah.

Contoh:

a - e taling	kaget [ ]	panel [ ]
u – e taling	tulen [ ]	subjek [ ]
u – pepet	lumer [ ]	skuter [ ]
a – o	calon [ ]	atom [ ]

### Ulasan

Pola kekecualian keselarasan vokal (PKKV) adalah sistem keselarasan vokal hanya untuk ejaan yang diambil daripada perkataan bahasa asing seperti bahasa Indonesia dan Inggeris. PKKV ini tidak sama dengan keselarasan vokal yang ada dalam bahasa Melayu.

Contoh kesalahan pola a - i

Salah	Betul
Sabet	Sabit
Daceng	Dacing
Faker	Fakir
Calet	Calit
Maseh	Masih
Paser	Pasir

Contoh kesalahan pola e taling - o

Salah	Betul
Beluk	Belok
Besuk	Besok
Ceduk	Cedok
Herut	Herot
Kecuh	Kecoh

Contoh kesalahan pola i - i

Salah	Betul
Bilek	Bilik
Bisek	Bisik
Didek	Didik
Risek	Risik
Sisek	Sisik
Milek	Milik

Contoh kesalahan pola u – u

Salah	Betul
Susor	Susur
Burong	Burung
Busok	Busuk
Tusok	Tusuk
Suroh	Suruh
Lumpoh	Lumpuh

## Sebutan Kata Dasar

Kata dasar ialah perkataan yang tidak menerima imbuhan atau pemajmukan. Kata dasar dikenali juga sebagai kata asas atau kata asal. Sebutan kata dasar berpandukan kaedah pemenggalan suku kata ejaan.

Kata	Pemenggalan suku kata	Sebutan (transkripsi)	
aku	[a.ku]	[ a.ku ]	
kain	[ka.in]	[ kain ]	[ ka.yin ]
dia	[di.a]	[ dia ]	[ di.ya ]
paun	[pa.un]	[ paun ]	[ pa.wun ]
siamang	[sia.mang]	[sia.mang]	[sia.ya.mang]
buaya	[bu.a.ya]	[ bua.ya ]	[ bu.wa.ya ]
piutang	[piu.tang]	[piu.tang ]	[ pi.yu.tang ]
juita	[ju.i.ta]	[ jui.ta ]	[ ju.wi.ta ]

Dalam rajah di atas sebutan manakah yang tepat?

## Sebutan Kata Terbitan

Kata terbitan ialah perkataan yang menerima imbuhan. Sebutan kata terbitan juga berdasarkan pola pemenggalan suku kata yang berdasarkan pola ejaan juga. Namun begitu terdapat juga perbezaan cara sebutan berdasarkan imbuhan awalan yang diterima.

### i. Sebutan satu cara

Contoh:

alatan	belajar	[ a.la.tan ]	[ be.la.jar ]
menyanyi	diambil	[ me.nya.nyi ]	[ di.am.bil ]
terminum	seekor	[ ter.mi.num ]	[ se.e.kor ]

Mengetuk-ngetuk ( ketuk –ketuk )	[ Me.ng.e.tuk.ng.e.tuk ] [ me. ke.tuk. ke.tuk ]
Memukul-mukul ( pukul –pukul )	[ Me.mu.kul.mu.kul ] [ me.pu.kul. pu.kul ]
Menyapu-nyapu ( sapu -sapu)	[ Me.nya.pu.nya.pu ] [ me.sa.pu.sa. pu ]

\* perkataan di atas apabila menerima awalan meN... maka huruf awal kata dasar tersebut terluluh (jatuh).

## ii. Sebutan dua cara

Kata terbitan yang berimbahan awalan **ber, per, memper, diper, ter, diter**, (termasuk digunakan berapitan)

Contoh:

Ejaan	Sebutan dua cara	
Berubat	[ Be.ru.bat ]	[ Ber.u.bat ]
Berikut	[ Be.ri.kut ]	[ Ber.i.kut ]
Perelok	[ Pe.re.lo? ]	[ per.e.lo? ]
Memperelok	[ Mem.pe.relo? ]	[ Mem.per.e.lo? ]
Diperelok	[ Di.pe.re.lo? ]	[ Di.per.e.lo? ]
Terambil	[ Te.ram.bil ]	[ Ter.am.bil ]
Terangkat	[ Te.rang.kat ]	[ ter.ang.kat ]

- Mengikut **Pedoman Ejaan dan Sebutan Bahasa Melayu** sebutan yang pertama diberi keutamaan.
  - Sebutan pertama lebih memperlihatkan kelancaran dan nada yang digunakan lebih sesuai dan lancar berbanding sebutan cara kedua. Sebutan kedua terdapat sekatan kelancaran apabila perlu menyebut imbuhan awalan terlebih dahulu
- ii. Kata terbitan yang berakhir dengan bunyi **hentian glotis ( ? )** yang menerima akhiran ..an dan... .i ada dua cara :

Contoh:

Ejaan	Sebutan dua cara	
Didikan	[ Di.di.kan ]	[ Di.di? . kan ]
Masakan	[ Ma.sa.kan ]	[ Ma.sa? . kan ]
Memasuki	[ Me.ma.su.ki ]	[ Me.ma.su?. ki ]
Ejekan	[ E.je.kan ]	[ E.je?.kan ]

- Mengikut **Pedoman Ejaan dan Sebutan Bahasa Melayu** sebutan yang pertama diberi keutamaan.

## Sebutan Kata Pinjaman

### 1. Kata Bahasa Inggeris Dan Eropah

Kata pinjaman bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa Eropah yang lain disebut berdasarkan pedoman umum yang mahukan supaya setiap huruf dilafazkan mengikut nilai bunyinya dalam bahasa Melayu.

Contoh:

Huruf	Ejaan	Sebutan
A	radio, skandal	[ra.diO] [skan.dal] [pO.pu.lar]
e (taling)	beg, generasi, telefon	[beg] [ge.ne.ra.si] [te.le.fon]
I	identiti, krisis	[i.den.ti.ti] [kri.sis]
O*	hormon, kos, sos	[hor.mOn] [kOs] [sOs]
au (diftong )	audit, automatik	[au.dit] [au.to.ma.tik]
d– kl – pr – str (gugusan konsonan di awal kata )	drama, klasik, struktur profesor	[dra. ma] [kla.sik] [struk.tur] [pro.fe.sOr]
-s (gugusan konsonan dengan /s / )	ambulans, insurans, sains	[am.bu.lans] [in.su.rans] [sains]
-rd, -rt, -rm , -lt, -lm	standard, konsert, kloroform kobalt	[stan.dad] [kOn.set] [klo.ro.fom] [kO.bat]
Ungkapan	ad hoc	[ed.hOk]

### 2. Kata Bahasa Arab

Sebutan perkataan pinjaman bahasa Arab mempunyai 2 peraturan bergantung sama ada perkataan tersebut sudah menjadi **kata umum** atau hanya sebagai **istilah**. ‘Istilah’ ialah perkataan atau rangkai kata yang mempunyai erti yang jitu dalam sesuatu bidang ilmu pengetahuan.

Kata Bahasa Arab sudah menjadi **Kata Umum**, disebut mengikut sebutan jati bahasa Melayu.

Contoh:

ضرورت	darurat	[ da.ru.rat ]
حاکیم	hakim	[ ha.kim ]
ایذین	izin	[ i.zin ]

Kata Bahasa Arab yang asalnya bermula dengan huruf **ain** [ ع ] dan sudah menjadi **kata umum**. Cara sebutan 2 cara:

- i. Sebutan mengikut bunyi kata umum
- ii. Sebutan bunyi **ain**

Contoh:

عالٰم	Alam	[ a.lam ] atau [ a.lam ]
علمو	Ilmu	[ il.mu ] atau [ il.mu ]
علماء	Ulama	[ u.la.ma ] atau [ u.la.ma ]

\* cara sebutan pertama diutamakan

Kata bahasa Arab di mana **suku kata tengah** atau **suku kata akhir** yang bermula dengan huruf **ain** dilafazkan satu cara sahaja

Contoh:

فرعون	Firaun ( tengah )	[ fir.aun ]
جمعة	Jumaat ( akhir )	[ ju.ma.at ]
قاعدہ	Kaedah ( tengah )	[ ka.e.dah ]

Kata bahasa Arab mengandungi huruf **k nasal** ( k ain ) pada **suku kata tengah** atau **suku kata akhir** boleh disebut dua cara:

- i. Sebutan glotis
- ii. Sebutan nasal

Contoh:

رعيت	Rakyat ( tengah )	[ ra.yat ] atau [ rak. yat ]
معلومت	Maklumat ( tengah )	[ma.lu.mat] atau [mak. lu. mat ]
جاميق	Jamik ( akhir )	[ ja.mi ] atau [ ja.mik ]

Kata bahasa Arab bersangkutan dengan **aktiviti agama Islam**. Jadi sebutannya mengikut sebutan asal, tetapi ejaan mengikut ejaan rumi.

Contoh:

حديث	Hadis	[ ha.dith ]
كادي	kadi	[ qa.di ]
رمضان	Ramadan	[ ra.ma.dan ]

Kata bahasa Arab yang berakhir dengan huruf **ta marbutah** ( ت ) dalam ejaan jawi maka, disebut dengan huruf **t** atau **h**.

Contoh:

اخيرة	akhirat	[ a.khi.rat ]
هجرة	hijrah	[ hij.rah ]
هدایة	Hidayah /hidayat	[hi.da.yah] / [ hi.da.yat ]

## INTONASI

**Intonasi:** naik turun nada suara yang wujud apabila kita bercakap.

Peranan intonasi dalam komunikasi ialah untuk mengambarkan isi pertuturan dan emosi ketika bercakap.

Contoh:

luahan perasaan suka duka atau dalam keadaan marah.

Dalam konteks tatabahasa intonasi penting dalam **membezakan bahagian subjek dan predikat dalam ayat.**

### Peranan Intonasi Dalam Komunikasi Menggambarkan Makna atau Emosi

Terdapat beberapa teknik atau gaya digunakan bagi menggambarkan makna atau emosi ketika bercakap. Teknik ini dikenali:

- i. Tekanan /nada
- ii. Durasi
- iii. Hentian /jeda

#### Tekanan / nada

Tekanan/nada merupakan teknik atau gaya ketika bercakap. Unsur ini boleh ditandai dengan:

- 1 - **Sangat lembut**
- 2 - **Lembut**
- 3 - **Keras**
- 4 - **Sangat keras**

Penggunaan nada/ tekanan boleh didapati dalam ujaran (dialog), nyanyian, muzik, sajak, drama atau sebagainya yang membayangkan sesuatu perasaan atau sikap.

Contoh:

- a. Ujaran “Siapa curi duit aku?!!!” (nada marah)
- b. Ujaran “Siapa curi duit aku?”(nada sedih)

Dalam contoh di atas ujaran “**Siapa curi duit aku**” memberi makna dan emosi yang berbeza jika di tuturkan dengan nada yang berlainan. Contoh (a) menggambarkan kemarahan dan contoh (b) menggambarkan kesedihan.

## Durasi

Iaitu panjang pendeknya waktu yang diperlukan untuk mengucapkan sebuah kata atau ujaran.

Penggunaan durasi dalam teknik sebutan perkataan atau ujaran boleh memberi gambaran jelas tentang makna yang ingin ditekankan dalam sesuatu ujaran.

Contoh:

- a. Ujaran “**Can....tik** betul Ah Moi tu .....
- b. Ujaran “**Pergiiiiiiii!** aku tak mau tengok muka kau lagi”

Dalam contoh (a) di atas teknik durasi **Can...tik** digunakan untuk menggambarkan bahawa ‘Ah Moi’ yang dilihat oleh penutur itu benar-benar cantik. Oleh sebab itu penutur menyebut “cantik” dengan nada panjang untuk menggambarkan dengan jelas perasaan tersebut.

Sementara dalam contoh (b) ujaran “**Pergiiiiiiii!**” disebut dengan gaya tekanan tinggi dan durasi yang panjang. Ini bagi menggambarkan bahawa penutur **benar-benar** marah dan mahukan **kau** pergi dari situ.

## Perhentian/ jeda

Teknik berhenti terus atau sementara samada dalam penulisan atau pertuturan.

Teknik ini ditandai dengan (.) noktah atau (,) koma.

Jeda boleh digunakan untuk menggambarkan sesuatu isu atau kata itu penting dalam sesebuah ujaran.

Contoh:

Encik Nadzri: “Semua pelajar, ambil perhatian. Esok, saya akan adakan Ujian 2, jadi diharap kamu bersedia.”

Ujaran di atas menunjukkan penggunaan teknik jeda sebagaimana ditandakan. Encik Nadzri telah memberi peringatan tentang Ujian 2

yang akan diadakan. Jadi teknik jeda digunakan untuk menekankan maksud terhadap beberapa aspek atau kata iaitu: pelajar, perhatian, esok, Ujian 2 dan bersedia.

## Peranan Intonasi Dalam Tatabahasa

Intonasi yang berbeza dalam sebuah ayat dapat membantu kita mengenali bahagian subjek dan predikat. Jadi dalam hal ini intonasi menjadi tanda pemisah antara subjek dan predikat ayat bahasa Melayu. Tingkat nada intonasi ditandai dengan 1, 2, 3 dan 4.

### a. Ayat Penyata (2-4-2-3)

**Pegawai itu pengurus** (Pola intonasi: 2-4-2-3)

Subjek:	Pegawai itu	(2-4)
Predikat:	pengurus	(2-3)

### b. Ayat Tanya Biasa (2-4-3-4)

Ayat tanya biasa tidak menggunakan kata tanya dan partikel. Biasanya berlaku dalam bentuk pertanyaan kepada seseorang.

Contoh:

**Pegawai itu** pengurus?

Subjek:	Pegawai itu	(2-4)
Predikat:	pengurus	(3-4)

**Ahmad** sakit

Subjek:	Ahmad	(2-4)
Predikat:	sakit	(2-3)

Ayat tanya **berpartikel** dan songsang

Pegawai itu pengurus?	(2-4-3-4)	(Tanya Biasa)
Pengurus pegawai itu?	(2-4-3-4)	(Tanya songsang)
Penguruskah pegawai itu?	(2-3-1-4)	(Tanya berpartikel songsang)

**c. Ayat Perintah (2-3) atau (2-3-1)**

Dalam ayat perintah predikatnya lebih diutamakan, atas sebab itu subjek ayat perintah boleh digugurkan atau tidak. Ayat perintah boleh ditambahkan partikel (-lah, -kah, -tah).

- i. Kamu masuk! (ayat perintah bersubjek)
- ii. Masuk! (ayat perintah tanpa subjek)
- iii. **Masuklah!** (ayat perintah berpartikel)
  - Kamu masuk! (2-4-2-3)
  - Masuk! (2-3)
  - Masuklah! (2-3-1)

**d. Ayat Songsang (2-3-1)**

Ayat susunan biasa = Subjek + Predikat.

Ayat songsang = Predikat + Subjek

- i. Kucing itu comel. (2-4-2-3) (Susunan biasa)
- ii. Comel kucing itu. (2-3-1) (Susunan songsang)

**e. Ayat Panjang (2-4-2-3-1) atau (2-4-2-4-2-3)**

Intonasi ayat panjang berdasarkan unit-unit frasa.

**Mahasiswa universiti itu + membaca buku + di bilik  
perpustakaan**

Frasa Subjek + Frasa predikat + Frasa keterangan

- Mahasiswa universiti itu membaca buku di bilik perpustakaan. (2-4-2-3-1)
- Mahasiswa universiti itu membaca buku di bilik perpustakaan. (2-4-2-4-2-3)

## RUJUKAN

Awang Sariyan. 1995. Sebutan Baku dan Ejaan Rumi. Semenyih: Synergymate Sdn Bhd.

Ismail bin Dahaman. 2000. Pedoman Ejaan dan Sebutan Bahasa Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

## LATIHAN BAB 2

### Latihan 1

1. Tuliskan sebutan yang tepat berdasarkan pola kesalarasan vokal yang dinyatakan di bawah:

**a. Pola kesalarasan u - i**

<b>Betul</b>	<b>Salah</b>
Contoh : buih	bueh

**b. Pola kesalarasan o - e**

<b>Betul</b>	<b>Salah</b>
Contoh : gores	guris

**c. Pola kesalarasan i - u**

<b>Betul</b>	<b>Salah</b>
Contoh: bisul	bisol


2. Berikan 5 bentuk **pola kekecualian keselarasan vokal**.

Pola	Perkataan

### Latihan 2

1. Berikan maksud lambang atau tanda berikut:
- [ ] =
  - . / + / - =
  - ? =
  - / ξ / =
2. Perbezaan cara sebutan sebuah bahasa dalam aspek bunyi huruf atau perkataan dikenali sebagai \_\_\_\_\_.
3. Oleh kerana bahasa Melayu mempunyai pelbagai dialek, maka \_\_\_\_\_ diperkenalkan untuk menyeragamkan sebutan dalam pengucapan bahasa Melayu.

4. Apakah maksud Sebutan Baku?

---

---

5. Walaupun Malaysia menggunakan bahasa Melayu, tetapi ia telah terpengaruh dengan dialek \_\_\_\_\_.
6. Mengikut K.L Pike cara sebutan Baku hendaklah berdasarkan

---

---

7. Senaraikan garis panduan Sebutan Baku

a. \_\_\_\_\_

b. \_\_\_\_\_

c. \_\_\_\_\_

8. Huruf vokal bahasa Melayu mempunyai \_\_\_\_\_ huruf tetapi fonem/bunyi huruf boleh menjadi \_\_\_\_\_ atau \_\_\_\_\_ cara sebutan.
9. Isikan kotak di bawah dengan jawapan yang betul.

Fonem vokal <b>e</b> terbahagi: a. _____ contoh: _____	Fonem vokal <b>o</b> terbahagi: a. _____ contoh: _____
b. _____ contoh: _____	b. _____ contoh: _____

10. Sila tandakan vokal e di bawah. Nota: **t = e taling** **p = pepet**

Perkataan	Tanda vokal e	Perkataan	Tanda Vokal p
Elak	t	Lelah	
Entah		Lepak	
Berang		Injek	
Leher	t – t	Kerlip	
Rentak		Kerobek	
Enteng		Mercik	
Segera		Merekah	
Keretapi		Kamera	
Renek		Gelek	

11. Apakah maksud sebutan Diftong dan berikan 3 contoh perkataan dalam setiap huruf diftong?

Diftong ialah:
Contoh diftong [ ai ]:
Contoh diftong [ oi ]:
Contoh diftong [au ]:

12. Betulkan ejaan perkataan-perkataan dalam petikan di bawah.

Bahasa Melayu telah lama diistiharkan sebagai bahasa kebangsaan **namon** \_\_\_\_\_ rungutan terhadap penggunannya dalam pelbagai bidang **maseh** \_\_\_\_\_ didengar sehingga kini. Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa penggunaan bahasa Melayu di negara **kite** \_\_\_\_\_ masih kurang memuaskan.

Hal ini terbokti \_\_\_\_\_ apabila **pemilek** \_\_\_\_\_ syarikat perniagaan hanya memberikan ruang yang **kecel** \_\_\_\_\_ dan sedikit terhadap penggunaan bahasa Melayu pada papan-papan tanda perniagaan mereka. Selain daripada

mengagongkan \_\_\_\_\_ penggunaan bahasa Inggeris, penggunaan bahasa Melayu mereka juga salah dan **bercampor adok** \_\_\_\_\_ dengan bahasa Inggeris. Hal ini menggambarkan seolah-olah negara kita masih **belom** \_\_\_\_\_ wujud lagi penggunaan bahasa kebangsaan sebagai bahasa rasmi negara.

13. Apakah maksud **sistem keselarasan vokal** dan tujuan sistem ini diadakan?

---



---

14. Tuliskan sebutan dan pola keselarasan vokal untuk perkataan-perkataan di bawah.

<b>Sebutan salah [ be.tol ]</b>	<b>Sebutan betul [ be.tul ]</b>	<b>Pola keselarasan vokal [ e - o ] → [ e - u ]</b>
[ ta.jok ]		
[ ta.rēk ]		
[bu.noh ]		
[ ba.lēng ]		
[pe. dēh ]		

15. Tuliskan sebutan-sebutan perkataan di bawah.

<b>Perkataan</b>	<b>Sebutan 1</b>	<b>Sebutan 2</b>
berubah		
perindah		
masakan		
maklumat		
laknat		

16. Cari perkataan berikut dalam bahasa Melayu, kemudian tuliskan sebutannya.

Perkataan Inggeris	Bahasa Melayu	Sebutan Melayu
executive		
stadium		
duties		
television		
cheque		

### Latihan 3

1. Apakah maksud intonasi?

---

---

---

2. Apakah fungsi intonasi dalam komunikasi dan tatabahasa?

---

---

---

3. Sebutkan teknik-teknik intonasi dalam komunikasi/bertutur:

---

---

---

4. Tekanan/Nada ayat boleh diubah ketika mengayakan pertuturan. Tingkat Tekanan/Nada ayat ini boleh ditulis seperti:

Nada 1	
Nada 2	
Nada 3	
Nada 4	

5. Bina 2 ayat yang lengkap menggunakan teknik durasi.

a. \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

b. \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

6. Bina 1 perenggan ayat lengkap yang menggunakan teknik jeda.

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

7. Tuliskan intonasi bagi jenis-jenis ayat di bawah.

Jenis Ayat	Formula intonasi (1-2-3-4)
Ayat penanya	
Ayat tanya biasa	
Ayat perintah bersubjek	
Ayat perintah subjek dan partikel	
Ayat songsang	
Ayat panjang	

8. Gariskan **subjek** dan **predikat** ayat di bawah

- a. Orang itu pensyarah saya.
- b. Bangunan itu Menara Kuala Lumpur.
- c. Gadis itu sungguh cantik.
- d. Mereka masuk perlahan-lahan.
- e. Mei Ling ingin menjadi pensyarah

9. Tuliskan dan gariskan intonasi ayat-ayat berikut.

- a. Pelajar sedang membaca buku.
- b. Ayah sedang tidur.
- c. Semua anggota persatuan itu menghadiri mesyuarat.
- d. Ibu sedang tidur di dalam bilik adik.
- e. Pemuda itu kemalangan?

### Latihan 4

Baca petikan berikut dengan sebutan dan intonasi yang sesuai.

- a. Kemudahan infrasuktur akan diberikan kepada semua masyarakat di luar bandar.
- b. Tender-tender akan diberikan kepada kontraktor-kontraktor yang tidak pernah gagal melaksanakan sesuatu projek.

- c. Peluang-peluang pekerjaan akan ditambah bagi meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat.
- d. Pengimportan teknologi mendapat perhatian pihak kerajaan.
- e. Seorang kontraktor kecil mendapat kemalangan ketika pekerja-pekerjanya memasang sebuah kabel.

**Sampaikan berita ringkas di bawah ini dengan sebutan dan intonasi yang betul.**

- a. Pihak polis telah menahan seorang lelaki yang sedang membawa tiga kilogram dadah daripada jenis heroin. Dadah yang dimuatkan dalam kampit plastik itu dijumpai tersorok di bawah kereta. Lelaki yang ditahan juga dipercayai telah melakukan berbagai-bagai kegiatan jenayah. Berikutan dengan penangkapan ini, pihak polis telah menyerbu sebuah unit rumah pangsa dan menahan beberapa orang lagi yang disyaki turut terlibat.
- b. Minggu lalu, Mufti Perlis berpendapat pameran hantu perlu dihentikan kerana ia tidak membantu, sebaliknya hanya mengkhayalkan masyarakat. Semalam, Rais menegaskan pameran itu tidak memberi faedah kepada perkembangan tamadun manusia.

# 3

## ISU EJAAN DAN TATABAHASA

### PENGENALAN

Isu ejaan dan tatabahasa merujuk kepada kesalahan dalam ejaan dan tatabahasa bahasa Melayu ketika penggunaannya samada dalam bentuk komunikasi atau penulisan. Tatabahasa bahasa Melayu meliputi bentuk morfologi iaitu kata dan bentuk sintaksis iaitu ayat.\*

Kesalahan dalam bentuk morfologi biasanya melibatkan kelemahan menguasai ejaan, pengimbuhan dan penggunaan kata yang tepat.

Kesalahan dalam sintaksis pula biasanya merujuk kepada bentuk keseluruhan tatabahasa seperti, struktur ayat, susunan ayat dan penghubung ayat.

Kesalahan pelajar dalam kedua-dua bidang ini biasanya disebabkan banyak faktor. Bagi kebanyakan pelajar, kesalahan ini terjadi disebabkan mereka lemah dalam memahami hukum tatabahasa terutama jika diaplikasikan dalam konteks ayat atau ujaran. Sementara bagi pelajar yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua, kelemahan ini boleh terjadi disebabkan pengaruh bahasa pertama.

### Sejarah Ejaan bahasa Melayu di Malaysia dan Indonesia

Ejaan bahasa Melayu di Malaysia dan Indonesia mengikut kaedah ejaan yang tersendiri. Bahasa Melayu Indonesia dipengaruhi oleh

bahasa Belanda manakala di Malaysia disesuaikan dengan dialek Johor Riau dan bahasa Inggeris.

Gaya bahasa dan ejaan kedua-dua bentuk bahasa ini telah mengikut jalan yang berlainan, sebelum persetujuan dicapai untuk menyatukannya. Penyatuan bahasa yang berasal daripada sumber yang sama iaitu bahasa Melayu dialek Johor-Riau, dapat menjadikan bahasa Melayu ini mencapai kemajuan yang lebih bermakna. Selain Malaysia, Indonesia, Brunei dan Singapura juga telah turut serta dalam perkembangan ini. Dengan adanya kesepaduan dalam memajukan bahasa ini, maka lebih besar dapat diperoleh oleh semua pihak.

Bahasa Melayu ialah suatu bahasa yang dinamik kerana semenjak mencapai taraf bahasa rasmi di Malaysia, Indonesia, Brunei dan Singapura, perkembangannya berlaku dengan pesat. Keempat-empat buah negara telah bersepakat untuk berbincang tentang pelbagai hal berkaitan dengan perkembangan bahasa Melayu.

Langkah pertama yang dianggap paling utama ialah membakukan ejaan bahasa Melayu, supaya ejaan yang sama bagi perkataan yang sama digunakan keempat-empat buah negara. Dengan itu, karya yang dihasilkan di Malaysia dapat dibaca dengan mudah oleh pembaca-pembaca di Indonesia, Brunei dan Singapura.

## Tatabahasa

Tatabahasa ialah perkataan yang berasal daripada dua perkataan Sanskrit “tata” dan “bahasa”. **Tata** membawa maksud “peraturan” atau “petua” yang digunakan bagi meletakkan sesuatu pada tempat yang betul. **Bahasa** pula bermaksud kata-kata yang dituturkan oleh sesuatu kelompok manusia untuk berhubung antara satu sama lain. Bunyi kata-kata itu membawa makna yang tertentu yang dipersetujui bersama dan difahami oleh masyarakat penutur bahasa yang berkaitan.

## Mengapa anda perlu belajar tatabahasa?

Sekiranya anda tidak mempelajari tatabahasa sesuatu bahasa yang ingin anda gunakan untuk berkomunikasi, besar kemungkinan pertuturan anda sukar difahami. Bagi rakyat Malaysia yang bukan Melayu, apabila bertutur dalam bahasa Melayu, tanpa mempelajari tatabahasanya, akan bertutur mengikut gaya bahasa ibunda masing-masing.

Tatabahasa sesuatu bahasa berbeza antara satu sama lain. Umpamanya, apabila orang Melayu menjelaskan warna sesebuah rumah, dia akan meletakkan perkataan warna rumah itu selepas kata nama seperti “*rumah hijau*”, tetapi dalam bahasa Inggeris, kata untuk warna diletakkan sebelum kata nama menjadi “*green house*”

Seorang penutur asli bahasa Melayu, apabila bertutur dalam bahasa Inggeris, akan mengikut tatabahasa Melayu sekiranya dia tidak mempelajari tatabahasa Inggeris. Begitu juga halnya apabila seorang India dan Cina yang tidak pernah belajar bahasa Melayu secara formal akan menggunakan bahasa pasar. Bahasa pasar ini dipertuturkan tanpa mengikut peraturan tatabahasa Melayu kerana pengaruh tatabahasa bahasa Tamil atau Cina mewarnai bahasa Melayu yang dituturkan.

Tatabahasa memberikan garis panduan kepada pelajar-pelajar bahasa. Tatabahasa juga akan membimbing seseorang pelajar menggunakan bahasa menulis dan bertutur dengan betul. Dengan ini, pertuturan mereka akan mudah difahami, dan pada masa yang sama, mendapat penghormatan daripada penutur-penutur asli bahasa tersebut.

## ISU TATABAHASA

Perbincangan tatabahasa bahasa Melayu sangat luas untuk diperbincangkan, oleh sebab itu tumpuan dibuat terhadap isu seperti di bawah:

Perkara	Contoh penggunaan
Ejaan	Saya nak makan <i>sate</i> / <i>satay</i> .
Pengimbuhan	Saya <i>ketinggalan</i> / <i>tinggalan</i> bas.
Pemilihan kata	Pembaris itu sangat <i>tinggi</i> / <i>panjang</i> .
Struktur ayat	Rumah itu besar / Besar itu rumah.
Penghubung ayat	Ali <i>dan</i> Ahmad makan kacang di dapur. Ali <i>dan</i> <i>sambil</i> Ahmad makan kacang di dapur.

## 1. EJAAN

Kesalahan dalam ejaan biasanya terjadi disebabkan pengaruh ejaan bahasa Inggeris (di Malaysia) atau Belanda (di Indonesia)

### Ejaan Lama di Malaysia

Petikan cerpen yang berjudul “*Kesah Nana Maidin*” karangan Asamin yang diterbitkan dalam Utusan Zaman 1954.

Mardin *menjilat2 bibir-nya* sendiri, *tangan-nya di-kesat2kan* pada kain *sarong-nya*. Kain sarong hijau yang *di-lipatkan-nya* itu itu memperlihatkan *karat2* yang basah kering. Baju *singlet-nya* juga sudah *separoh belapok* dan *di-jalori* juga oleh warna kekuningan yang basah kering.

Contoh:

Ejaan lama	Ejaan baku
kechil	kecil
ayer	air
di-ulurkan	dihulurkan
kachang	kacang
sa-sudu	sesudu

### Ejaan Lama di Indonesia

Petikan yang ditulis oleh Prof. Dr Poerbatjaraka pada tahun 1951 dalam sebuah buku.

“Tidak *sadja* pendeta Hwei-ning dikatakan pergi dari *Cri-wijaya* ke *Melaju*, melainkan I-tsing sendiri, ketika ia berangkat dari Kanton ke Hindustan pada tahun 671 ia singgah dulu di *Cri-wijaya* 6 bulan *lamanja*, buat *mempeladjari* tatabahasa .....

Contoh:

Ejaan lama	Ejaan baku
jang	yang
sutji	suci
termasjhur	termasyhur
kejakinanlah	keyakinanlah
pekerdjaan	pekerjaan

## Peristilahan Kata Bahasa Asing

Berlaku apabila istilah yang diperlukan tidak terdapat dalam bahasa Melayu atau bahasa yang serumpun, maka bolehlah diambil kata-kata daripada bahasa asing. Bagaimanapun penulisan istilah ini hendaklah mengutamakan bentuk ejaanya dalam bahasa sumber (yang disesuaikan dan diperlukan) dan penyebutannya hendaklah mengikut sistem bunyi bahasa Melayu. Demi keseragaman, bahasa Inggeris telah diguna pakai sebagai sumber kerana sifatnya yang internasional.

### Bagaimana penyerapan istilah asing?

Istilah asing boleh dipinjam atas dasar; kesesuaian makna, lebih singkat daripada terjemahan bahasa Melayunya dan istilah yang dipilih itu mudah untuk diselaraskan, sekiranya mempunyai banyak sinonim dalam bahasa Melayu.

Beberapa contoh penyesuaian ejaan.

Kata dengan ejaan elect-

Inggeris	Melayu
electric	elektrik
electronic	elektronik

Kata yang berakhir dengan ejaan -sion, -sional, -tion, -tional

Inggeris	Melayu
national	nasional
professional	profesional
section	seksyen
commission	komisen

Kata mengandungi konsonan ganda, ss, ll dan mm

Inggeris	Melayu
ballet	balet
illustration	ilustrasi
professor	profesor
tissue	tisu
billiard	biliard

Kata yang mengekalkan huruf vokal a, e, dan huruf konsonan v

Inggeris	Melayu
academic	akademik
battery	bateri
calendar	kalender
van	van
cassette	kaset

### Kesalahan akibat kelemahan memahami ilmu tatabahasa

Kata majmuk: **tanggungjawab, tengah hari**. Isu penggunaan kata majmuk, melibatkan bentuk penulisan iaitu sama ada kata majmuk ditulis secara terpisah atau bergabung.

## 2. IMBUHAN

Imbuhan dimaksudkan unit-unit bahasa tertentu yang ditambahkan pada bentuk - bentuk (kata) lain yang menyebabkan perubahan makna nahnunya. Imbuhan mempunyai bentuk iaitu: **awalan, akhiran, sisipan dan apitan.**

- i. **Awalan:** Merupakan morfem terikat yang dicantumkan pada bahagian hadapan sesuatu kata dasar. Oleh dibahagikan kepada beberapa kategori, iaitu **awalan kata nama, awalan kata kerja dan awalan kata adjektif.**  
**Contoh:** penyanyi, memasak, terkecil.
- ii. **Akhiran:** Merupakan imbuhan yang dicantumkan di belakang sesuatu kata dasar. Terdapat tiga bentuk akhiran, iaitu **-an, -i dan -kan.**  
**Contoh:** minuman, marahkan, lawati.
- iii. **Sisipan:** Merupakan imbuhan yang diselitkan di antara unsur-unsur kata dasar  
**Contoh:** gerigi, celoreng, telunjuk, semerbak
- iv. **Apitan:** Merupakan imbuhan yang ditambahkan serentak pada hadapan dan pada belakang kata dasar  
**Contoh:** berpandangan, diawasi, meratapi, pelajaran

Penggunaan imbuhan dalam bahasa Melayu sangat penting kerana kesalahan dalam penggunaan imbuhan boleh menjelaskan maksud ayat yang ingin disampaikan.

Contoh kesilapan penggunaan imbuhan akhiran -i.

Salah	Betul
menaikki	menaiki
membaiikki	membaiiki
menjejakkki	menjejaki
memilikki	memiliki

Contoh kesilapan penggunaan akhiran -an.

Salah	Betul
galakkan	galakan
teriakkkan	teriakan
tarikkan	tarikan
tembakkan	tembakan

### 3. PEMILIHAN KATA/ISTILAH

Pemilihan kata/istilah yang betul dan tepat dalam penggunaan sesebuah ayat. Bahasa Melayu mempunyai beberapa cara untuk membentuk perkataan. Ada yang bersifat kata tunggal seperti rumah, tinggal dan putih. Di samping itu terdapat perkataan dibentuk hasil pengimbuhan, pemajmukan dan penggandaan. Bahasa Melayu merupakan jenis bahasa yang bersifat **aglutinatif** atau bahasa yang bersifat *derivative* iaitu jenis bahasa yang kebanyakan perkataan dibentuk melalui pengimbuhan.

Dalam membuat ayat atau penggunaan bahasa Melayu komunikasi, ‘kata’ yang tepat dan betul dalam sesebuah ayat dan ujaran sangat penting. Ini kerana ketidaktepatan penggunaan kata dalam ayat akan menimbulkan maksud ayat yang salah atau janggal.

- Contoh:
- a. Pelajar itu **bergerak** laju
  - b. Pelajar itu **berlari** laju

Ayat **(a)** diatas kurang tepat dari segi penggunaan kata kerjanya **bergerak**. Ayat **(b)** lebih tepat penggunaan kata kerjanya.

Aspek pemilihan kata yang tepat ini merangkumi penggunaan kata nama, kata kerja, kata adjektif dan sebagainya.

### 4. STRUKTUR AYAT

Merupakan isu yang mempunyai perbincangan yang sangat luas. Ia melibatkan kesalahan dalam sintaksis (ayat) seperti dalam **penggunaan**

**subjek dan predikat** dalam ayat kemahiran **pola ayat dasar** bahasa Melayu dan mengetahui pelbagai bentuk struktur **jenis ayat**. Isu struktur ayat akan melihat kemahiran pelajar dalam aspek:

- i. memahami konsep subjek predikat
- ii. memahami bentuk pola ayat dasar
- iii. memahami jenis-jenis ayat
- iv. memahami ayat aktif dan pasif

Memahami struktur ayat dapat membantu kita untuk memahami mengapa sesebuah ayat itu salah atau betul dan seterusnya membetulkan kesalahan tersebut.

Bahagian Ayat:      Dia (**subjek**) / membaca buku (**predikat**)

Pola ayat:            FN+FN: Ali / seorang pensyarah  
                          FN+FK: Ali / menyepak bola  
                          FN+FA: Ali / rajin.  
                          FN+FS: Ali / ke pejabat

**Ayat aktif:**        Saya menemui orang itu.  
                          Aminah menemui orang itu.  
                          Kamu menemui orang itu.

**Ayat pasif:**        Orang itu saya temui.  
                          Orang itu ditemui oleh Aminah.  
                          Orang itu kamu temui.

## JENIS AYAT

### 1. Ayat perintah

- a. Suruhan:  
                          Mat, masuk ke dalam!  
                          Telan ubat ini!  
                          Jenguklah dia di hospital.
- b. Larangan:  
                          Jangan ambil harta itu!  
                          Awak tak usah pergi lagi!

- c. Silaan: Jemput masuk ke dalam.  
Sila beredar ke bilik seminar.  
Silalah beredar ke bilik sekarang.
- d. Permintaan: Minta tuan-tuan masuk ke dalam dewan.  
Tolong senyap!

## 2. Ayat Tanya

Ayat tanya dengan kata tanya

Contoh: **Siapa** anaknya?  
**Siapakah** anaknya?

Ayat tanya tanpa kata tanya

Contoh: Halim menangis?  
Menangiskah Halim?

## 3. Ayat Seruan

- a. Aduh, sakitnya kaki aku!
- b. Wah! besarnya rumah itu.
- c. Cis, rasalah tikaman ini!

**Contoh struktur ayat yang telah diperbetulkan**

- 1. Gadis itu berdiri sepuluh minit di tepi jalan  
**Gadis itu berdiri selama sepuluh minit di tepi jalan**
- 2. Dinding rumah pecah-pecah dan luntur catnya itu yang sudah dibaiki.  
**Dinding rumah yang pecah-pecah dan luntur catnya itu sudah dibaiki.**
- 3. Kehadiran pada Sabtu ini adalah wajib!  
**Kehadiran anda pada hari Sabtu ini adalah wajib.**

4. Amin, jangan main kat situ, ada taik lembu itu.  
**Amin, jangan bermain di situ kerana ada najis lembu.**
5. Hujan dah turun, paras air dah naik.  
**Hujah sudah turun menyebabkan paras air mulai naik.**

## PENGHUBUNG AYAT

Kesalahan pelajar dalam menyambung ayat menjadi ayat majmuk. Dalam isu ini, pelajar perlu mempunyai kemahiran dalam membezakan antara ayat tunggal dan ayat majmuk.

Ayat tunggal iaitu ayat yang mempunyai satu subjek dan predikat, serta tidak mempunyai kata hubung.

Contoh: Dia sangat cantik

Sementara ayat majmuk ada kalanya mempunyai dua subjek dan predikat atau lebih, dan mesti mempunyai **kata hubung** yang berfungsi sebagai penyambung ayat.

Contoh:            Dia membaca buku **sambil** minum kopi

Ayat Tunggal:    Dia membaca buku  
                      Dia minum kopi

Ayat Majmuk:    Dia membaca buku **sambil** minum kopi.

**Nota:** Ayat Majmuk: mempunyai bahagian yang banyak seperti ayat majmuk gabungan, majmuk pancangan dan majmuk campuran.

Kemahiran menggunakan kata hubung merupakan asas dalam penulisan rumusan karangan. Contoh kata hubung: **yang, dan, sambil, tetapi, bahawa, atau** dan sebagainya.

### Nota ringkas:

1. Ayat tunggal ialah ayat mempunyai subjek + predikat.
2. Ayat tunggal boleh digabungkan dengan kata hubung.
3. Kata hubung berfungsi mengabungkan dan mengaitkan subjek atau predikat dalam beberapa ayat.
4. Contoh kata hubung: dan, sambil, serta, atau, tetapi, lalu, bahawa, apabila, kerana, walaupun, supaya.
5. Ayat tunggal yang bergabung disebut ayat majmuk.
6. Ayat majmuk terbahagi: gabungan, pancangan dan campuran.

### Contoh Latihan

*Tulis semula ayat-ayat di bawah ini supaya menjadi tiga ayat sahaja tanpa mengubah maksud asalnya*

Negara bersih merujuk kepada alam persekitaran yang bebas daripada sebarang kekotoran. Alam persekitaran juga mesti bebas daripada sebarang bentuk pencemaran. Sampah sarap dan kekotoran berpunca daripada rakyat yang pengotor. Sampah sarap dan kekotoran ini amat menjijikkan. Sampah sarap ini juga mengeluarkan bau busuk. Perbuatan buruk ini memudaratkan negara. Perbuatan mereka mengundang penularan penyakit berbahaya. Penyakit berbahaya yang dimaksudkan ialah kolera dan denggi.

### Contoh Jawapan:

1. Negara bersih merujuk kepada alam persekitaran **yang** bebas daripada sebarang kekotoran dan pencemaran.
2. Sampah sarap **dan** kekotoran yang berpunca daripada rakyat yang pengotor bukan sahaja menjijikkan, **malah** mengeluarkan bau busuk.
3. Perbuatan buruk ini memudaratkan negara **kerana** perbuatan mereka mengundang penularan penyakit berbahaya seperti kolera dan denggi.

## LATIHAN BAB 2

### Latihan 1 EJAAN

1. Dalam ayat di bawah ada banyak kesalahan ejaan. Kenal pasti dan betulkan kesalahan tersebut.
  - a. Ruangtamu rumah kami kelihatan endah selepas ibu meletakan peti television di atas perabot yang baru di beli oleh ayah.
  - b. Harga talipon antic itu melambong apabila terbukti ganggangnya di perbuat daripada emas tulin.
  - c. Semua calun peperiksaan itu digalakkan datang awal ke dewan peperiksaan untuk mengelakan sebarang masalah pada saat terakhir.
  - d. Salah-faham antara gabenor wilayah itu dan general yang di lantik oleh kerajaan menyebabkan penduduk dinegara itu kacau bilau.
  - e. Dialog antara kedua-dua orang pemimpin itu terpaksa ditanggohkan kerana mereka gagal mencapai kata sepakat dalam isu tersebut.
2. Dalam petikan di bawah terdapat banyak kesalahan tanda baca dan ejaan. Gariskan dan betulkan kesalahan tersebut.

perdana menteri petang ini membentangkan dasar pembangunan baru (dpb) di dewan rakyat dengan harapan menjadikan malaysia se-buah negara maju yang lebih bersatu-padu, dinamik dan adil menjelang tahun 2020. dasar ini tegasnya akan melahirkan sebuah masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputra yang mampu meujudkan kekayaan dan menguruskan serta bersedia menghadapi risiko.

perdana menteri menegaskan, matlamat ini memerlukan penyertaan dan komitment semua kaum dan setiap rakyat kususnya kaum bumiputra yang terlalu bergantong pada kerajaan. Kali ini

katanya, bumiputra hendaklah mengobah sikap dan pemikiran, menanam sikap daya saing yang tinggi dan mengurak langkah untuk mencapai kualiti yang tinggi dalam apa juga yang dibuat oleh mereka. Kita hendaklah bersikap dainamik, berdaya cipta dan pragmatik dalam pendekatan kita. Kita mestilah bersedia, mengobah dan menyesuaikan diri.

3. Betulkan ejaan ayat-ayat di bawah.
  - a. Pakaian seragam itu sudah kelihatan lusoh kerana sudah lama terpakai.
  - b. Ali dimarahi isterinya kerana pulang ke rumah dalam keadaan mabok.
  - c. Mata Ahmad tidak berkedep melihat gadis yang cantik itu.
  - d. Peserta pertandingan ratu cantik itu menerima tepukan yang gemuroh daripada penuntun.
  - e. Juben rumah Ali terkupik-kupik apabila dipijak.

## Latihan 2 IMBUHAN

1. Cari perkataan yang *salah* penggunaan imbuhannya, kemudian betulkan kesalahan tersebut.

Namun demikian, ada antara mereka yang kurang dimampu untuk memilik rumah yang selesa. Terbanyak golongan ini ialah yang berpendapatan rendah. Golongan ini lazimnya tidak mampu untuk memiliki rumah sendiri yang berharga berpuluhan ribu ringgit. Oleh sebab desakan atau tekanan yang dihadapkan, sebahagian mereka terpaksa diteroka hutan-hutan kecil di tepi bandar untuk menjadikan tempat tinggal mereka. Bagi rumah-rumah yang didirikan ini, lazimnya tidak kedapatan kemudahan-kemudahan asas seperti dibekalkan air bersih dan elektrik. Tempat tinggal mereka hanya dikadarkan tempat untuk tidur.

2. Cari penggunaan kata dasar yang tidak tepat di bawah, kemudian tambahkan imbuhan yang bersesuaian.

Alam sekitar yang bersih jamin kehidupan yang selesa bagi semua penghuni kota maupun desa. Tanggungjawab membersihkan rumah, kawasan perumahan dan kawasan awam letak di bahu masyarakat. Kita tidak boleh tuding jari dengan tuduh orang lain yang tidak tanggungjawab sedangkan kita tidak pernah usaha untuk cermin diri sendiri. Sikap begini perlulah kikis oleh setiap individu. Kita harus sedar bahawa kebersihan tanah air yang cinta ini bertitik tolak daripada cara rakyat fikir. Jika kita asuh semenjak kecil tentang bersih, maka dengan sendirinya sikap tersebut sebatasi dengan jiwa kita.

3. Betulkan imbuhan pada perkataan yang bertanda dalam petikan di bawah.

Bukan semua orang mampu **berkuasa** teknik membuat gasing. Hal ini kerana seperti **banyaknya** permainan tradisional yang lain, permainan gasing juga lebih menyerupai sejenis **pewarisan** budaya suatu kelompok masyarakat yang khusus. Oleh itu, tidaklah **dihairankan** sekiranya **setengah** penduduk Pantai Timur Semenanjung Malaysia sahaja yang benar-benar mahir membuat gasing. Mereka telah **mewariskan** kemahiran ini sejak zaman berzaman lagi. Proses **hasilan** gasing adalah rumit. Pembuat gasing perlu mencari jenis kayu yang sesuai. Kayu yang tidak sesuai bukan sahaja akan **disebabkan** gasing mudah retak tetapi juga **terencat** putarannya.

4. Betulkan imbuhan untuk ayat-ayat di bawah.

- a. Fazilah tinggalkan tempat itu dengan mengesa-gesa apabila mengetahui ayahnya sedang mencarinya.
- b. Cita-cita Hisham termusnah apabila wang penyimpanannya dicuri orang.

- c. Pak Mahat terpaksa bekerjaan kebunya seorang diri setelah anak-anaknya behijrah ke bandar.
  - d. Kerajaan telah melebarkan jalan itu untuk menampung tambahan bilangan kenderaan.
  - e. Amri enggan percaya Hamdan yang pernah khianatinya suatu masa dahulu.
5. Perkataan di bawah ini mempunyai beberapa kata dasar tanpa imbuhan. Berikan imbuhan yang sesuai.

Sejak kebelakangan ini kes-kes **ceroboh** dan **langgar** keselamatan kian ketara di premis-premis kerajaan sehingga mengakibatkan **hilang** banyak harta benda kerajaan dan persendirian. Kejadian **umpama** ini didapati berlaku pada hari **lepas** am yang secara tidak langsung memberikan implikasi negatif terhadap imej dan **wibawa** kerajaan.

6. Bina ayat berdasarkan pasangan perkataan-perkataan di bawah.
- a. menghadap -  
terhadap -
  - b. menjelaskan -  
kejelasan -
  - c. memakan -  
pemakanan -

### Latihan

### 3

### PEMILIHAN KATA/FRASA

1. Gariskan istilah/kata yang tepat untuk penggunaan ayat di bawah.
- a. Kakaknya bekerja sebagai **peragawati** / **pramugari** di Syarikat Penerbangan Malaysia dan sering ke luar negara.
  - b. Pelbagai cabaran dan rintangan terpaksa saya **tempoh** / **tempuh** untuk mencapai kejayaan dalam pelajaran.

- c. Pelajar yang sedang merokok itu terkejut apabila **tertemu** / **terserempak** dengan guru disiplin.
- d. Perdana Menteri **memarahi** / **membidas** sesetengah pihak yang menentang segala usaha pembangunan kerajaan.
- e. Pemuda itu benar-benar **goyah** / **kekok** apabila menyedari dirinya dikelilingi para pembesar negara.
2. Betulkan istilah/kata bergaris yang tidak tepat untuk ayat-ayat di bawah.
- Setelah meneliti cara-cara yang ditetapkan di dalam surat perjanjian oleh peguam, akhirnya Ahmad bersetuju untuk menulis surat perjanjian tersebut.
  - Pada masa kini, bangunan-bangunan buruk di kawasan bandar yang sudah lapuk akan dibaik pulih bagi menarik kehadiran pelancong ke negara kita.
  - Ketidakadilan memang ujud di mana-mana selagi manusia tidak berpegang pada ikatan agama yang sebenarnya.
  - Oleh sebab kepakaranya itu, dia boleh membezakan dengan permata yang asli dan yang palsu
  - Di antara kesan pengotoran sungai ialah kehidupan akuatik semakin lupus.
3. Pilih penggunaan kata sendi yang tepat. Tandakan ✓ atau ✗ untuk frasa-frasa di bawah dalam penggunaan kata sendi nama.

Di hujung ayat		Kepada angin nan lalu
Pada hujung ayat		Kepada tahap maksimum
Di hatinya		Kepada 60 darjah
Di pagi itu		Dalam kotak
Ke lebuh raya		Dalam ingatan
Kepada masa lalu		Dalam bahasa
Kepada kekasihnya		Dalam kampung
Ke alam impian		Di dalam perigi
Kepada mahasiswa ini		Di dalam laci

4. Tandakan ✓ atau ✗ dalam ayat-ayat di bawah.
- Kami tidak bersepundapat dengan ia - \_\_\_\_\_
  - Mereka meragui ia - \_\_\_\_\_
  - Isteri ia sudah hilang - \_\_\_\_\_
  - Hadiah ini bagi suamiku - \_\_\_\_\_
  - Ia datang dari Terengganu - \_\_\_\_\_
  - Apakah nama tuan? - \_\_\_\_\_
5. Ayat-ayat di bawah mempunyai satu perkataan yang tertinggal. Sila tambahkan perkataan yang sesuai.
- Kumari enggan mengikut \_\_\_\_\_ ayahnya supaya melanjutkan pelajaran dalam bidang kejuruteraan.
  - Walaupun Pak Mat sakit \_\_\_\_\_ dia masih dapat menyara keluarganya dengan duit pencennya.
  - Mukanya menjadi pucat apabila \_\_\_\_\_ dengan ayahnya di hadapan panggung wayang itu.
  - Kata-katanya berjaya meyakinkan orang \_\_\_\_\_ bahawa barang yang dijualnya itu benar-benar tulen.
  - Setelah segala usahanya gagal, \_\_\_\_\_ lah Yusri ke pangkuan keluarganya.

### Latihan 4 STRUKTUR AYAT

1. Gariskan subjek dan predikat, kemudian nyatakan pola ayat.
- Persembahan itu sungguh membosankan. \_\_\_\_\_
  - Dia seorang peguam berjaya. \_\_\_\_\_
  - Burung bangau terbang tinggi. \_\_\_\_\_
  - Perlawaan bola sepak itu sungguh hebat. \_\_\_\_\_
  - Surat berdaftar itu diambil abang. \_\_\_\_\_
  - Penyanyi-penyanyi itu dari negara jiran. \_\_\_\_\_

2. Nyatakan jenis-jenis ayat di bawah.
- Mereka menyaksikan perlawanan bola sepak di stadium.  
\_\_\_\_\_
  - Buah duku itu masam? \_\_\_\_\_
  - Minta semua penumpang bertenang! \_\_\_\_\_
  - Tembak penyamun itu sampai mati! \_\_\_\_\_
  - Ali, basuh pakaianmu! \_\_\_\_\_
3. Susunkan ayat-ayat berikut menjadi ayat yang betul susunan tatabahasanya.
- Baju kurung itu supaya tidak berkedut gantungkan yang sudah digosok di dalam almari.
  - Sungguh cantik wah, di taman bunga ini bunga-bunga mawar dan orkid ditanam.
  - Majlis kerana akan perkahwinan Amy dan Rahim datang ke rumah, jemputlah kami mengadakan pada hari Sabtu ini.
  - Yang dilakukan oleh Encik Gopal apakah mengalami perniagaannya kerugian setelah ringgit berjuta-juta (?).
  - Pak Ali yang telah menolong itulah lelaki yang berseluar hitam di dalam sungai semasa dia terjatuh.
4. Tukarkan ayat berikut kepada ayat pasif atau ayat aktif
- Kuda itu meragut rumput di padang.
  - Majalah yang berselerak di atas meja itu dimasukkan oleh ibu ke dalam kotak.
  - Kak Imah terpaksa menyiapkan kerja-kerja rumah sebelum waktu Zohor.
  - Saya memanggil budak itu.
  - Buah jambu itu anda petik semalam.

**Latihan****5****PENGHUBUNG AYAT**

1. Gabungkan ayat-ayat di bawah menjadi ayat majmuk
  - a. Perompak itu telah ditangkap oleh pihak polis.  
Perompak itu menembak pengawal keselamatan.
  - b. Bapa membeli kereta.  
Kereta itu berwarna merah.
  - c. Presiden membuat pengumuman.  
Mesyuarat akan diadakan pada hari Jumaat.
  - d. Negara itu mengeluarkan hasil galian yang banyak.  
Rakyatnya masih miskin dan menderita.
2. Gabungkan ayat-ayat tunggal di bawah supaya menjadi dua ayat sahaja
  - (1)-Saya pergi memburu rusa. (2)-Pak Cik saya pergi memburu rusa juga. (3)-Kami memburu rusa di dalam hutan. (4)-Hutan itu berhampiran dengan kampung kami. (5)-Kami tidak bernasib baik. (6)-Tidak ada seekor rusa pun yang kami perolehi. (7)-Kami pulang dengan tidak membawa sebarang binatang buruan
3. Pisahkan ayat-ayat dalam petikan di bawah kepada 6 ayat tunggal dengan mengekalkan maksud dan struktur asalnya.
  - a. Buah-buahan tempatan bukan sahaja enak dimakan tetapi juga mempunyai kandungan vitamin C yang tinggi.
  - b. Oleh sebab itu, penanaman buah-buahan ini perlu dijalankan secara lebih meluas oleh para pengusaha kerana buah-buahan tempatan mempunyai potensi untuk dipasarkan ke luar negeri.
  - c. Apabila industri buah-buahan tempatan kian maju, sedikit sebanyak ekonomi negara akan meningkat dan taraf hidup rakyat bertambah sejahtera.

4. Isikan *kata hubung* yang sesuai untuk ayat-ayat di bawah.
  1. Gan Toi merajuk \_\_\_\_\_ ibunya tidak mahu membelikannya sebuah kereta.
  2. Jamilah terperanjat \_\_\_\_\_ Zura menyergahnya dari belakang.
  3. Ali mengerti penderitaan ibunya \_\_\_\_\_ dia masih kecil.
  4. Fira menasihati Junita \_\_\_\_\_ bersabar ketika menghadapi masalah hidup.
  5. Langsir \_\_\_\_\_ beropol-ropol itu dijahit oleh Mak Cik Minah.
  
5. Pisahkan ayat di bawah menjadi dua ayat tunggal.
  - a. Kumari mempunyai dua ekor arnab yang sangat jinak.
  - b. Pelajar itu mengaku bahawa dia yang mengambil buku itu.
  - c. Isma belajar dengan bersungguh-sungguh supaya dia lulus dengan cemerlang dalam peperiksaan.
  - d. Kalau saya berjaya dalam pertandingan itu, saya akan belanja kamu semua makan.
  - e. Ali pergi ke pejabat dengan kereta tetapi Asdi pergi ke pejabat dengan motosikal.





## KOMUNIKASI LISAN

### OBJEKTIF:

- Membezakan bentuk-bentuk pengucapan.
- Menyediakan bahan-bahan daripada beberapa sumber seperti pengetahuan dan pengalaman sendiri.
- Mengolah semula bahan-bahan yang dikumpul dalam bentuk ucapan lisan yang dapat menarik perhatian khalayak.
- Menyampaikan ucapan-ucapan yang berbeza mengikut jenis khalayak dan tajuk dengan berkesan.

### PENGENALAN

Sebelum wujudnya tulisan masyarakat manusia menggunakan komunikasi lisan sebagai alat penting untuk merakam dan berinteraksi dengan ahli masyarakat. Karya-karya masyarakat dihafal dan diturunkan dari generasi ke satu generasi. Selepas manusia berperadaban dan mencipta tulisan karya bertulis pula menggantikannya, namun bahasa lisan masih memainkan peranan yang penting kerana bahasa lisan dapat menyampaikan sesuatu maksud dengan lebih berkesan daripada dalam bentuk tulisan.

Kepentingan bahasa lisan dapat dilihat dalam sesuatu perbicaraan di mahkamah, di mana bahasa bentuk lisan digunakan untuk meyakinkan para juri dan hakim. Untuk memberi kesan yang mendalam peguam perlu menggunakan kaedah pidato atau perbahasan dengan petikan-petikan perbendaharaan kata, peribahasa dan penggunaan analogi yang dapat menarik perhatian dan memberi kesan yang mendalam kepada para pendengar .

## Bentuk-bentuk Pengucapan

Pengucapan-pengucapan lisan dapat kita jeniskan kepada beberapa ketgori. Antara ketegori –ketegori tersebut ialah

- a. Ucapan
- b. Syaran
- c. Temu ramah
- d. Pengacaraan majlis
- e. Taklimat
- f. Pidato
- g. Forum
- h. Bahas
- i. Pengendalian mesyuarat
- j. Ulasan komentar

Ucapan komunikasi lisan yang dinyatakan di atas mempunyai ciri-ciri persamaan yang dikongsi bersama. Dengan mengetahui ciri-ciri tersebut anda telah bersedia untuk mengambil bahagian dalam kesemua jenis komunikasi disebutkan tadi. Perbezaan yang terdapat antara jenis-jenis ucapan lisan itu akan dibincangkan setelah mengetahui ciri-ciri yang dikongsi olehnya.

## Ciri-ciri Persamaan Komunikasi Lisan

Apabila anda mahu berkomunikasi secara lisan dengan berkesan anda perlu melakukan perkara-perkara yang berikut:

- i. Persiapan rapi
  - Mempunyai pengetahuan yang cukup dalam skop ucapan yang anda akan sampaikan.
  - Mempunyai kecekapan berbahasa dalam bahasa yang digunakan dalam komunikasi itu.
  - Mempunyai sikap suka bertanya, suka mendengar, mempunyai kemahiran menganalisis dan berfikiran kritis.
- ii. Mencungkil maklumat
  - Memiliki perbendaharaan maklumat yang cukup untuk mematahkan pendapat lawan.
  - Menggiatkan proses pembelajaran dan pembacaan sepanjang hayat.
  - Internet juga boleh dijadikan sebagai sumber maklumat.
- iii. Mengetahui jenis ucapan yang hendak disampaikan
  - Memahami dengan baik jenis-jenis ucapan samada perbahasan atau pidato.
  - Memerlukan kepakaran penyampaian.
  - Penggunaan retrorik, peribahasa dan analogi bersesuaian.
- iv. Memancing pendengar
  - Mulakan dengan ungkapan atau kata-kata yang menarik perasaan audien.
  - Menyelidiki audien terlebih dahulu.
  - Menggunakan anekdot positif.
  - Menjalin hubungan baik dengan khalayak.
- v. Mengadun maklumat
  - Perlu mengadun maklumat, data dan statistik dari pelbagai sumber.
  - Adunan maklumat hendaklah sesuai dengan taraf khalayak.
- vi. Memfokus kepada tema
  - Pastikan tema ucapan sampai dan memberi kesan.
  - Gunakan maklumat-maklumat yang ada untuk menjamkan tema (fokus ucapan).

vii. Mendapatkan apresiasi dengan tepukan gemuruh

- Untuk mendapatkan apresiasi audien anda perlukan statistik, anekdot, contoh dan humor.
- Anekdot dan humor hendaklah relevan dan tidak keterlaluan.
- Elakkan daripada menggunakan ‘lawak-lawak bodoh’.

viii. Statistik dan Anekdot

- Gunakan statistik untuk menguatkan lagi hujah anda.
- Data yang digunakan hendaklah disertakan sumber.
- Menggunakan anekdot iaitu cerita atau peristiwa sebenar

<b>Anekdot 1</b> Situasi : Menggambarkan keadaan penagih dadah	“Dengan bilangan yang melebihi suku juta penagih dadah yang mana daripada jumlah itu 90% daripadanya adalah lelaki, tidak hairanlah mengapa sangat sukar sekali bagi saya mendapatkan calon suami!”
<b>Anekdot 2</b> Situasi: Menggambarkan masyarakat Malaysia minda kelas ketiga	“Pada suatu hari saya sedang memandu di lebuh raya, tiba-tiba saya terdengar bunyi sesuatu benda yang memukul cermin kereta saya. Alamak! Habislah cermin kereta saya yang baru saya beli! Saya meneliti jika sekiranya ada cermin yang pecah. Nasib saya baik tiada yang pecah. Saya memandang ke hadapan. Saya terlihat ada benda-benda keluar dari tingkap kereta BMW di hadapan saya itu. Rupa-rupanya ada orang yang mencampakkan kulit dan biji rambutan daripada tingkap kereta mewah itu!..

## 1. UCAPAN

**Ucapan** pengucapan umum yang bermaksud untuk menyampaikan maklumat kepada sejumlah orang ramai; penglahiran idea-idea secara lisan dan diujarkan secara berpidato sehalia di hadapan audien.

Ucapan biasanya disampaikan dalam upacara tertentu seperti majlis rasmi, sambutan istimewa, perayaan umum, majlis perpisahan dan sebagainya.

Ucapan yang baik memerlukan kemahiran dalam aspek-aspek pertuturan dan ekspresi yang berkesan. Ucapan perlu menarik perhatian audien supaya mereka menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap perkara yang diucapkan.

### Ciri Pengucapan Umum

- i. Berlaku di tempat umum.
- ii. Melibatkan sasaran ramai.
- iii. Interaksi antara sumber dengan penerima maklumat adalah rendah.

### Pengucapan Umum Yang Berkesan

- i. Bersedia untuk menyesuaikan diri dengan khalayak.
- ii. Memberi perhatian kepada maklum balas khalayak.
- iii. Sentiasa berwaspada terhadap paras atau aras kefahaman khalayak tentang sesuatu tajuk /tema.
- iv. Berucap dengan menggunakan paras sikap yang sama dengan khalayak.

## Aspek Penting Melibatkan Ucapan

### Taraf Hadirin

Tingkatan kedudukan, martabat atau darjat seseorang yang hadir dalam majlis. Perkara ini perlu diketahui untuk penyediaan teks supaya protokol atau salutasi disusun berdasarkan kehadiran tetamu. Ini akan mempengaruhi kesantunan bahasa yang digunakan. Terdapat 2 jenis taraf hadirin:

- a. Satu taraf hadirin

Tetamu terdiri daripada pemimpin yang berperingkat menteri, orang-orang kenamaan, pegawai-pegawai tinggi kerajaan / swasta, ketua jabatan dan sebagainya.

Contoh:

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.....

Yang Amat Berhormat Menteri Besar/ Ketua Menteri.....

Yang Berhormat Menteri Kabinet.....

Yang Berusaha Pegawai-Pegawai Tinggi Kerajaan .....

Yang Berusaha Ketua-ketua Jabatan .....

dan para hadirin .....

b. Dua Taraf Hadirin

Terdiri 2 peringkat iaitu yang pertama: Raja-raja yang memerintah atau Raja Muda/Tengku Mahkota, dan kedua: pemimpin-pemimpin peringkat menteri atau orang-orang kenamaan.

Contoh:

Duli Yang Maha Mulia Sultan ....., Duli Yang Maha Mulia Tengku.....

Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.....

Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri....

Yang Berbahagia Tan Sri-Tan Sri dan Dato'-Dato' .....

Dif-Dif kehormat...

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

### Binaan Teks Ucapan Satu Taraf Hadirin

Contoh:

a. Tajuk

b. Kata Hormat /salutasi mengikut protokol, iaitu peringkat kedudukan tetamu.

c. Isi Kandungan: sesuai dengan tajuk, audien, masa dan mesej.

Contoh:

Pendahuluan:

- ucapan syukur
- ucapan penghargaan kepada penganjur

Isi:

- menyentuh hal-hal berkenaan majlis
- menyentuh isu-isu semasa berkenaan majlis
- menjelaskan isi

Penutup:

- ucapan perhargaan kepada pihak yang terlibat
- harapan
- lafaz perasmian
- terima kasih

Aspek kebahasaan hendaklah menggunakan bahasa yang sesuai dengan taraf audien dan mesej. Pemilihan kata, peristilahan laras bahasa, gaya bahasa formal atau serius dan tegas hendaklah digunakan

### Binaan Teks Ucapan Dua Taraf Hadirin

Contoh:

- a. Tajuk
- b. Kata hormat /salutasi
- c. Isi Kandungan

Contoh:

Pendahuluan:

- ucapan menjunjung kasih ke bawah Duli Tuanku dan puji-pujian kerana sudi berangkat hadir
- memohon keizinan untuk menyampaikan ucapan
- ucapan syukur

Isi:

- menyentuh hal berkaitan dengan majlis
- menyentuh hal isu-isu semasa berkaitan

Penutup:

- ucapan penghargaan kepada semua
- harapan kepada hadirin
- ucapan menjunjung kasih
- terima kasih

Aspek kebahasaan hendaklah menggunakan bahasa yang sesuai dengan taraf audien dan mesej. Pemilihan kata, peristilahan laras bahasa, gaya bahasa formal atau serius dan tegas hendaklah digunakan.

### Kaedah sapaan dan panggilan

Berdasarkan rumus berikut:

**Rujukan Kehormat + gelaran + nama**

Contoh:

Yang Teramat Mulia Tengku .....

Yang Amat Berbahagia Tun .....

Yang Berbahagia Tan Sri .....

Yang Amat Berhormat Datuk ....

Yang Berhormat Datuk ....

Yang Berbahagia Profesor Tan Sri Datuk Dr. Haji .....

Yang Berbahagia Tan Sri Megat .....

Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Dr.....

## 2. PIDATO/SYARAHAN

Syarahan ialah pengucapan yang disampaikan secara individu kepada khalayak ramai untuk menghuraikan dan menjelaskan sesuatu tajuk dan merupakan aktiviti sehala.

### Tujuan:

- Memberi penerangan tentang sesuatu tajuk dan menjelaskan aspek penting tentang tajuk tersebut.
- Memberitahu audien tentang sesuatu perkara baru seperti peristiwa atau hal-ehwal semasa yang menarik.
- Memberi keyakinan kepada pendengar tentang pendirian pengucap terhadap sesuatu perkara.
- Mempengaruhi audien supaya memberi perhatian yang serius terhadap sesuatu isu yang penting.

### Perbandingan Antara Syarahan/Pidato - Perbahasan

- Bahas bermatlamatkan kebenaran yang terhasil - syarahan/pidato matlamat penyerahan, terserah kepada audien menerima pendapat.
- Bahas menggunakan bahasa yang jitu dan ketegasan - syarahan/pidato kehalusan bahasa.
- Bahas meningkatkan perincian (fakta dan bukti) - syarahan/pidato mementingkan penjelasan.
- Bahas bertujuan untuk mempengaruhi atau mengubah pendirian - syarahan/pidato bertindak melakukan sesuatu.
- Bahas menggunakan logik- syarahan/pidato menggunakan emosi.

## Binaan Teks Syarahan/Pidato

Terdapat bahagian seperti berikut:

- a. Pembuka kata - Penghargaan kepada hadirin pihak terlibat.
- b. Menarik peminat dan membina keyakinan pendengar - Merupakan permulaan isi syarahan. Takrif tajuk perlu diberikan.
- c. Isi atau amanat - Merupakan bahagian terpenting.
- d. Penutup isi/amanat - Kesimpulan yang dibuat berdasarkan isi yang terdapat dalam syarahan.
- e. Penutup syarahan - Perlu merakam penghargaan kepada pihak pengajur. Melafazkan ribuan maaf serta menyampaikan harapan agar syarahan memberi manfaat.

## Kemahiran Memulakan Syarahan/Pidato

1. Peringkat Persediaan
  - a. Mengetahui tajuk: Menerangkan, menyampaikan, memberi inspirasi, memujuk.
  - b. Menganalisa audien dalam aspek: Apakah jenis dan tujuan majlis? Siapakah bakal pendengar atau audien majlis?. Berapa ramaikah audien? Apakah minat mereka? Umur dan jantina audien?
  - c. Kumpul maklumat mengikut tujuan dan jenis audien.
  - d. Menyusun maklumat.
  - e. Menganggarkan jangka masa yang diperlukan.
  - f. Meneliti tempat berpidato.
2. Peringkat permulaan ucapan.
  - a. Menyampaikan salam mengikut kesesuaian majlis.
  - b. Menyampaikan kata alu-aluan berprotokol.
  - c. Menarik minat dan membina keyakinan audien: Contoh data, laras provokatif, persoalan.
  - d. Menyatakan tajuk dan memperkenalkan tajuk keseluruhan atau idea utama.

## Kemahiran Melahirkan Pendapat

- a. Pemilihan kata
- b. Pemilihan ayat
- c. Penyusunan ayat

- d. Penyusunan fakta
- e. Kesepadan
- f. Koheren
- g. Pertautan
- h. Ringkas dan tepat

### **Penyampaian Yang Menarik**

- a. Kelancaran
- b. Nada dan intonasi
- c. Kecekapan berbahasa
- d. Gaya penyampaian

### **Kemahiran Menutup Ucapan**

- a. Membuat rumusan dan menegaskan pendirian terhadap tajuk.
- b. Menggunakan nada suara yang lantang serta menyakinkan.
- c. Menggunakan unsur-unsur keindahan bahasa.
- d. Meninggalkan satu soalan rangsangan.
- e. Menyatakan harapan.
- f. Mengamalkan adab: Menyatakan terima kasih
- g. Memohon maaf kepada hadirin

## **3. PENGACARAAN MAJLIS**

Perkara berkaitan dengan pengacaraan majlis:

- a. Atur cara Majlis
- b. Juruacara
- c. Atur cara Pentadbiran
- d. Raptai

## **4. TAKLIMAT**

Persediaan yang perlu dalam membuat taklimat:

- a. Pertimbangan khalayak/hadirin
- b. Pertimbangan suasana
- c. Taraf khalayak

## Format Taklimat

Penyediaan format taklimat mengikut taraf khalayak yang akan hadir.

1. Taklimat satu taraf khalayak.
  - a. Tajuk
  - b. Salam (sapaan atau salutasi berprotokol)
  - c. Kata alu-aluan
  - d. Pengenalan diri /organisasi/ jawatan dan sedikit ringkasan taklimat
  - e. Kandungan taklimat
  - f. Penutup
  - g. Sesi soal jawab
2. Taklimat dua taraf khalayak
  - a. Tajuk
  - b. Salam (salutasi berprotokol)
  - c. Puji-pujian
  - d. Ringkasan sembah taklimat
  - e. Kandungan
  - f. Sesi soal jawab

## Cara menyampaikan taklimat:

1. Taklimat yang berkesan dapat disampaikan jika perucap memiliki beberapa kemahiran seperti:
  - a. Kemahiran mentakrif
  - b. Kemahiran menjelaskan
  - d. Kemahiran menunjukkan
  - e. Kemahiran membezakan
  - f. Kemahiran menceritakan
  - g. Kemahiran melaporkan
2. Perucap perlu menyediakan bahan atau alat untuk menarik dan mengawal minat khalayak.
  - a. Maklumat edaran bertulis
  - b. Projektor overhed
  - c. Carta dan gambar rajah
  - d. Filem slaid
  - e. Pita video
3. Nada dan intonasi perucap hendaklah baik dan bervariasi.

## 5. ULASAN DAN KOMENTAR

**Ulasan dan komentar** ialah huraian berkenaan sesuatu, kupasan dan tafsiran.

Ulasan juga merupakan suatu kupasan atau kritikan oleh pihak-pihak yang tertentu terhadap sebarang benda atau peristiwa dengan tujuan untuk mendedahkan kepada audien, gambaran yang sebenar tentang isinya atau apa yang sepatutnya diperjelaskan.

### Kemahiran Memberi Ulasan

Pengulas perlu mempunyai beberapa kemahiran iaitu:

- a. Mempunyai kepakaran dalam sesuatu yang diulas.
- b. Mendapat gambaran jelas tentang perkara yang hendak diulas.
- c. Menentukan perkara yang hendak diulas.
- d. Kecekapan berbahasa.
- e. Menggunakan laras yang sesuai.
- f. Menguasai perbendaharaan dan istilah-istilah yang sesuai.
- g. Mempelbagaikan nada dan intonasi.

### Jenis-jenis Ulasan

Terdapat beberapa jenis ulasan iaitu:

#### i. Ulasan selari

Iaitu huraian atau komentar yang dibuat ketika berlaku sesuatu kejadian seperti pertandingan, permainan dan peristiwa yang sedang berlangsung.

Contoh:

#### **Pertandingan Bola Sepak – Ulasan oleh Hasbullah Awang**

*Kepada para penonton yang baru sahaja mengikuti pertandingan ini, diumumkan bahawa keputusan masih lagi 0-0, iaitu Kedah 0 dan Singapura 0. Pada masa sekarang, bola terus berlejar di kawasan tengah padang dan Lee Kin Hong dapat mengawal bola... tolak terus kepada...*

## ii. Ulasan Buku

Kupasan terhadap sesebuah buku oleh pengkritik buku.

Contoh: (AB Rahman AB Rashid. 2002: 285)

## iii. Ulasan hakim

Ialah komentar atau kupasan dan tafsiran terhadap pencapaian peserta-peserta dalam sesuatu pertandingan. Ulasan jenis ini selalunya dihebahkan kepada audien selepas berakhirnya sesuatu pertandingan.

## iv. Ulasan Ucapan

Ialah merupakan komentar atau kupasan dan tafsiran terhadap ucapan yang telah disampaikan sebelumnya. Ulasan ini sering dilakukan oleh pengurus atau pengatuaacara majlis setelah selesai pengucapan oleh seseorang atau pihak tertentu.

Contoh:

*Para hadirin sekalian,*

*Demikianlah ucapan perasmian Galeri Buku Melaka yang telah disampaikan oleh Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Dato' Haji Jumaat Haji Ali. Dalam ucapan beliau, Dato Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka telah menyarankan supaya galeri tersebut dapat membantu dan menyalurkan maklumat kepada seluruh penduduk negeri Melaka...*

# 6. BAHAS

Bahas ialah aktiviti perdebatan antara dua pihak yang bertentangan pendapat tentang sesuatu isu. Merupakan satu pengucapan berbentuk kumpulan iaitu setiap kumpulan terdiri daripada sekurang-kurangnya 3 orang pembahas. Pembahas akan dibahagikan kepada pencadang dan pembangkang.

**Pencadang:** berhujah untuk menyokong tajuk yang diberikan.

**Pembangkang:** berhujah untuk menolak dan membidas tajuk yang diberikan.

Karangan berbentuk perbahasan atau debat, daripada segi persempahan, sama sahaja dengan karangan bentuk lain, iaitu terdiri daripada perenggan pengenalan, beberapa perenggan isi dan perenggan penutup. Namun begitu, daripada segi pengolahan, dalam karangan berbentuk perbahasan, penulis perlu menyatakan di peringkat perenggan pengenalan lagi sama ada bersikap ‘menyokong’ atau bersikap ‘membangkang’.

### Tatacara Berbahasa

- a. Pengurus majlis – bertanggungjawab mengawal majlis supaya berjalan dengan baik.
- b. Penjaga masa – akan membantu pengurus perbahasan, memberi peluang untuk pencadang dan pembangkang memberikan hujah dan pendapat. Masa yang diberikan untuk membidas 7 minit.
- c. Pencadang 1 – memulakan sesi perbahasan – mendefinisikan tajuk, pendirian dan hujah menyokong.
- d. Pembangkang 1- mendefinisikan tajuk – menyatakan pendirian (bangkang) –hujah membangkang.
- e. Pencadang 2 – membidas pembangkang 1.
- f. Pembangkang 2 – membidas pencadang 1.
- g. Pencadang 3 - membidas pembangkang 2.
- h. Pembangkang 3 – membidas pencadang 2.
- i. Pembangkang 1 – membidas pencadang 3 dan memulakan penggulungan.
- j. Pencadang 1 – membidas pembangkang 3 dan memulakan penggulungan.

Contoh:

Contoh pola penyusunan idea menyatakan kes dan membuktikan dalam perbahasan.

**Tajuk: Sistem Persekolahan Satu Sesi Wajar Dilaksanakan**

**Pasukan: Pencadang**

#### **Pencadang 1:**

##### **a. Pendahuluan**

- i. Menyatakan tajuk dan definisi tajuk perbahasan.
- ii. Menegaskan pendirian dan menyokong sistem persekolahan satu sesi wajar dilaksanakan.

- iii. Menyatakan isi penting yang akan dikemukakan oleh kumpulan pencadang.
- b. Isi**
- i. Memberikan hujah–hujah yang menyokong tajuk serta bukti-buktii dan data yang menyokong.
  - ii. Membolehkan pelajar mempunyai masa yang lebih panjang dengan guru dan rakan.
  - iii. Membolehkan satu bentuk jadual yang fleksibel.
  - iv. Membolehkan tumpuan yang lebih kepada mata pelajaran.

### Pencadang 2:

Menyambung hujah Pencadang 1 dan menegaskan pendirian untuk menyokong tajuk perbahasan. Hujah-hujah yang diberikan:

- i. Mengukuhkan suasana sekolah penyayang.
- ii. Membolehkan pelajar membuat latihan amali dan tugas di sekolah.
- iii. Memperuntukkan lebih banyak masa untuk aktiviti kreatif yang boleh disertai oleh pelajar.

### Pencadang 3:

Menyambung hujah Pencadang 2 dan membuat penegasan pendirian bahasa sistem persekolahan satu sesi:

- i. Menguntungkan penggunaan masa, misalnya pelajar tidak perlu berulang-alik ke sekolah untuk menyertai aktiviti kokurikulum.
- ii. Menentukan keselamatan pelajar lebih terkawal.
- iii. Memudahkan penyiaran rancangan radio dan televisyen pendidikan.

### Penutup:

Penggulung: (Pencadang 1)

- i. Merumuskan isi/hujah pencadang 1, 2, 3.
- ii. Membuat penegasan terakhir tentang tajuk perbahasan.





## PENULISAN

### PENGENALAN

Penulisan teks merupakan satu proses merakamkan atau menghasilkan sesuatu pendapat, buah fikiran, idea, pengalaman, perasaan atau maklumat dalam bentuk tulisan atau grafik untuk berhubung dengan orang lain atau dengan diri sendiri.

Nik Safiah Karim menjelaskan bahawa kemahiran penulisan sebagai satu keupayaan menurunkan perasaan dalam bentuk penulisan seperti pengumuman, berita, penerangan, laporan, ucapan, minit mesyuarat dan penghujahan sesuatu persoalan.

### Perancangan Penulisan Karangan

- Pemilihan tajuk
- Kaedah mencari bahan

**Pendahuluan** - Penulisan perenggan pendahuluan

**Isi** - Penulisan rangka isi karangan  
- Pemerenggan isi - deduktif atau induktif  
- Huraian isi

**Penutup** - Penyemakan karangan

## Ciri-ciri Penulisan Teks

Sesuatu teks penulisan biasanya lahir daripada perasaan dan pemikiran yang tersimpul dan tersirat dalam minda atau otak penulis. Namun begitu penulisan yang baik dan berkesan harus mempunyai ciri-ciri seperti yang berikut:

- a. **Fakta:** Isi yang dipilih hendaklah dihuraikan dalam bentuk pemerangan. Satu isi hendaklah dihuraikan dalam satu perenggan untuk memudahkan pembaca untuk mengesan isi-isi penting.
- b. **Gaya dan Laras:** Gaya yang sesuai adalah penting dalam penulisan untuk menarik minat pembaca. Pelbagai gaya seperti gaya retorik, simile, metafora, personifikasi juga boleh digunakan.
- c. **Pengolahan:** Antara perenggan dengan perenggan pula perlu ada unsur pertautan untuk memperlihatkan kesinambungan isi yang dihuraikan mengikut urutan, iaitu dimulakan dengan isi utama dengan isi utama dan ikuti isi kedua dan seterusnya.
- d. **Bahasa:** Pemilihan perkataan perlu dilakukan dengan tepat dan jelas supaya maknanya tidak menimbulkan konotasi terhadap pembaca. Perkataan yang sukar dan kabur hendaklah dielakkan.
- e. **Rangka atau struktur yang mantap:** Persediaan rangka karangan hendaklah dirancang terlebih dahulu. Komponen-komponen penting dalam struktur karangan merangkumi:
  - i. Pendahuluan
  - ii. Isi-isi karangan
  - iii. Penutup

Pendahuluan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hendaklah dipersembahkan dengan gaya yang menarik.</li> <li>• Untuk merangsang minat dan tumpuan pembaca.</li> <li>• Mesti mengandungi maklumat berkaitan tajuk.</li> <li>• Hendaklah pendek ringkas dan padat.</li> </ul> <p><b>Perkara yang perlu:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Latar belakang isu yang berkaitan dengan tajuk.</li> <li>• Definisi tajuk.</li> <li>• Isu semasa yang berkaitan dengan tajuk.</li> <li>• Penilaian penulis tentang isu yang berkaitan.</li> <li>• Memetik pendapat pakar atau tokoh.</li> </ul>
Isi-isi Karangan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perlu memperkembangkan dan membicarakan judul penulisan secara mendalam.</li> <li>• Perlu mengutarkan segala fakta, pandangan, ulasan, pendapat, contoh dan hujah.</li> <li>• Ditulis berdasarkan dalam bentuk perenggan dan mengikut urutan.</li> <li>• Panjang sesutau perenggan mengikut kesesuaian dan bergantung pada isi sampingan.</li> </ul> <p><b>Perkara yang perlu:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menghuraikan isi utama</li> <li>• Mengemukakan bukti</li> <li>• Mengemukakan contoh</li> <li>• Memberikan data</li> <li>• Memberikan sebab dan alasan</li> <li>• Mengemukakan pendapat</li> </ul>
Penutup -	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Iaitu bahagian terakhir karangan dan bahagian ini akan membuat kesimpulan atau rumusan pandangan penulis.</li> </ul> <p><b>Perkara yang perlu:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menggulung segala isi atau pendapat penulis dalam karangan tanpa menambah isi baru.</li> <li>• Menegaskan lagi pendirian penulis.</li> <li>• Meninggalkan persoalan kepada pembaca tentang perbincangan atau perbahasan.</li> <li>• Memberi ramalan kemungkinan yang berlaku.</li> </ul>

## SURAT

Surat-menyurat merupakan salah satu saluran penting yang digunakan dalam membuat perhubungan. Sesuatu perhubungan dibuat dengan sebab dan tujuan tertentu. Bagi mencapai tujuan yang diharapkan, kita perlulah mempunyai persediaan yang lengkap, susunan yang kemas, bahasa yang baik dan menarik, kandungan surat yang ringkas, tepat lagi jitu serta mengarah kepada perkara yang kita kehendaki.

### 1. Contoh Surat – sesuai untuk pelajar IPT dan urusan dengan jabatan kerajaan

Bahagian Perjawatan dan Perkhidmatan,  
Kementerian Pendidikan Malaysia,  
Paras 5 Blok J,  
Pusat Bandar Damansara,  
56700 Kuala Lumpur.

Telefon:  
Kawat:

---

Encik Kasim bin Selamat,  
35600 Tanjung Malaim,  
PERAK DARUL RIDZUAN

Ruj. Kami:  
Tarikh:

Tuan,

#### Pemberitahuan Pertukaran Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Kategori D1

Saya diarahkan memaklumkan bahawa:

Encik Kasim bin Selamat, Sekolah Menengah Khir Johari, Tanjung Malim, Perak, Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Kategori DG 3 Tingkatan Mawar ditukarkan sebagai Pensyarah (Bahasa Melayu), Institut Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak mulai 1 Disember 2006

2. Ketua Jabatan dikehendaki melaksanakan pertukaran ini dan mengemukakan satu salinan Penyata Perubahan ke Kementerian ini untuk rekod.

3. Ketua Jabatan juga diminta mengemukakan Sijil Gaji Akhir dan Buku Perkhidmatan pegawai berkenan kepada Ketua Jabatan yang baru.

Sekian. Terima kasih.

‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’

Saya yang menurut perintah,

t.t

---

(AZIZAH BINTI ABD RASHID)  
Bahagian Perjawatan dan Perkhidmatan,  
b.p Ketua Setiausaha,  
Kementerian Pendidikan Malaysia.

## 2. Contoh surat - Aduan barang rosak

Tuan,

### Aduan Tentang Barang Yang Rosak

Hari ini saya menerima satu bungkusan ( Slip Jualan No. 2445) yang mengandungi satu set beg kulit yang telah saya pesan menerusi iklan anda dalam akhbar The Star

Setelah bungkusan itu dibuka saya dapati salah satu daripada beg tersebut telah rosak. Saya harap pihak tuan dapat menggantikan beg yang rosak itu. Jika beg yang serupa itu tidak kedapatan, saya ingin mengantikan dengan set beg kulit itu dengan set yang lain. Segala perbelanjaan hendaklah dicajkan ke dalam akaun saya.

Yang benar,

---

## LATIHAN BAB 5

### Latihan 1

- a. Anda merupakan ahli Persatuan Belia Jasin ingin meletakkan jawatan atas sebab berpindah ke Alor Star. Tuliskan surat tersebut.
- b. Sahabat baik anda telah kematian suami akibat kemalangan jalan raya, jadi tuliskan surat takziah kepada sahabat anda.
- c. Anda merupakan ahli Kelab Sivik Petaling Jaya, ingin mencadangkan Puan Aminah sebagai ahli jawatankuasa kelab anda. Tuliskan surat cadangan kepada pengurus kelab anda.

### Latihan 2

#### Contoh Surat 1

*Soalan: Isikan tempat kosong dengan kata atau frasa yang sesuai. Betulkan imbuhan dan ejaan pada perkataan yang bertanda hitam*

Kampung Padang Temusu,  
Sungai Pasir,  
67 Sungai Petani,  
Kedah Darul Iman.

---

Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Sungai Petani,  
Sungai Petani,  
Kedah Darul Iman.

5 OGOS 1994.

Tuan,

### Aduan Masalah Kekotoran Kampung

Saya salah seorang penghuni kampung yang tersebut di atas. Saya sangat \_\_\_\_\_ menyatakan kepada Tuan bahawa Majlis Perbandaran Sungai Petani \_\_\_\_\_ di kampung ini. Parit-parit **penuh dengan** sampah-sarap dan pasir, sementara di tepi parit pula ditumbuhi rumput. Rumput-rumput ini \_\_\_\_\_ hingga ke dalam parit.

2. Masalah tersebut menyebabkan **alir** air di dalam parit **terganggu**. Air yang berwarna hitam bertakung dalam parit. Baunya yang busuk itu masuk sehingga ke rumah penduduk kampung. **Bebaru** ini beberapa orang penduduk di kawasan ini disyaki **terkena** penyakit demam malaria.

3. Saya dapati sesetengah penduduk di sini tidak mempunyai tong sampah. Mereka membuang sampah di \_\_\_\_\_ jalan atau lorong. Jadi lorong-lorong itu dipenuhi kertas, plastik, kulit buah-buahan, sisa makanan dan sebagainya. Keadaan ini **tambah** buruk lagi apabila sampah dicakar oleh ayam dan kucing. \_\_\_\_\_ menyebabkan lalat mudah **berkembang**. Di sini terlalu banyak lalat. sehingga makanan tidak boleh langsung terdedah.

4. Saya memang sedar bahawa penduduk di sini mestilah bekerjasama dengan \_\_\_\_\_ untuk menjaga kebersihan tempat tinggal. Kesedaran \_\_\_\_\_ perlunya menjaga kebersihan diberitahu melalui kempen-kempen yang telah **dijalani** oleh pihak Majlis Perbandaran. Nampaknya cara **psikologi** kurang berkesan. \_\_\_\_\_ saya mencadangkan agar pihak tuan bertindak lebih tegas, iaitu **memukul** penduduk yang tidak menggunakan tong sampah \_\_\_\_\_ membuang sampah **rata-rata** tempat. **Lain dari** itu pihak Majlis Perbandaran dengan kerjasama Persatuan Penduduk Kampung Padang Temusu boleh mengadakan pertandingan kebersihan di **dalam** penduduk.

5. Begitu juga dengan sesetengah pekerja Majlis Perbandaran yang tidak \_\_\_\_\_ baik. Akibat **kurangan** tenaga kerja, ini menyebabkan yang rumput panjang tidak dipotong dan sampah tidak dikutip. Saya **cadang** supaya pegawai-pegawai daripada Majlis Perbandaran selalu membuat \_\_\_\_\_ untuk memastikan semua tugas yang **tanggungjawab** telah dijalankan dengan baik dan berkesan

Sekian sahaja di maklumkan

Terima kasih

Yang benar.

---

## Contoh Surat 2

### *Aktiviti:*

1. *Surat rasmi di bawah merupakan surat aduan, bagaimanapun pendahuluan surat tidak dinyatakan*
2. *Terdapat kesalahan tatabahasa (berhuruf condong) dan imbuhan (berhuruf hitam).*
3. *Surat rasmi ini juga tidak disusun dengan format pemerengganan yang betul.*
4. *Tugas anda, tambah dan betulkan surat tersebut sehingga lengkap sebagaimana surat aduan rasmi.*

Tuan,

### **Aduan Tentang Mutu Barang**

*Aduan-aduan diterimakan hanya melibatkan pen-pen yang daripada kumpulan yang disebutkan. Pen-pen yang dibekalkan terdahulu semuanya memuaskan.*

*Baru baru ini kami telah terima beberapa-beberapa aduan dari para pelanggan-pelanggan tentang pen dakwat tuan. Pen-pen keluaran*

tuan itu *tidak memuaskan kepada pelanggan* dan kadangkala kami terpaksa **dipulangkan** wang mereka.

Sehubungan itu, kami *hendak pulangkan sekumpulan* ini yang berjumlah 377 batang dan **memintakan** supaya menggantikannya dengan mutu pen yang biasa kami pesan dahulu.

Pen-pen yang bermasalah itu adalah *merupakan daripada kumpulan* 500 batang yang dibekalkan melalui pesanan No. 6785 yang bertarikh 28 hb Julai 2007. Pesanan ini telah dibuat setelah memeriksa sebatang pen contoh yang ditinggalkan oleh seorang wakil tuan. Kami sendiri telah **bandingkan** contoh ini dengan beberapa batang pen dari bungkus yang bermasalah dan terdapat bukti tentang kerosakan pen-pen itu. Terdapat beberapa batang pen yang **kebocoran** dan ada yang mempunyai *dakwatnya yang kembang* apabila menulis.

Sila maklumkan kepada kami cara bagaimana **memulangkan** ini boleh dilakukan.

Yang benar.

---

## **Format dan binaan Ceramah / Syarahan / Pidato**

Secara kasarnya binaan sesuatu penulisan bentuk di atas terdiri daripada :

### **Pembuka kata**

- dikenali juga sebagai kata aluan
- hendaklah mengikut protokol
- menyatakan penghargaan kepada hadirin dan pihak tertentu.
- memberikan salam kepada majlis
- ditujukan kepada pengurus majlis, dif-dif terhormat, jemputan khas, pengajur dan hadirin

### **Pengenalan / permulaan**

- memperkenalkan tajuk keseluruhan
- memberikan maksud topik yang ingin disampaikan.
- utarakan idea yang akan dihuraikan

## Penutup

- kesimpulan dibuat berdasarkan isi yang terdapat dalam penjelasan
- rakamkan penghargaan kepada pengajur
- lafaz ribuan ampun dan maaf
- harapan agar penjelasan yang diberikan memberi manfaat

## Contoh 1

### Tajuk : Jenayah Kanak-Kanak Di Bawah Umur

Yang mulia pengurus majlis, Yang berusaha tuan pengetua, guru, dan pelajar sekalian. Selamat pagi dan selamat sejahtera.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak sekolah kerana memberi peluang kepada saya dari balai polis daerah untuk berceramah di sekolah ini. Saya telah diminta oleh pihak sekolah untuk memberi ceramah atas tajuk “*Jenayah di kalangan kanak-kanak di bawah umur*”. Sebelum saya meneruskan ceramah saya, elok saya jelaskan maksud ayat jenayah di kalangan kanak-kanak di bawah umur.

Hadirin sekalian,

Jenayah dikatakan wujud jika seseorang melakukan kesalahan yang bertentangan dengan undang-undang negara seperti mencuri, merogol, merompak, peras ugut, menipu membunuh dan sebagainya. Kanak-kanak di bawah umur mengikut tafsiran undang-undang ialah kanak-kanak yang berumur di antara sepuluh hingga lapan belas tahun. Jadi, pelajar di sini yang masih di bawah umur lapan belas tahun dianggap sebagai kanak-kanak. Setiap kanak-kanak di bawah umur yang melakukan kesalahan tertakluk kepada undang-undang Mahkamah Juvana. Mahkamah ini melindungi mereka daripada dipenjarakan. Ini bermakna seorang budak yang ditangkap oleh polis dalam masa 24 jam mesti dirujukkan kepada Mahkamah Juvana untuk keputusan selanjutnya sama ada menghantar mereka ke pusat pemulihan akhlak atau dibebaskan dengan pengawasan polis.

Hadirin yang dihormati,

Pihak polis boleh menangkap kanak-kanak yang didapati merayau-rayau dalam keadaan yang mencurigakan. Kami akan merujuk kepada Mahkamah Juvana dalam tempoh 24 jam untuk tindakan seterusnya. Jadi di sini, saya menasihatkan pelajar supaya jangan suka merayau-rayau seorang diri tanpa tujuan.

Sebenarnya kes yang melibatkan kanak-kanak di bawah umur sedang meningkat di negara kita. Yang menghairankan kita ialah ialah lebih 90% ibu bapa enggan mengakui bahawa mereka bertanggungjawab menyebabkan anak mereka terlibat dalam jenayah. Di sini saya ingin bertanya kepada pelajar sekalian, siapakah yang patut dipersalahkan sekiranya anda terlibat dalam jenayah. Adakah kita akan salahkan guru kita atau ibu bapa yang kurang mengambil berat tentang akhlak kita?

Hadirin sekalian,

Kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah seperti mencuri merosakkan harta benda, peras ugut dan sebagainya melibatkan kanak-kanak lelaki dan perempuan. Setengah-setengah kes jenayah tidak dilaporkan kepada kami. Terdapat ibu bapa yang lebih suka menyalahkan pengaruh kawan, alam sekeliling, dan media massa daripada menyalahkan diri sendiri. Pihak polis menghadapi kesukaran jika terpaksa bekerjasama dengan ibu bapa untuk mengatasi masalah ini kerana kebanyakkan ibu bapa bersikap lepas tangan dan menyerahkan tanggungjawab bulat-bulat kepada pihak polis dan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Hadirin sekalian,

Pihak kami mendapati punca jenayah dalam kalangan kanak-kanak ialah pengaruh sosial, kawan-kawan cara didikan dan kawalan ibu bapa. Ibu bapa yang gagal mendidik anak-anak dari aspek moral dan akhlak akan mendorong anak-anak terlibat dalam jenayah. Kanak-kanak Melayu lebih cenderung melakukan jenayah kerana terpengaruh penghijrahan dari kampung ke bandar. Manakala budak-budak keturunan Cina lebih banyak terlibat dalam kes judi dan kongsi gelap kerana mereka mudah mendapat wang dan suka melibatkan diri dalam aktiviti peras ugut.

Hadirin sekalian,

Beberapa langkah telah dijalankan oleh Kementerian Pendidikan untuk membentuk pelajar yang berakhhlak dan bermoral tinggi dengan memperkenalkan beberapa pelajaran baru dan aktiviti ko-kurikulum.

Di sini saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya membina lebih banyak tempat rekreasi untuk mengalihkan perhatian kanak-kanak daripada melakukan kesalahan dari segi undang-undang kepada aktiviti yang lebih sihat. Diharapkan ibu bapa dapat mengubah sikap agar memberi kerjasama yang lebih kepada kami dari Jabatan Polis untuk mengurangkan masalah jenayah kanak-kanak pada masa depan.

Para hadirin,

Sekian dulu ceramah yang dapat saya sampaikan. Memandangkan masa yang diberi sudah cukup, maka saya berhenti setakat ini. Sekiranya ada soalan yang berhubung dengan penjelasan saya tadi, sila kemukakan dalam sesi soal jawab selepas ini. Sekian terima kasih.

## Contoh 2

### Tajuk: Ke Arah Pengisian Wawasan Pendidikan

Assalamualaikum dan selamat sejahtera.

Yang mulia saudara pengurus majlis, yang dihormati Tuan Pengetua, pensyarah penasihat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Berhubung tajuk bakal dibentangkan,  
Isu pengisian yang akan dihurstai,  
Dalam konteks wawasan pendidikan  
Satu agenda yang belum selesai.

“Ke arah pengisian wawasan pendidikan”, begitulah bunyinya tajuk pidato yang akan saya sampaikan pada pagi ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Wawasan 2020 merupakan cita-cita besar untuk mengangkat maruah, martabat dan harga diri bangsa Malaysia. Perdana Menteri

Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir b. Mohamad, ingin mewujudkan sebuah negara yang maju menjelang tahun 2020. Beliau telah mengajak seluruh rakyat Malaysia memandang masa hadapan bangsa dan negara secara optimistik. Hasrat ini telah disuarakan oleh beliau dalam pembentangan kertas kerja beliau yang berjudul "Malaysia Melangkah ke Hadapan", dalam Majlis Perdagangan Malaysia yang telah diadakan pada 28 Februari 1991.

Kini ungkapan wawasan 2020 sudah begitu biasa didengar kerana amat kerap diperkatakan. Kementerian Pendidikan juga seiring dengan jentera kerajaan dan swasta yang lain bergerak ke arah mengisi sembilan cabaran Wawasan 2020, kerana sebahagian besar daripada cabaran-cabaran itu berkait rapat secara langsung dengan pendidikan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

(Isi 1) .....

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

(Isi 2).....

Para hadirin sekalian,

(Isi 3) .....

Tuan-tuan dan puan –puan,

(Isi 4).....

Para hadirin sekalian,

Demikianlah cabaran-cabaran yang perlu kita hadapi untuk mencapai wawasan pendidikan. Sebagai pendidik, kita perlu faham dan menghayati wawasan pendidikan dan apa yang perlu dilakukan untuk mengisi wawasan itu.

Arak-arak kelapa tuan,

Tidak puan kelapa bali,

Mereka mengharap kepada tuan-tuan,

Tidak tuan siapa lagi?

Yakinlah kita dapat mengisi wawasan kita, maka dengan sendirinya hasil daripada pendidikan kita akan lahir generasi baru yang akan dapat membina sebuah negara Malaysia yang serba maju. Agenda ini baru bermula dan masih jauh daripada penyelesaian. Umpama pisau di tangan kanan, mentimun di tangan kiri, kini terserah kepada kita semua untuk menentukan penyelesaiannya.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Setakat ini pidato saya pada pagi ini. Semoga apa yang saya sampaikan tadi boleh mendarangkan manfaat kepada kita semua. Sebelum saya mengundur diri, saya memohon ampun dan maaf sekiranya kesilapan dan ketelanjuran budi bicara.

Sekian, terima kasih.

## Format dan Binaan Wawancara

### Pendahuluan:

- memulakan kata-kata, (kata aluan)
- menyatakan tajuk perbualan
- memperkenalkan diri contoh menyatakan dari pihak media berkenaan
- perkenalkan tokoh atau orang yang akan diwawancara

### Isi:

- pewawancara akan memulakan dialog dengan orang yang diwawancara
- mengucapkan selamat
- mengucapkan tahniah atas sesuatu kejayaan yang diperolehi
- mengemukakan soalan mengikut urutan
- soalan hendaklah berkisar dengan tajuk

### Penutup:

- menutup dengan kata-kata yang menandakan bahawa wawancara telah berakhir.
- ucapan terima kasih kepada yang diwawancara

## Contoh wawancara

Selamat sejahtera dan selamat bertemu lagi dalam rancangan wawancara. Kali ini TV3 menjemput Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Elyas Omar ke studio untuk menjelaskan nilai-nilai kebersihan dalam kalangan penjaja di ibu kota.

- Pengerusi: Selamat datang ke studio, Tan Sri.
- Tan Sri: Terima kasih.
- Pengerusi: Mula-mula saya ingin bertanya, apakah pandangan Tan Sri berhubung dengan tanggungjawab orang ramai terhadap kebersihan di bandar raya kita ini?
- Tan Sri: Orang ramai sepatutnya menyedari tentang tanggungjawab masing-masing dalam meningkatkan mutu kebersihan di bandar raya ini. Kesedaran ini penting kerana kerajaan telah mengadakan kempen kebersihan sejak tahun 2000.
- Pengerusi: Pada pendapat Tan Sri, adakah kempen yang sedang berjalan ini berjaya?
- Tan Sri: Kempen yang diadakan secara berterusan pada setiap tahun berjaya membantu penjaja dan orang ramai memupuk nilai-nilai kebersihan.
- Pengerusi: Apakah langkah yang diusahakan oleh Dewan Bandaraya?
- Tan Sri: Pelbagai langkah telah dijalankan oleh Dewan Bandaraya untuk meningkatkan tahap kebersihan di bandar raya.
- Pengerusi: Bagaimanakah caranya pihak DBKL meningkatkan tahap kebersihan di kalangan penjaja?
- Tan Sri: Pihak kami menumpukan perhatian terhadap kebersihan diri, cara memasak, menghidang, dan melayan pelanggan.
- Pengerusi: Apakah tindakan yang telah dilaksanakan oleh DBKL dari semasa ke semasa?
- Tan Sri: Kami mengadakan krusus sivik dan kempen kebersihan di kalangan penjaja supaya mereka memelihara nilai-nilai kebersihan.
- Pengerusi: Apakah rancangan jangka panjang yang telah dirancang oleh DBKL?
- Tan Sri: DBKL bercadang meningkatkan program kebersihan dan mencegah kekotoran, mengkaji semula undang-undang

dengan menumpukan kepada ciri-ciri kebersihan dan keindahan.

- Pengerusi: Adakah pihak penjaja mematuhi arahan daripada DBKL?
- Tan Sri: Pada masa ini, ramai penjaja sudah mematuhi arahan yang memastikan mereka memakai apron dan penutup kepala sejak peraturan itu berkuat kuasa pada tahun lalu.
- Pengerusi: Mungkinkah DBKL akan mengambil tindakan terhadap penjaja yang melanggar peraturan?
- Tan Sri: Ya. DBKL tidak teragak-agak untuk bertindak terhadap mereka yang gagal mewajibkan kebersihan diri mereka dan makanan.
- Pengerusi: Bersetujukah Tan Sri, jika mereka yang melakukan kekotoran dihukum?
- Tan Sri: Saya memang bersetuju dengan saranan untuk mengenakan hukuman kepada orang yang melakukan kekotoran seperti mendenda dan menghukum mereka dengan cara membersihkan kawasan yang dicemari.
- Pengerusi: Apakah kebaikan hukuman yang disarankan oleh Tan Sri?
- Tan Sri: Jika mereka tidak mematuhi arahan dan peraturan, memang wajar mereka dihukum mencuci serta membersihkan kawasan yang dikotorkan. Dengan cara ini, hukuman dapat mendisiplinkan masyarakat.
- Pengerusi: Sekianlah wawancara saya dengan Datuk Bandar Kuala Lumpur. Saya bagi pihak penerbit mengucapkan terima kasih kepada Tan Sri kerana sudi menjayakan wawancara kali ini.

### Contoh Cerpen

Berdasarkan tajuk “Air Mata Mengiringi Kejayaan”, cuba anda sambungkan cerpen ini yang bahagian awalnya berbunyi

**Memang sejak dari kecil lagi Nora sudah mula menanam cita-cita ingin menjadi seorang doktor. Kini cita-citanya telah tercapai. Semasa menunggu gilirannya untuk menerima ijazah di dewan besar itu, hatinya berdebar-debar.....**

## Panduan

Bahagian awal cerpen bertajuk “Air Mata Mengiringi Kejayaan” menjelaskan kepada kita watak utama, iaitu Nora yang telah berjaya mendapat ijazah kedoktoran. Dari tajuk sahaja, anda telah memahami bahawa kejayaan Nora disambut dengan air mata atau kesedihan. Terpulanglah kepada anda bagaimana menceritakan peristiwa yang telah berlaku kepada Nora atau keluarganya.

### Isi yang dicadangkan

Plot cerita:

- a. Nora menerima ijazah kedoktoran dengan hati yang berdebar-debar.
- b. Ibu dan ayah tidak dapat bersama-sama di hari konvokesyen di universiti kerana ibunya sakit.
- c. Ingatan Nora pada nasihat ibu dan bapanya. Mereka yang membayai perbelanjaan di universiti.
- d. Selepas menerima ijazah, ketika berehat-rehat dia menerima panggilan menyatakan ibunya sakit tenat.
- e. Setibanya di kampung ibunya telah meninggal dunia.
- f. Nora bersedih kerana ibunya tidak sempat menikmati kejayaan anaknya.

Watak: Nora, ibu, bapa, kawan-kawan

Latar: Dewan konvokesyen, rumah sewa, kampung

Tema: Ketabahan hati seorang wanita untuk mencapai kejayaan

## Contoh Ulasan

### Soalan 1

Anda merupakan seorang penulis dan penerbit buku yang terkenal. Seorang wartawan telah meminta bantuan anda untuk memberikan ulasan sebuah buku terbaru di pasaran. Buku tersebut berjudul ‘Panduan Latihan Mengajar’. Ulasan anda akan diterbitkan dalam sebuah majalah keluaran Dewan Bahasa dan Pustaka. Buat ulasan anda selengkapnya.

## Contoh Ulasan Buku

Judul Buku	:	Panduan Latihan Mengajar
Penulis	:	Abdul Rahim Rasyid dan Aminah Sidek
Penerbit	:	Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur
Tahun Terbit	:	2007
Pengulas	:	Nama anda .....

Buku ini ditulis khas untuk guru pelatih yang menjalani kursus perguruan di maktab perguruan di Malaysia. Buku ini ditujukan juga untuk siswasah yang mengikuti kursus Diploma Pendidikan di universiti tempatan. Kedua-dua penulis buku tersebut ialah pensyarah di Fakulti Pendidikan di Universiti Kebangsaan Malaysia. Mereka mempunyai pengalaman selama 10 tahun di universiti tersebut.

Buku ini mengandungi 12 bab yang menceritakan aspek penting yang perlu diketahui sewaktu guru pelatih menjalani latihan pengajaran di sekolah. Bab pertama membincarkan perspektif latihan mengajar. Bab ini menerangkan tujuan latihan mengajar, tanggungjawab guru, manfaat latihan mengajar dan langkah untuk memaksimumkan keberkesanannya latihan mengajar.

Bab kedua pula memberikan penjelasan tentang buku persediaan mengajar. Bab ini turut menerangkan cara menulis skim kerja, rancangan mingguan dan rancangan harian

Dalam bab ketiga, cara meyediakan rancangan pelajaran diterangkan. Bab ini menghuraikan cara menyatakan komponen penting dalam rancangan pelajaran, objektif pengajaran dengan betul, langkah pengajaran dan cara meyediakan rancangan

Dalam bab keempat.....

Seterusnya bab kelima .....

Topik tentang disiplin pelajar pula dibincangkan di bab keenam .....

Dalam bab ketujuh .....

.....**hingga seterusnya bab kedua belas**

Kesimpulannya, buku ini ditulis oleh sekumpulan pensyarah universiti yang pakar dalam bidang pengajaran dan perguruan. Mereka pernah menjadi guru sebelum mengajar dan menyelia guru pelatih di maktab perguruan dan universiti. Buku ini ditulis dengan cara, gaya dan bahasa dengan jelas, tepat dan mudah difahami oleh pembaca. Perbicangan berdasarkan pengetahuan penulis yang mendalam dan pengalaman penulis yang luas dalam hal yang bersabit dengan aspek latihan mengajar. Buku ini dapat dijadikan buku panduan yang cukup bernilai bagi guru yang akan menghadapi latihan mengajar di sekolah. Setiap guru pelatih perlu membaca buku ini dan mendapat manfaat yang maksimum daripadanya.

## **Contoh Ulasan Cerpen /Novel**

### **Soalan 2**

Anda merupakan seorang penulis novel yang terkenal. Seorang penulis buku telah meminta bantuan anda untuk memberikan ulasan sebuah cerpen berjudul “Tuk Mat Jenin”. Ulasan anda akan diterbitkan dalam sebuah majalah keluaran Dewan Bahasa dan Pustaka. Buat ulasan anda selengkapnya.

### **Rangka Ulasan**

#### **Pengenalan**

- sinopsis secara ringkas cerpen / novel – kronologi cerita

#### **Aspek Ulasan:**

- tema dan persoalan
- watak utama/perwatakannya
- nilai-nilai kemanusiaan dan kemasyarakatan
- pengajaran
- gaya bahasa yang digunakan

#### **Kesimpulan:**

- keistimewaan cerita ini secara keseluruhan – harapan pengulas

## Penulisan Karangan: Perbincangan

### Contoh Soalan

1. Kisah penderaan kanak-kanak sering tersiar di media cetak dan media elektronik sejak kebelakangan ini. Bincangkan faktor-faktor yang menyebabkan wujudnya masalah ini dan kesan-kesannya terhadap kanak-kanak berkenaan.
2. Kekuatan sesebuah negara bukan sahaja bergantung pada peranan pasukan keselamatan, tetapi juga bergantung pada peranan anggota masyarakat. Bincangkan.

## Rangka Karangan

### Soalan 1

#### *Pendahuluan*

Kisah penderaan kanak-kanak sering tersiar di media cetak dan elektronik – dilakukan oleh ibu bapa atau penjaga

#### *Isi-isi penting*

1. Faktor wujudnya masalah ini
  - Perpecahan keluarga seperti penceraian, kematian ibu atau bapa menyebabkan anak-anak dijaga oleh ibu atau bapa tiri, saudara mara atau orang lain
  - Tekanan ekonomi – emosi ibu bapa terganggu – bertindak kasar dan liar kepada anak-anak untuk melepaskan tekanan perasaan
  - Ibu bapa ayng berkahwin dalam usia yang terlalu muda – belum bersedia memikul tanggungjawab sebagai ibu bapa - menganggap anak-anak sebagai beban dan menyekat kebebasan mereka – bertindak kasar dan memukul anak.
2. Kesan terhadap kanak-kanak
  - Perkembangan mental kanak-kanak terjejas – akan mengabaikan pelajaran dan tidak yakin pada diri sendiri

- Menyebabkan kanak-kanak cedera dan mengalami kecacatan
  - perkembangan fizikal terjejas – boleh membawa maut
- Kanak-kanak mudah terpengaruh oleh gejala-gejala sosial
  - menjelaskan keharmonian hidup berkeluarga.

*Penutup*

- Semua pihak perlu bekerjasama bagi mengurangkan masalah ini
  - berharap agar masalah ini dapat diatasi segera.

**Latihan 3**

**Arahan:** Tulis sebuah karangan tentang satu daripada perkara yang diberi di bawah. Panjang karangan hendaklah **tidak kurang** daripada 450 patah perkataan.

1. Kisah penderaan kanak-kanak sering tersiar di media cetak dan media elektronik sejak kebelakangan ini. Bincangkan faktor-faktor yang menyebabkan wujudnya masalah ini dan kesan-kesannya terhadap kanak-kanak berkenaan.
2. Pada hari ini kewujudan Institusi Pengajian Tinggi Swasta adalah bagai cendawan tumbuh selepas hujan. Banyak pihak yang menyokong penubuhan institusi berkenaan dan tidak kurang juga yang menentangnya. Anda tertarik dengan perkembangan tersebut dan telah berbual-bual dengan rakan anda tentang kebaikan dan keburukan penubuhan Institusi Pengajian Tinggi Swasta.  
Tuliskan perbualan anda selengkapnya.
3. Anda bersama keluarga telah mengunjungi suatu tempat bersejarah yang terkenal di tempat tinggal anda. Anda tidak berpuas hati terhadap kebersihan dan penjagaan tempat bersejarah tersebut dan berharap kerja-kerja pemuliharaan tempat berkenaan perlu dilakukan dengan lebih teliti. Tuliskan sepucuk surat kepada pihak

yang berkenaan dan nyatakan sebab-sebab perlunya kerja-kerja pemuliharaan di tempat itu serta cadangkan cara yang sesuai untuk memulihara tempat tersebut.

Tuliskan surat itu selengkapnya.

4. Kerajaan melaksanakan projek perintis Koridor Raya Multimedia (MSC) kerana menyedari kepentingan teknologi maklumat bagi menghadapi era akan datang. Malangnya pada hari ini banyak pihak masih belum menyedari kepentingan teknologi maklumat dan tidak menguasainya. Pada hemat anda, apakah kebaikan-kebaikan yang akan diperoleh apabila segenap lapisan masyarakat di negara kita menguasai teknologi maklumat. Jelaskan.
5. Andaikan bahawa anda akan menyertai pertandingan syarahan yang dianjurkan oleh Persatuan Penulis Dewan Bahasa dan Pustaka, di kolej anda. Tajuk syarahan tersebut ialah Bahasa Melayu Mampu Memacu Masa Depan Yang Gemilang  
Sediakan teks syarahan tersebut selengkapnya.
6. Baru-baru ini Persatuan Bahasa Melayu sekolah anda telah mengadakan ‘Pertandingan Penulisan Kritikan Novel’. Anda berminat untuk menyertai pertandingan tersebut dan ingin menulis ulasan sebuah novel yang pernah anda baca.  
Tuliskan ulasan novel tersebut dengan selengkapnya.

# 6

## KEFAHAMAN

### PENGENALAN

Kemahiran membaca bahan prosa dan puisi adalah penting untuk menunjukkan samada pelajar memahami petikan yang dibaca atau tidak. Bahan-bahan yang dicadangkan untuk aktiviti membaca ialah bahasa dan sastera, kebudayaan, hal kemasyarakatan, dan hal-ehwal antarabangsa.

Jenis petikan yang dikemukakan berdasarkan sukanan pelajaran Matapelajaran Umum (MPU) ialah prosa dan puisi.

### LATIHAN BAB 6

#### Latihan 1

Papa, sudah lima belas musim papa tidak kembali melihat kami di sini. Bagaimanakah keadaan papa sekarang? Apa khabar Mak Cik Odah yang papa sayangi itu? Adakah udara di Bumi Kenyalang begitu nyaman hingga papa lupa akan kami di sini?

Papa, sejak surat papa kira-kira 13 tahun dulu, iaitu surat terakhir papa yang isinya sekaligus *memisahkan ikatan* papa dengan mama, papa tidak pernah mengunjungi kami, iaitu anak-anak papa. Apakan dosa kami sehingga begini nasib yang kami alami? Apakah dosa mama sehingga tergamak meninggalkannya?

Untuk pengetahuan papa, mama telah kembali ke rahmatullah dua minggu yang lalu. Penyakit barah payu dara yang dihidapnya rupanya membawa mama ke dunia lain. Lapan bulan lamanya mama *bergelut dengan keparahan* itu sebelum menyahut panggilan Tuhan yang lebih menyayangi mama.

Papa, tahukah papa bahawa cinta mama kepada papa sungguh suci? Meskipun papa menganggap mama ibarat bunga, segar dipakai layu dibuang, mama tabah menghadapinya. Mama tidak pernah makan hati berulamkan jantung. Malah mama tidak pernah memburuk-burukkan papa. Pada mama, bumi mana yang tidak ditimpah hujan, lautan mana yang tidak bergelora, dan bahtera mana yang tidak pernah menempuh gelombang ombak. Begitulah anggapan mama dan anggapan kami juga terhadap papa.

Papa, ketiadaan mama menghancurkan hati kami umpama kaca terhempas ke batu. Tanpa mama, hidup kami bagai kerakap tumbuh di batu, hidup segan mati tak mahu. Papa, datanglah menjenguk kami. Rindu kami pada papa *mencakar ingatan yang tidak bertepi*. Papa datanglah menemui kami sebelum duri malam menjelma.

Papa, carik-carik bulu ayam, lama-lama bercantum juga. Begitulah harapan kami terhadap papa. Kami sedar bahawa papa begitu menyayangi Mak Cik Odah. Putih katanya putihlah bagi papa, hitam katanya hitamlah bagi papa. Papa tidak *seharusnya berkemudi di haluan*. Pulanglah papa meskipun seketika cuma.

Papa, anak-anak papa sudah besar semuanya. Abang Syamin, menjadi arkitek di Petronas, Bangi. Kak Aisyah pula menjadi juruanalisis di MARDI dan saya, Jamaliah akan bergelar graduan tidak lama lagi. Tidak mahukan papa bersama mengecap kejayaan kami di sini? Apalah makna kejayaan ini kalau mama dan papa tidak ada di sisi kami. Pulanglah papa.

(Dipetik dan diubahsuai dari cerpen  
*Untukmu Papa* oleh Supian Md. Noor; Januari 1996)

- a. Terangkan maksud rangkaian kata-kata di bawah ini mengikut penggunaannya dalam petikan.
- memisahkan ikatan*
  - bergelut dengan keparahan*
- (2 markah)
- b. Jawab soalan-soalan yang berikut dengan berpandukan petikan.
- Apakah yang ingin diketahui oleh si penulis surat daripada *papa*? (2 markah)
  - Terangkan maksud perumpamaan, *carik-carik bulu ayam, lama-lama bercantum juga*. (2 markah)
  - Bagaimakah perasaan anda setelah membaca surat tadi? (2 markah)
  - Pada pendapat anda, mengapakah *papa* sudah lama tidak menemui anak-anaknya? (2 markah)

## Latihan 2

Masalah pencemaran alam sekitar merupakan isu yang semakin serius diperkatakan sejak akhir-akhir ini. Sebagaimana yang kita tahu, masalah ini adalah *masalah global* yang dialami bukan saja oleh negara maju, tetapi juga negara yang sedang membangun dan negara mundur.

Hakikat bahawa pembangunan sosial merupakan antara punca tercemarnya alam sekitar tidak dapat dipertikaikan. Contoh yang mudah difahami oleh semua ialah aktiviti pembalakan. Implikasi daripada penebangan hutan yang berleluasa mungkin tidak diketahui oleh semua orang. Apabila terjadi kondominium runtuh, tanah runtuh, banjir dan sebagainya, barulah kita *terjaga daripada lena*. Kita baru sedar bahawa alam sekitar memerlukan pemuliharaan dan perhatian yang rapi. Oleh itu, apakah tindakan kita sebagai individu yang mendiami alam semesta ini?

Negara kita mempunyai kesedaran dan komitmen terhadap alam sekitar sejak 1920-an lagi apabila terwartanya beberapa enakmen mengenai alam sekitar seperti The Waters Enactment dan The Mining Enactment dalam tahun 1920 dan 1929. Malaysia sangat terkenal di mata dunia sebagai negara yang mempunyai polisi dan undang-undang yang paling baik berhubung dengan alam sekitar. Walau bagaimanapun, masalah kekurangan tenaga manusia, masalah kewangan dan masalah pengurusan yang kurang cekap menjadi alasan kepada kurang berkesannya pelaksanaan polisi alam sekitar. Tetapi jika dilihat pada negara-negara membangun yang mempunyai wang, tidak sepatutnya negara-negara tersebut mengalami masalah dalam melaksanakan polisi alam sekitar kerana mereka mampu membayar kos tenaga buruh dan kos pengendalian pengurusan alam sekitar. Jadi, mengapa mereka panik dalam menangani masalah pencemaran alam sekitar? Fenomena ini berpunca daripada sifat tamak dan rasa tidak bertanggung jawab mereka.

Manusia mengeksplotasi alam sekitar kononnya untuk pembangunan sosial tetapi sebaliknya memusnahkan kehidupan. Ini jelas kerana implikasi terhadap pembangunan sosial oleh kemasuhan alam. Pembangunan dan pencemaran adalah seiring dan tidak dapat dipisahkan. Oleh itu, langkah-langkah untuk menyeimbangkan pencemaran dan pembangunan perlulah dilakukan kerana hanya dengan cara ini kita dapat mengatasi masalah merosotnya kualiti alam sekitar.

Strategi *serampang tiga mata* yang diatur oleh Jabatan Alam Sekitar dalam mengawal pencemaran alam meliputi langkah pemulihan melalui undang-undang, menyediakan garis panduan kepada pemaju dan perancang projek supaya sentiasa mengambil kira aspek alam sekitar dalam kegiatan pembangunan dan membantu pihak perancang serta pemaju dalam menerapkan aspek alam sekitar dalam perancangan projek serta menjalankan kajian terhadap kesannya kepada alam sekitar. Strategi ini adalah untuk *meminimumkan pencemaran* dan kesan sampingannya.

Oleh sebab pencemaran alam adalah masalah global, maka kerjasama antarabangsa dalam penyelidikan dan pengawalan terhadap alam perlu diperkuatkan. Kesedaran mengenai alam sekitar perlu juga disemai di sanubari setiap insan sejak kanak-kanak lagi kerana golongan inilah yang akan membesar dan menjadi unit masyarakat yang akan bertanggung jawab terhadap keselamatan alam.

Kesimpulannya manusia belum terlambat untuk menyelamatkan alam sekitar yang sedang tenat mengalami pencemaran. Keberkesanannya langkah-langkah mengawal pencemaran alam sekitar di negara kita masih boleh diperbaiki dan perlu dipertingkatkan selaras dengan undang-undang dan peraturan yang sedia ada.

- a. Terangkan maksud rangkaian kata-kata di bawah ini mengikut penggunaannya dalam petikan.
  - i. *masalah global*
  - ii. *terjaga daripada lena*(2 markah)
  
- b. Jawab soalan-soalan yang berikut dengan berdasarkan petikan.
  - i. Mengapakah pencemaran alam sekitar dikatakan masalah global? (2 markah)
  - ii. Jelaskan implikasi daripada aktiviti pembalakan. Bagaimanakah akibat daripada implikasi itu berlaku? (2 markah)
  - iii. Apakah masalah yang dihadapi oleh Malaysia dalam menangani masalah pencemaran alam sekitar ini? (2 markah)
  - iv. Pada pendapat anda, patutkah pembangunan sosial dan ekonomi diteruskan? Mengapakah anda berpendapat demikian? (2 markah)

### Latihan 3

#### **Sebatang Kali Yang Ternoda**

Suatu waktu dulu

di dada putih terpampang wajah indahmu  
disolek flora dan fauna mengimbau kalbu  
batu-batu kaku mengisi perutmu  
dingin air sesejuk salju

kejernihanmu berkaca-kaca  
sehingga kilat ikan di air  
sudah tahu jantan betinanya  
manakala sebagai unggas berkicau riang  
damai sukma setiap pengunjungmu.

Hari ini  
aku sekeluarga melewati sebatang kali  
yang rupa-rupanya sudah ternoda  
oleh kerakusan manusia gelojoh  
**merobek hutan dara** di puncak persada  
tumbang batang menghalang perjalanan.

Dengungan nyamuk dan lalat berpesta  
dari sampah sarap dan tin minuman milik kita  
di tambah kebisingan motoris gila  
resah gelisah setiap tetamu.

Oh, Sungai Bil!  
betulkah engkau seperti kata pepatah;  
“Sekali air bah, sekali pasir berubah”?

Oh, Sungai Bil!  
mungkin benar juga fatwa pujangga:  
“Indah khabar daripada rupa”.

1. Apakah yang dimaksudkan oleh penyajak dengan ‘**merobek hutan dara**’? (1 markah)
2. Gambarkan Sungai Bil suatu ketika dahulu? (2 markah)
3. Nyatakan nilai-nilai negatif yang dilakukan oleh manusia yang memberikan kesan yang buruk kepada Sungai Bil? (3 markah)
4. Terangkan maksud “sekali air bah, sekali pasir berubah” dalam konteks Sungai Bil. (1 markah)

5. Nyatakan usaha-usaha yang akan anda lakukan untuk membangunkan Sungai Bil sekiranya anda diberikan kuasa membangunkannya. (3 markah)

**Latihan 4**

**AKU MENJADI LEBIH BERANI**

Kali ini  
kau berbaju biru  
dan bajuku ungu  
sayang, hanya aku tahu  
hatimu  
tidak setulus hatiku  
yang berbaju ungu.

Bila begini, sebilah pisau aku tidak gentar  
sepatah kata,  
bisa, aku merasa.

Hati dan rasa mengejarku  
aku menjadi lebih berani.

1. Nyatakan sikap individu yang diperkatakan oleh penyajak. (2 markah)
2. Apakah maksud rangkap pertama sajak di atas? (2 markah)
3. Pada pendapat anda, mengapa manusia perlu berani menghadapi kehidupan? (2 markah)
4. Tuliskan nilai-nilai moral yang terdapat dalam sajak tersebut? (2 markah)

5. Penyajak menyatakan bahawa beliau tidak takur akan pisau. Sebagai manusia biasa apakah yang patut kita takuti?(2 markah)

## Latihan

**5**

Maka tiada berapa hari lamanya makan bahananya pun sampailah kepada rakit itu. Maka segala inang pengasuh dan tuan puteri itu pun terlalulah takut akan bunyinya bahana naga itu. Ada pun datangnya itu terlalulah takut naga itu akan parang puting itu. Maka naga itu pun terlalulah banyak datang. Maka laut itu pun berombaklah seperti gunung rupanya daripada kebanyakan rakyat naga itu.

Maka kata tuan puteri kepada mak Inang, “Katakanlah orang muda itu aku takut akan naga itu. Apa bicaranya, suruhlah ia bawa pergi barang ke mana-mana pun.”

Maka mak Inang pun keluarlah pergi mendapatkan budak itu dan segala kata tuan puteri semuanya dikhabarkan kepada budak itu. Maka budak itu pun tersenyum seraya ia berpantun yang berbunyi:

“Dian dua damar pun dua,  
Tanglung di rumah dewa laksamana;  
Diam juga sabarlah juga,  
Ada untung tiada ke mana.

Encik Bai berselendang batik,  
Pandai mengarang bunga diukir;  
Aduhai tuanku junjungan patik;  
Jangan tuanku banyak berfikir.”

Setelah sudah ia berkata-kata, maka naga itu hampirlah dekat dengan rakit itu. Maka budak itu pun berkata kepada parang puting, “Pergilah engkau bunuh naga itu, jangan engkau beri dekat ia ke mari.”

Maka parang puting itu pun membesarkan dirinya mengadang naga itu. Barang yang dekat ditetaknya. **Demikianlah lakunya**. Akan anak helang itu pun barang yang timbul dipagutnya mata naga itu.

(Dipetik daripada **Hikayat Parang Puting**)

1. Terangkan maksud rangkaian kata ‘Demikianlah lakunya’ mengikut penggunaannya dalam petikan. (1 markah)
2. Huraikan suasana alam sewaktu penumpang rakit itu akan diserang. (2 markah)
3. Terangkan maksud sebenar pantun yang dilafazkan oleh budak itu. (2 markah)
4. Jelaskan punca-punca yang memungkin naga-naga itu dapat dihapuskan. (2 markah)
5. Sebagai manusia biasa kita tidak digalakkan meminta bantuan daripada orang lain. Mengapa? Apakah jenis bantuan yang harus kita berikan kepada orang yang memerlukannya? (3 markah)

## Latihan 6

“Hei Mak Tupai, mu tolonglah carikan aku pinang tiga butir, aku nak pinang mabuk sebutir, pinang kelat sebutir, pinang manis sebutir,”

Maka Mak Tupai Putih pun carilah. Lama-lama jumpa pinang-pinang itu. Kemudian bawa sembah kepada Tuan Puteri Bongsu. Dia letak yang kelat di atas sekali, kemudian yang manis, di bawah sekali yang mabuk. Pinang itu kemudian dia beri kepada Awang Lutung sesudah makan nasi. Awang Lutung makan semua sekali tapi apabila terkena yang mabuk, maka meninglah Awang Lutung. Dia pun tidur di atas riba Tuan Puteri Bongsu.

Apabila Awang Lutung **jendera betul-betul** maka Tuan Puteri Bongsu pun letak kepala di atas bantal. Lepas itu dia pun turun ke tanah dia ambil sarung Awang Lutung, dia bakar. Pagi esoknya Awang Lutung pun turun ke tanah nak pakai sarung kera lutung dia. Dia cari-cari tapi tidak juga terjumpa. Lama-lama dia pun tanya Tuan Puteri Bongsu.

“Mana perginya sarung abang, adik? “Jawab Tuan Puteri Bongsu, “Hamba **gamaklah belulang**, jadi hamba pun ambil cucuh bakar api.” Jawab Awang Lutung, ”Dah bakar dah, apa nak buat lagi dah?”

Timbul pula nak royat kesah kakak-kakak Tuan Puteri Bongsu. Maka pergilah Tuan Puteri Sulung beritahu kepada ayah dia, “Ayah, Tuan Puteri Bongsu berperangai hodoh sungguh, tidak sopan sungguh, buat naik orang jantan ke bilik dia. Comelnya orang itu tidak dapat nak banding lagi dah.”

Ayah dia pun dengan tak usul periksa lagi terus pergi ke bilik Puteri Bongsu. Apabila dia kelih Awang Lutung, dia pun angkat pedang nak pancung Awang Lutung. Lantas Awang Lutung pun minta maaf dan kata dia, “Inilah ayah, kalau ayah nak kenal gak, menantu ayah yang bernama Awang Lutung tu. Lagu nilah kalu dia terbit dari sarung dia.”

1. Terangkan maksud rangkaian kata di bawah ini mengikut penggunaanya dalam petikan di atas.
2. - *jendera betul-betul* =  
- *gamaklah belulang* = (2 markah)
3. Mengapakah Tuan Puteri Bongsu menyuruh Mak Tupai Putih mencarikannya tiga biji pinang? (2 markah)
4. Apakah yang dilakukan oleh Tuan Puteri Bongsu setelah Awang Lutung mabuk dan terlena? (2 markah)
5. Mengapa Tuan Puteri Sulung memberitahu ayahnya tentang perbuatan Tuan Puteri Bongsu? (2 markah)
6. Bagaimanakah tindakan ayahnya apabila mengetahui perbuatan Tuan Puteri Bongsu? (2 markah)